

N A S K H A H
CENDERAMATA
JABATAN SAINS POLITIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI.

**MALAYSIA
DAN
INTERAKSI NEGARA-NEGARA
DI ARENA ANTARABANGSA**

**PROSIDING SEMINAR POLITIK
MALAYSIA KE-V**

Editor:

HAIRANY NAFFIS

Penerbit:

Jabatan Sains Politik
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

730187

REKOD-REKOD
KEMENTERIAN KEMAJLISAN
BERSAMA SAMA
KEMENTERIAN KEMAJLISAN
BERSAMA SAMA
KEMENTERIAN KEMAJLISAN
BERSAMA SAMA

829.109586
CEN

Hadiah
732057

28 JUN 1994
PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA

ISBN 983-99675-2-5
Cetakan Pertama Oktober 1992
Jabatan Sains Politik

Semua artikel yang terkandung dalam prosiding ini mencerminkan pandangan dan pendapat peribadi penulis artikel tersebut dan tidak mewakili pandangan dan pendapat Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dicetak oleh:

Pusat Teknologi Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

PRAKATA

Seminar Politik Malaysia kali ke-V telah berlangsung di kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 29 Februari dan 1 Mac 1992. Seminar bertemakan; *Malaysia: Interaksi Negara-Negara Dalam Arena Antarabangsa Dekad 1990-an* ini telah berjalan dengan sempurna dan mencapai objektifnya untuk mencernakan perbincangan yang luas dan analitis secara serius tentang Malaysia di tengah-tengah arus deras perubahan yang melanda masyarakat antarabangsa masakini.

Sememangnya benar bahawa dalam sebarang kajian yang bersifat subjektif dan normatif, pemilihan perspektif dan tanggapan-tanggapan yang sedia wujud dalam diri pengkaji akan menentukan jenis persoalan dan isu yang dibangkitkan serta jawapan atau penyelesaian yang dicapai. Justeru, seminar sebagai satu forum pertembungan fikiran tidak semestinya diadakan untuk memberi jawapan atau penyelesaian yang pasti dan tertentu untuk sesuatu isu yang dibincangkan, tetapi lebih dari itu ia seharusnya bertujuan untuk memberikan seluas-luas pandangan dan sebanyak mungkin perspektif supaya proses pembinaan minda intelek dapat meneroka dimensi-dimensi isu secara lebih terbuka dan objektif. Dengan premis sedemikian, seminar kali ini begitu signifikan sekali kepada Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya, kerana ia telah berjaya menemukan bekas pembuat dasar negara, ahli-ahli akademik tempatan dan negara jiran, diplomat asing, aktivis politik dan usahawan muda dalam satu forum akademik, membincangkan persoalan secara serius dari perspektif masing-masing dalam suasana yang berjaya merangsangkan minda.

Sepintas lalu, sebanyak 10 kertaskerja telah dibentangkan merangkumi aspek-aspek paling asas dalam hakikat kehidupan bernegara seperti aspek *kedaulatan negara-bangsa* sehinggalah ke aspek yang lebih bersifat metodologikal seperti masalah penganalisan kajian. Sesungguhnya, sehingga kini masih belum dicapai satu persetujuan yang menyeluruh di kalangan para pemikir, pembuat dan pelaksana dasar tentang batasan-batasan *kedaulatan* dalam hakikat hubungan satu-satu negara dengan aktor-aktor politik antarabangsa yang lain. Praktik politik antarabangsa setakat ini pula, tidak berjaya memaparkan jaminan bahawa *kedaulatan* yang telah dianugerah kepada negara-negara akan dihormati pada setiap ketika. Perlanggaran prinsip tersebut tidak semestinya membawa kepada pengenaan hukuman terutama jika ia dilakukan oleh kuasa-kuasa besar. Arah aliran sebegini sudah tentu akan melahirkan perasaan tidak puas hati di kalangan negara-negara lain justeru mereka melantik diri mereka sebagai hakim dan juri serentak dalam menilai dan bertindakbalas di peringkat antarabangsa. Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Ghazali Shafie dalam ucapan perasmian seminar telah mengupas masalah ini dari sudut teori dan praktiknya di peringkat antarabangsa. Beliau telah mempertikaikan keabsahan prinsip tersebut yang dibuat oleh pihak barat dan dicabuli oleh pihak barat sendiri. Menurut beliau, masyarakat di negara-negara sedang membangun khususnya, tidak seharusnya terkongkong dengan interpretasi dan penilaian orang barat, jika mereka mahu maju dan terus merdeka. Kebijaksanaan bertingkhalku dan perpaduan di kalangan negara-negara selatan terutamanya, akan menentukan *kedaulatan* mereka sentiasa terjamin tanpa tunjangan barat.

Malaysia sebagai salah sebuah negara membangun yang telah berkembang pesat dalam pelbagai segi, telah berusaha kuat untuk melahirkan kestabilan order negara sama ada di dalam ataupun di luar negara. Pengalaman negara ini dalam proses tersebut tidak memperlihatkan suatu jalan mudah dan selesa, tetapi sebaliknya ia melibatkan kos yang amat tinggi. Peranan kepimpinan yang peka kepada kehendak rakyat serta perkembangan serantau dan dunia seluruhnya telah berjaya membawa negara ini melalui cabaran-cabaran dari dalam dan luar negeri. Saudari Saidah Abdullah dalam kertas beliau melihat perkembangan ini selama lebih tiga dekad bermula dari era kepimpinan Tunku Abdul Rahman sehingga masakini. Beliau berpendapat bahawa walaupun tahap-tahap kepimpinan tersebut mempunyai keistimewaan yang tersendiri, namun tahap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir telah mempamerkan sikap negara yang lebih tegas, bebas dan aktif terutama dalam aspek perhubungan luar negara. Peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri ini khususnya, telah menyebabkan Malaysia mula dianggap sebagai aktor yang semakin berpengaruh di peringkat antarabangsa. Dalam nada yang hampir serupa, Vinod B. Sekhar pula cuba menggariskan peranan yang boleh dimainkan oleh negara dalam pelaksanaan tatabaru dunia pasca Perang Dingin dan Perang Teluk. Pengukuhan peranan dalam meluaskan pasaran ASEAN, kerjasama rapat dengan negar-negara Perindustrian Baru (NIC's) dan komitmen ke arah merealisasikan EAEC serta penggemblengan tenaga masyarakat berbilang bangsa dan kaum dalam negara dilihat sebagai angkuh-angkuh penting yang akan menentukan kejayaan negara ini pada masa hadapan.

Perbezaan orientasi, matlamat dan kepentingan nasional selalunya boleh membawa kepada ketegangan perhubungan di antara negara-negara di arena antarabangsa, terutamanya di kalangan negara-negara yang berjiran. Namun, sejarah telah membuktikan bahawa kehijaksanaan mengendalikan dasar luar, kepekaan terhadap kepentingan nasional dan serantau antara satu negara dengan negara lain serta semangat setiakawan, merupakan pra-syarat perhubungan harmoni antarabangsa. Dra Aelina Surya mengemukakan aspek-aspek ini dalam menganalisa perhubungan antara *jiran yang bersaudara* iaitu Malaysia-Indonesia. Kerjasama rapat di bidang politik, ekonomi, sosial-budaya dan pendidikan antara dua negara tersebut telah berjaya mewujudkan hubungan yang stabil, kukuh dan penuh potensi positif. Dasar luar kedua-dua negara sentiasa memperlihatkan keinginan mengadakan perhubungan akrab dalam setiap bidang. Malaysia misalnya, sejak kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir telah melancarkan *Dasar Pandang Ke Timur* yang memaparkan penekanan positif terhadap kemajuan dalam bidang industri dan pembangunan yang berkiblatkan negara-negara timur dan serantau. Sudah tentu, ini melambangkan keinginan negara untuk menstabilkan perhubungan serantau vis-a-vis negara-negara jirannya, dan antarabangsa. Justeru hubungan Malaysia-Indonesia akan terus menjadi teras dasar luar negara. Satu lagi dimensi penting dalam *Dasar Pandang Ke Timur* ini ialah pengambilan Jepun sebagai model pembangunan negara. Saudari Mahfudzah Mustafa mengupas aspek ini dengan melihat sejarah perhubungan ekonomi di antara Jepun dan Malaysia, polisi-polisi kedua buah negara berkaitan dengan perindustrian, pelaburan dan perdagangan serta masadepan perhubungan tersebut dalam menangani tatabaru dunia tunjangan Amerika Syarikat.

Selain dari memaparkan persoalan-persoalan yang berkaitan secara langsung dengan perhubungan luar Malaysia, Seminar Politik Malaysia yang Ke-V ini juga telah

membincangkan aspek-aspek penting dalam agenda tingkahlaku antarabangsa seperti krisis-krisis dan peperangan yang juga secara tidak langsung meninggalkan kesan ke atas politik hubungan luar Malaysia. Misalnya krisis di Kemboja dan proses perdamaannya selepas itu, telah membabitkan penglibatan sumber-sumber negara ini yang disalurkan melalui ASEAN terutamanya. Professor Madya Dr. Johan Saravananamuttu mengulas secara terperinci isu ini dalam kertas beliau. Selain dari menganalisa aktor-aktor yang terlibat serta mengenalpasti fakta-fakta krisis tersebut, beliau juga telah meneliti tahap-tahap konflik serta proses dinamik yang membawa kepada resolusi konflik Kemboja. Beliau berpendapat bahawa implikasi perdamaian di Kemboja untuk hubungan Indo-China - ASEAN amat besar. Politik serantau akan menjadi aman dan tidak lagi dihantui oleh ketegangan serantau buat pertama kali sepanjang sejarah pasca-perang dunia kedua.

Sesungguhnya Amerika Syarikat sebagai adikuasa unggul dewasa ini, berupaya menentukan sama ada politik antarabangsa akan terus diwarnai oleh ketegangan, sikap curiga-mencurigai, krisis dan peperangan ataupun sebaliknya kerjasama, perpaduan dan keamanan yang positif dapat tercapai. Di samping pengaruh dominannya yang unik, Amerika Syarikat mempunyai sumber-sumber dan kepakaran yang boleh dimanfaatkan oleh dunia seluruhnya untuk melahirkan tatabaru yang benar-benar adil dan diterima semua. Dengan latarbelakang sebegini, Gene B. Christy cuba melihat perubahan peranan yang boleh dimainkan oleh Amerika Syarikat terutamanya di rantau Asia Pasifik. Selain membincangkan dimensi-dimensi keselamatan, ekonomi dan kemanusiaan, beliau beranggapan bahawa cabaran utama tahun-tahun 90-an ialah bagi membentuk keamanan dan kemajuan yang progresif untuk semua.

Tan Sri Ghazali Shafie dalam membincangkan perhubungan dan cabaran negara-negara utara-selatan, telah menggariskan beberapa cadangan yang dirasakannya perlu diberi perhatian dalam menghadapi tatabaru dunia yang tersebut di atas. Antara cadangan-cadangan beliau ialah pengukuhan otonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pelaksanaan *GATT* secara sepenuhnya, penyusunan semula keadaan ekonomi, politik dan sosial negara-negara selatan dan yang terpenting ialah dengan pengukuhan perpaduan di kalangan negara-negara selatan khususnya melalui perombakan peranan *Non-aligned Movement*.

Satu lagi dimensi penting yang sering mendominasi agenda politik antarabangsa ialah aspek keamanan di Timur-Tengah. Ustaz Nawawi Ahmad mengupas aspek ini dengan meneliti antara lain faktor kaum, agama, ideologi dan pengaruh kuasa-kuasa luar. Adalah merupakan satu fakta bahawa walaupun rantau itu terkenal dengan kekayaan sumber semulajadi terutamanya minyak, namun kekayaan dari sudut ekonomi itu telah tidak berjaya memberikan kestabilan politik dan sosial yang konkrit. Sebaliknya beberapa wilayah di rantau itu terus berada dalam keadaan konflik berdarah yang berpanjangan dan tidak berupaya diselesaikan oleh sama ada organisasi serantau atau badan antarabangsa lainnya. Kekayaan sumber ekonomi dalam kes Timur-Tengah ini tidak berjaya menjadi agen penstabil negara tetapi sebaliknya menyebabkan ia menjadi rebutan berbagai pihak serantau dan luar sehingga kini. Ini dibuktikan sekali lagi oleh pencerobohan Iraq terhadap Kuwait pada pertengahan 1990 dan tindakan pihak Bersekutu diketuai oleh Amerika Syarikat selepas itu, bagi mengusir Iraq dari Kuwait. Kesan tindakan pihak Bersekutu ke atas Iraq inilah yang dibincangkan oleh Saudara Fan Yew Teng dalam

kertas beliau. Beliau berpendapat bahawa Amerika Syarikat telah berjaya mempengaruhi dunia melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan menggunakan tipu helah dan rasuah untuk melakukan pembunuhan dan pemusnahan kejam terhadap Iraq. Selain dari itu juga, beliau telah membincangkan ketidakadilan dan sikap hipokrit Amerika Syarikat dalam mengendalikan polisi luarnya.

Sebagai penutup, saya cuba mengemukakan beberapa persoalan yang sering menjadi batasan dalam melahirkan suatu kajian ilmiah yang objektif dan bertanggungjawab dalam ilmu politik antarabangsa. Sehingga kini masih terdapat terlalu banyak elemen yang saya rasakan telah menimbulkan kesangsian dan kekeliruan dalam ilmu politik antarabangsa. Umpamanya, ialah cara perolehan, pemerosesan dan pemaparan data yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang bercanggah antara satu sama lain. Pada saya, kegagalan memaparkan persoalan secara objektif dan jujur yang merupakan salah satu sebab yang membawa kepada kesukaran untuk mencari jalan bagi membentuk keamanan dunia.

Adalah jelas bahawa seminar ini telah berjaya meneroka pelbagai dimensi isu dan persoalan yang melibatkan Malaysia di arena antarabangsa sama ada secara langsung atau tidak. Sesungguhnya kesemua kertas-kertas yang dibentangkan dalam seminar tersebut telah menitikberatkan manfaat pendedahan ilmu sebagai angkuah penting kepada kesejahteraan manusia dalam kehidupan bernegara. Selain dari mengucapkan syabas kepada pihak penganjur dan pembentang kertas kerja, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Puan Salmah, Puan Fadhilah, Puan Faizah, Saudara Rosdin dan Saudara Safiai yang telah banyak membantu dalam proses melahirkan prosiding ini.

Hairany Naffis
Jabatan Sains Politik
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

15 Oktober 1992.

Ucapan Perasmian Seminar Politik Malaysia Ke-V

Kedaulatan Dalam Arena Antarabangsa Bagi Dekad 1990-an

Tan Sri (Dr.) M. Ghazali Shafie

Saya sangat berbangga dan besar hati kerana diajak bersama saudara saudari anggota Persatuan Mahasiswa Sains Politik (UKM) mengambil bahagian dalam Seminar Politik Malaysia V yang bertajuk *Interaksi negara-negara dalam arena antarabangsa bagi dekad 90-an*.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada penganjur seminar ini khasnya kepada Persatuan kerana sudi mengundang saya dan juga memberi kesempatan untuk merasmikan Seminar ini.

Di dalam kita mengkaji soal interaksi antara negara dengan negara, saya kadangkala merasa bingung kerana walaupun sains dan teknologi telah membawa kita jauh tetapi nampaknya fikiran kita berkenaan dengan beberapa perkara antarabangsa tidak selari dan selaras dengan tamadun dan pergolakan semasa.

Malaysia dan begitu juga negara lain baru sahaja menikmati kemerdekaan dan sangat mementingkan taraf kedaulatan, *sovereignty*, sebuah negara. Inilah satu-satunya soal yang saya rasa masih samar-samar lagi kerana nampaknya penghormatan terhadap kedaulatan selalu berubah mengikut istilah siapa yang berkuasa.

Konsep kedaulatan dalam rangka hukum antarabangsa direncanakan jelas oleh Grotius (1583-1645 masehi) yang bolehlah digelar bapak kepada hukum itu. Sebelum itu pada tahun 1577 masehi, Bodin telah memperistilahkan kedaulatan itu sebagai satu kuasa yang mutlak dan kekal di dalam satu negara yang merdeka. Konsep Bodin dan Grotius disanjung oleh semua di dalam abad 16 dan 17. Kedaulatan tetap tidak boleh dibelah bahagi. Hanya Pufendorf di dalam karyanya *De Jure Naturae et Gentium* menyangkal konsep mutlak itu kerana pada pendapatnya keagungan itu boleh diperbataskan mengikut perlembagaan negara masing-masing.

Dalam abad ke 18, istilah kedaulatan itu berubah pula kerana ramai ahli hukum membezakan negara yang boleh dikatakan merdeka penuh dengan negara yang tidak penuh kemerdekaannya. Kedaulatan negara yang penuh merdeka masih dipertahankan sifatnya yang tidak boleh dibelah bahagi. Ini terdapat di dalam *Contract Social* yang dikarang oleh Rousseau pada tahun 1762 masehi.

Tetapi di dalam abad 19 masehi kerana terdapat negara-negara yang tidak sempurna kemerdekaannya seperti negara anggota United States (1787) atau Switzerland yang mendesak untuk melakukan sesuatu mengikut teori kononnya mereka berdaulat maka

teori kedaulatan yang tidak boleh dibelah bahagi itu tidak lagi dapat dipertahankan mengikut kehendak zaman.

Pada waktu antara dua perang dunia dan selepas perang dunia kedua timbul pula soal dari segi undang-undang tubuh negara, bahawa sambil menegakkan konsep kuasa kerajaan di dalam satu-satu negara itu tidak boleh dipersoalkan, bagaimana pula sekiranya hukum sebuah negara itu tidak secocok atau bertentangan dengan hukum antarabangsa. Umpamanya, sebuah negara itu menggunakan hak dan kuasa kedaulatannya membuat perjanjian yang dimeteraikan tetapi timbul satu soal sekiranya perjanjian itu bercangah dengan undang-undang negeri satu pihak. Oleh yang demikian timbul satu teori yang mempertahankan bahawa perjanjian lebih berkuasa dan mengatasi hukum setempat. Ini menunjukkan perjanjian antarabangsa berkelebihan dibandingkan dengan undang-undang negeri dan membuktikan bahawa kedaulatan itu boleh dicatitkan oleh perjanjian yang sah. Ini satu perubahan dalam konsep kedaulatan. Dalam perjanjian *US-Canada Free Trade* nampak ada ayat yang menunjukkan pihak Canada tertunduk kepada USA. Walau bagaimanapun pergolakan itu tidak pula berkesan di dalam soal memaksa sebuah negara sekiranya ia enggan tunduk misalnya kepada *International Court of Justice*.

Konsep kedaulatan berubah dari masa ke semasa. Perkara yang menjadi tandatanya pada masa ini iaitu dekad 90-an ialah pengertian istilah kedaulatan di dalam hal keamanan dunia dan sebagainya. Apakah aliran pemikiran baru benar-benar boleh menguasai keadaan? Apakah perubahan itu dibuat hanya oleh kuasa besar tanpa mengira kepentingan negara kecil dan miskin atau lemah? Adakah istilah *freedom* itu mengizinkan atau membebaskan kuasa besar menindas negara yang lemah sekiranya yang lemah itu engkar menyesuaikan dirinya mengikut kuasa besar seolah-olah ini adalah cara order baru?

Semakin lama semakin banyak perkara timbul yang tertakluk kepada peraturan antarabangsa kerana keadaan. Umpamanya soal keamanan dunia yang berkehendakan pengurangan senjata, mengelola pengeluaran dan perniagaan senjata, soal senjata nuklear, mengurangkan belanja pertahanan dan memperkuatkan tenaga Majlis Keselamatan PBB. Begitu juga dalam soal ekonomi yang harus diibandingkan antara negara utara dengan selatan, soal hutang piutang, mendapat pengetahuan atau memindahkan teknologi kepada negara-negara membangun, prinsip perniagaan dan bantuan kepada negara miskin yang merangkaikannya dengan proses mengwujudkan demokrasi, membantu perniagaan dan penggunaan dadah, perpindahan atau pelarian manusia dari satu negara ke satu negara lain, rompak di laut oleh lanun, pencemaran laut dan selat, pembakaran atau industri yang merosakkan lapisan ozon, semuanya tidak mengenal perbatasan.

Berkaitan dengan ekosistem dan pencemaran alam, untuk mengawalinya sudah tentu menyentuh kedaulatan yang istilahnya ditentukan oleh kuasa barat yang juga tidak segan silu mengubahnya untuk keperluan mereka. Adakah patut kita sebagai negara lemah menerima bulat-bulat apa yang ditentukan oleh negara besar dan kuat tanpa memperhitungkan buah fikiran dan kepentingan negara yang lemah? Adakah cara begitu secocok dengan prinsip *human rights* yang diagung-agungkan oleh kuasa barat?

Yang paling rumit sekali ialah soal *human rights* itu sendiri yang sekarang membuktikan ada percubaan untuk menceroboh ke dalam satu-satu negara oleh negara lain atau *Non-*

Governmental Organisation (NGO) apabila terasa ada ancaman terhadap hak asasi seseorang dalam negara itu. Bagaimana dapat dikawal kedaulatan satu negara itu walhal radio, TV, dan mesin fax tidak mengenal sempadan dan NGO negara lain keluar menceroboh dengan menggunakan badan seperjuangnya di dalam sebuah negara?

Sehingga kini konsep kedaulatan itu diistilahkan oleh barat mengikut nilainya dan kita di sini mengekor sahaja. Sekarang Amerika Syarikat kerana bencinya terhadap Saddam Hussein memerintahkan alat-alatnya dan menghasut rakyat Iraq untuk menjatuhkan Saddam. Bukankah ini satu pencerobohan seperti yang dilakukan terhadap Panama, Grenada dan beberapa negara lain di Amerika Selatan dan juga pengeboman Libya sehingga terkorban anak angkat orang yang sangat dibenci iaitu Gadaffi?

Beralih pula kepada umat Islam di dunia yang boleh dikatakan terbesar bilangannya pada masa ini. Sebalik sahaja berkecai Soviet Union, bilangan negara Islam pun bertambah lagi. Kelompok Islam kalau bersatu, sekurang-kurangnya bersatu pendapat walaupun tidak terikat, adalah cukup dengan suaranya sahaja mempengaruhi bentuk pemikiran dunia misalnya istilah kedaulatan dari segi Islam. Konsep kedaulatan di sisi Islam akan menjadi satu unsur yang harus diambil perhatian dan diperhitungkan. Adakah soal *human rights* itu dapat persesuaian di antara konsep Islam dengan konsep barat? Sekiranya ummah tidak mempunyai pegangan yang tetap dan tepat maka terpaksalah negara-negara Islam mengikut kehendak barat yang menakluk pemikiran dunia. Dengan cara lain penjajahan akan kembali, kali ini memakai keduk tersenyum.

Kalau berhak satu kuasa itu menceroboh kerana sebab yang tertentu maka sia-sia sahaja ASEAN membela Kampuchea apabila negara itu dilanggar oleh Vietnam kerana kita juga benci terhadap Khmer Rouge. Tetapi jikalau kita mengizinkan pencerobohan maka kita pula akan terdedah menjadi mangsa pencerobohan.

Rupanya apabila nampak kemungkinan kemenangan pihak yang dibenci oleh kuasa barat di Algeria maka pilihanraya yang berasas demokrasi terbantut. Sambil itu tidak ada pula suara dari barat membantah apabila askar bertindak mengambil alih kuasa, tetapi di Myanmar di dalam keadaan yang lebih kurang sama, tentera yang mengambil alih kuasa dikutuk. Bukankah sikap pilih kasih itu menceroboh hak rakyat yang berdaulat untuk menentukan untung nasibnya sendiri? Pe'el begitu jelas sekali bertentangan dengan *human rights* tetapi dilakukan oleh kuasa besar dengan sewenang-wenangnya.

Negara China juga menjadi sasaran kuasa barat kononnya negara itu tidak menghormati *human rights* nilai demokrasi barat, dan mereka, iaitu kuasa besar, bertanggungjawab membantu anak-anak sekolah dan mahasiswa China untuk memberontak terhadap kerajaan dan disusul pula dengan memulaukan perniagaan atau bantuan sebagai satu tekanan supaya China mengubah sikap. Ini dilakukan apabila Soviet Union sudah nampak retak menunggu belah dan tidak lagi boleh mengancam kuasa barat. Bukankah ini juga pencerobohan terhadap kedaulatan satu negara lain walhal belum lagi mendapat persetujuan bersama istilah kedaulatan dan keadaan yang mengizinkan campurtangan dari luar?

Ada seorang wartawan Amerika yang takjub melihat orang kampung di China menyokong Askar Pembebasan Rakyat (PLA) memburu mahasiswa yang menunjuk perasaan di Tienanmen. Wartawan itu sama sekali tidak mengerti tentang kebudayaan China yang bertapak lebih 6000 tahun itu. Soalnya bukan menunjuk perasaan atau revolusi itu haram di sisi masyarakat China kerana dalam sejarahnya banyak sekali berlaku revolusi yang menjatuhkan kuasa raja dan pemerintahan. Sun Yat Sen dan Mao Tze Tung adalah tokoh-tokoh revolusioner. Tetapi yang membezakan mereka dengan peristiwa Tienanmen ialah anggota yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan itu. Yang halal dari segi kebudayaan China ialah revolusi yang didukung oleh rakyat yang dewasa bukan mereka yang masih di bangku sekolah. Mereka itu belum dianggap matang kerana kebudayaan China meletakkan pendidikan, pengetahuan, ilmiah dan kedewasaan tertinggi sekali tempatnya. Sebab itulah wartawan Amerika itu dengan hairannya menyaksikan petani China yang menonton TV di sebuah kedai kopi kampung bertepuk tangan apabila tentera melepaskan tembakan untuk memecahkan tunjuk perasaan itu. China belum kenal dengan demokrasi barat tetapi rakyat China akan mempertahankan pemerintahan pemerintahan yang baik (good government) terhadap mereka walaupun orang bukan China tidak senang dengan pemerintahan itu.

Seorang daripada pendita China yang ulung, Kungfutze (Confucius) waktu berjalan melalui satu wilayah ternampak seorang perempuan tua meratap dan memeluk batu nisan di sebuah tanah jirat. Maka pendita itu bertanya mengapa ianya menangis. Sambil tersedu-sedu perempuan tua itu menjawab dan menunjuk ke arah satu kubur, *Itu batu jirat ayah saya - dia mati dibunuh harimau tahun tadi, dan itu menunjuk pula kepada satu jirat lain, ialah kubur suami saya, juga dibunuh harimau enam bulan yang lampau. Dan ini, menunjukkan batu jirat yang dipeluknya, ialah kubur anak lelaki saya yang sulung. Dia juga mati dibunuh harimau semalam. Ujar pendita itu, Banyak sekali rupanya harimau yang mengganas di sini. Mengapa tidak pindah ke propinsi yang di utara itu? Dengan pantas perempuan tua itu menjawab, Kami tidak sanggup untuk pindah ke propinsi itu kerana gabenornya zalim. Itulah ukuran dan pegangan rakyat China sehingga sekarang. Selama 6000 tahun itu China tidak pernah mengalami demokrasi cara barat.*

Pada tahap kini pemerintahan China masih didukung oleh rakyat jelata. Entahlah, apabila kemajuan sudah melewati kepuasan dari segi pangan, sandang dan papan (makanan, pakaian dan perumahan), rakyat China mungkin dahaga pula kepada perubahan dan pembaharuan. Atau pemerintahan China menjadi lebih kejam daripada harimau ganas. Tetapi pokoknya perubahan di China akan dianjur, dibentuk dan dilaksanakan oleh rakyat China sendiri yang matang tanpa hasutan dari luar.

Begitu juga di Timtim, Indonesia. Kerana terdapat dari konsep dan nilai barat ada pencabulan *human rights* maka ada pula dari kalangan mereka yang merasa berhak campurtangan dalam hal ehwal negara Indonesia. Inilah yang dipersoalkan iaitu di manakah letaknya hak campurtangan negara asing mencabul kedaulatan walhal tindakan yang diambil oleh Indonesia itu adalah mengikut peraturan, penilaian dan hukum negara yang sah? Terhadap mereka yang melanggar hukum dan yang bersalah akan diambil tindakan tetapi adakah kegiatan begitu akan membawa ketenteraman yang sangat penting kepada negara membangun?

Sebab itulah pihak kita dari negara lemah yang baru merdeka, berkembang dan membangun, hendaklah berhati-hati di dalam soal *globalisation* dan *interdependence* pada dekad 1990-an ini. Sekiranya istilah *Human Rights* itu belum mendapat pengertian bersama di manakah hak orang luar, baik kerajaan atau NGO, boleh campurtangan dalam soal dalam negeri yang menyetuh kedaulatan?

Kita patut juga menatap dengan cara mendalam soal kedaulatan dan disesuaikan dengan perhubungan negara dalam ASEAN. Oleh kerana konsep barat yang boleh diubahsuai mengikut cara anjing beruli, siapa kuat naik atas, alangkah eloknya kita menggunakan kebijaksanaan serantau di dalam menghuraikan masalah antara kita bersama. ASEAN ini adalah satu kelompok yang mengandungi enam buah negara merdeka. Malaysia bersempadan dengan semua. Laut dan selat bukan perbatasan tetapi adalah jambatan dalam sejarah perhubungan manusia di Asia Tenggara. Masing-masing ada rakyat mempunyai saudara mara sedarah sedaging di seberang sana dan sebaliknya. Sekiranya timbul perselisihan dan masing-masing menggunakan konsep kedaulatan nilai barat bolehkah kita menghuraikan masalah kita sesama kita? Begitu juga sempadan yang dibuat oleh penjajah tanpa menghirau kenyataan sudah tentu kita akan mewarisi kesulitan.

Saya masih ingat satu peristiwa berkenaan dengan hukum laut (Law of the Sea). Timbul perbalahan antara Malaysia dengan Thailand kerana tuntutan di atas satu lapangan yang berlapis hak di Teluk Siam. Kerajaan Thailand dan Malaysia masing-masing bertahan bahawa mengikut pengertian masing-masing lapangan itu, kata Thailand dipunyai oleh Thailand dan kata Malaysia, dipunyai oleh Malaysia. Masing-masing berdasarkan konsep kedaulatan, bertegang sehingga setahun. Maka saya diperintah untuk mencari penyelesaian dan disuruh oleh arwah Tun Hussein pergi ke Bangkok. Saya pun pergi.

Di dalam perbualan sambil minum teh dengan Perdana Menteri Thailand General Kriangsak dan Menteri Dalam Negerinya General Lek timbul di dalam sanubari saya satu pendapat dan saya sampaikan kepada mereka: *Alangkah baiknya kita dua bersaudara ini dapat minum air yang ditimba dari telaga yang satu. Idea itu baik sekali dan cuba tuliskan formulanya*, ujar PM Thailand, Kriangsak, dan memberi saya sehelai kertas. Maka saya pun menulis satu rangka dasar bahawa lapangan itu dikelolakan oleh satu badan yang dibentuk bersama mempunyai kuasa penuh yang diturunkan dari dua buah negara. Untung rugi sama dipikul dan badan itu mempunyai tuan yang kembar. Formula itu dipersetujui oleh dua pemerintahan dan perjanjiannya ditandatangani di Chiangmai oleh dua Perdana Menteri dalam warung koay teow berhadapan dengan Universiti Chiangmai.

Peristiwa yang agak luar biasa itu berlaku apabila dua Perdana Menteri mengelilingi kota dengan kereta. PM Thailand, sambil lalu di hadapan warung itu, memperakukan bahawa koay teow di situ yang *sedap*. Langsung PM Malaysia minta singgah kerana hendak cuba merasanya. Seluruh anggota rombongan ikut sama walaupun upacara menandatangani sudah disediakan di satu tempat resmi. Apabila saya menunjukkan kegelisahan kerana mempertahankan waktu, kedua Perdana Menteri meminta surat perjanjian itu dan, tanpa mengira istiadat, menandatangani. Peristiwa ini membuktikan sekiranya perhubungan dua ketua pemerintahan dan rakyatnya mesra soal kedaulatan tidak timbul dan *Malaysia Thailand Joint Development Authority (MIJDA)* itu menjadi kenyataan.

Formula ini juga sudah menjadi satu contoh. Sekarang pengertian itu pula digunakan oleh Malaysia dengan Vietnam. Maksud saya menceritakan hal ini, supaya kita sama kita di ASEAN dengan cara kebudayaan kita kalau ada keikhlasan dan saling percaya satu sama lain kedaulatan tidak menjadi soal pokok. Umpamanya soal Batu Putih yang dituntut oleh Singapura sudah menjadi satu bahan sengketa sehingga perkara itu dituntut oleh Singapura untuk dikemukakan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague. Bukankah ini satu sikap yang membuktikan bahawa pihak yang berbalah sudah hilang kuasa dan tenaga untuk menyelesaikan masalah cara diplomasi atau bertolak ansur atau bermuafakat? Di manakah semangat ASEAN? Ke mana semangat berjiran dan rukun tetangga? Kalau sebelah pihak menang hujah di mahkamah dia akan hilang sahabat. Yang menang akan meraup semua. Bukankah Batu Putih itu untuk kepentingan bersama? Mengapa dibangkitkan soal itu dalam rangka kedaulatan? Sepatutnya dicari jalan supaya batu itu dapat dimanfaatkan bersama, satu pihak mementingkan rumah api dan satu lagi mementingkan tempat menangkap ikan dan kedua ini boleh diatur supaya kedua pihak bersama merasa puas. EEZ tidak begitu rumit. Tetapi oleh pesona kedaulatan cara barat maka terkorban semangat berjiran dan semangat ASEAN. Atau adakah soal ini penting di dalam pergolakan politik dalam negeri yang harus mencari kuasa luar untuk menyelesaikannya?.

Soal batu ini bukanlah perkara batu. Batu itu sendiri bukan masalah sekiranya perhubungan di antara dua makhluk itu baik. Cuba ingati peristiwa dua manusia yang terbaik-baik iaitu Tensing dan Hilary, seorang Sherpa dan seorang dari New Zealand yang berbeza sekali rupa dan sifatnya. Kerana mereka baik pakatan, mengikat pinggang masing-masing dengan seutas tali belati untuk saling membantu, mereka berdua dapat mendaki sebuah batu yang paling besar di dunia iaitu Mt. Everest sehingga sampai ke kemuncak. Tetapi ada satu cerita dalam Kesahsul Ambia dua adik beradik dengan satu batu kecil yang direjam oleh seorang berhasil membunuh saudaranya. Bukankah batu yang menjadi kesulitan - yang besar dan sukar boleh didaki dan diatasi kalau ada perasaan kasih dan saling menyayangi tetapi kalau sanubari di selaput benci, dengki dan tidak langsung mempunyai perasaan saling menghormati, batu yang kecil menjadi bencana membawa kecelakaan besar. Baik keris, baik senapan atau bom atom dengan sendirinya bukan berbahaya selagi tidak dikuasai oleh mereka yang sanggup menggunakannya sebagai alat untuk memuaskan nafsu dan hasrat sipengguna.

Oleh yang demikian saya meminta saudara saudari memikirkan soal kedaulatan ini mengikut kebudayaan kita dan mengikut zaman. Mestikah kita terkongkong kepada istilah barat yang mereka sendiri sekarang kurang menghormatinya dengan ada EEC dan pergabungannya dengan *European Free Trade Area* (EFTA) menjadi satu wilayah bebas dari Artic ke Mediterranean dan *American Free Trade Area* (AFTA) yang akan berwilayah dari Alaska ke Tierra del Fuego? Sudah tentu peraturan mereka akan menggunakan istilah kedaulatan order baru yang mengorbankan istilah yang lama membuat kita termangu-mangu.

Kuasa yang kuat akan menggunakan konsep *freedom, human rights, globalisation, interdependence* untuk menindas yang lemah dengan cara istilahnya disesuaikan mengikut kehendak hati mereka. Sekiranya kita sendiri termasuk ummah dan negara Islam tidak menentukan cara bersama istilah-istilah itu dalam rangka kedaulatan maka kita sentiasa terdedah kepada ancaman yang ditentukan oleh kuasa lain apatah lagi mereka yang lebih

kuat. Seperti kata si ular, katak itu adalah makanannya.

Sebab itulah kita harus memperkukuhkan ASEAN dan membentuk EAEC supaya kita InsyaAllah akan berhasil menentukan untung nasib kita dengan cara berkongsi. Kalau tidak kita di Asia Timur ini akan digayang satu persatu.

Cubalah fikirkan soal ini. Dengan kalimah Bismillah saya memulakan Seminar ini dengan rasmnya.

PROSIDING SEMINAR POLITIK MALAYSIA KE V

Kata-Kata Aluan Ketua Jabatan Sains Politik

Sesungguhnya menafaat sesuatu ilmu dan fikiran bernas itu mestilah dikembangkan seluas-luasnya. Ia juga mestilah direkodkan serta diperturunkan kepada generasi seterusnya demi peredaran intelek yang terarah kepada kecemerlangan. Atas pegangan inilah saya, dengan syukur dan sukacitanya, mengalu-alukan usaha saudara Hairany Mohd. Naffis menyunting dan menerbitkan Prosiding ini. Semoga hasrat pemeliharaan dan pengembangan usaha yang ilmiah itu dapat dipenuhi.

Tahniah dan Selamat Diberkati.

Saliha Hassan
Ketua
Jabatan Sains Politik, UKM.

KANDUNGAN

	Halaman
<i>PRAKATA</i>	i
<i>UCAPAN PERASMIAN SEMINAR</i>	v
<i>KATA-KATA ALUAN KETUA JABATAN</i>	xii
<i>KANDUNGAN</i>	
Malaysia's Foreign Relations - Three Premiers After <i>Saidah Abdullah</i>	1
Malaysia And The New World Order: Our Place In A Global Transformation <i>Vinod B. Sekhar</i>	11
Kerjasama Serantau Malaysia-Indonesia <i>Aelina Surya</i>	18
Perhubungan Ekonomi Di Antara Negara Jepun dan Malaysia <i>Mahfudzah Mustafa</i>	<u>29</u>
Proses Perdamaian Di Kampuchea: Perspektif Indo-China dan ASEAN <i>Johan Saravanamuttu</i>	42
The Evolving Role of the United States In The Asia-Pacific Region <i>Gene B. Christy</i>	56
Perhubungan dan Cabaran Negara-Negara Utara Selatan <i>M. Ghazali Shafie</i>	<u>63</u>
Keamanan di Timur-Tengah <i>Nawawi Ahmad</i>	70
Sanction On Iraq <i>Fan Yew Teng</i>	98
Batasan-batasan Penganalisaan Krisis Antarabangsa <i>Hairany Naffis</i>	<u>105</u>

Malaysia's Foreign Relations - Three Premiers After

Saidah Abdullah*

In the development of Malaysia's¹ foreign relations, it was only when Malaysia entered her third decade after independence, that her involvement in international affairs became more voluble, assertive, independent and active. It was in this period, 1981- 1991, which also coincided with the premiership of Dr. Mahathir Mohamad, that Malaysia was found to have played a bigger and more involved role abroad. In this period and under Dr. Mahathir's leadership, Malaysia had gradually albeit resolutely entered upon a role that brought her an important international standing and position.

This does not mean however that Malaysia's involvement in international affairs in the previous decades, was nonexistent. On the contrary, the previous three Prime Ministers, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1957-1970), Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein (1970-1976) and Tun Hussein Onn (1976-1981), too, had carried out their responsibilities commendably. But the domestic and international political ambience then, had unfortunately compelled them to play a more inward rather than outward-looking role.

The First Decade

In the first decade which generally coincided with Tunku Abdul Rahman's premiership, Malaysia's foreign relations can be divided into two stages. The first, from Malaysia's independence on 31 August 1957 until 1963, which J. Saravanamuttu in his book (J. Saravanamuttu, 1983) described as 'the dilemma of independence' and R. Hussain in her thesis (Rajmah Hussain, 1988) called it *the first steps in foreign policy can be summed up as the period of a dependent foreign policy of an independent Malaya*. The second stage from 1963 until 1970 witnessed a period of recurrent crises.

-
- * Saidah Abdullah is currently a lecturer of International Relations at the Department of Political Science, Universiti Kebangsaan Malaysia.
 - 1. With independence on 31 August 1957 the country came to be known as the Federation of Malaya. It was not until 31 August 1963, upon merger with Singapore and the Borneo states of Sabah and Sarawak that it became known as the Federation of Malaysia. For easy reference Malaysia is used throughout in this paper irrespective of the time frame.

Malaysia's foreign relations posture in the first period, the immediate post-independence period, was a very dependent one. Although independence was gained, an independent national foreign policy was still lacking. The transition from colonial to independent status was based on cooperation rather than conflict between the British government and the nationalist leaders. But according to J. Bass, an American scholar, *Cooperation shaded into collaboration in the case of the Alliance since the Party's multiracial structure and the conservatism of its top leadership were seemingly tailor-made to British specifications with respect to the kind of government the latter desired for an independent Malaya* (J. Bass, 1973: 569). And the British specifications were not only limited to the type of government she so desired but also the type of foreign relations pursued.

Malaysia's foreign relations posture in the first period was thus to a great extent very pro-West which in turn carried a particularly pro-British content. To follow the line already laid down by the British administration appeared to Tunku to be a pragmatic and convenient choice. Malaysia too was also dependent on British defence promises as expressed in the Anglo-Malayan Defence Agreement of 1957. An appreciation of her newly independent stature as well as her dependence on the Anglo-American economic system and of a British security system would explain why Malaysia's foreign policy posture during this period was distinctly anti-communist. Malaysia's admittance into the United Nations followed a resolution which was moved by the British delegate. While next in importance to the United Nations was perhaps the Commonwealth in which she became a member at the 1957 Prime Ministers' Conference, by virtue of the fact that she had been once a British colony.

Anglo-Malaysian relations, as a matter of fact, which can be described as close and cordial in this period, were also clearly indicative of Malaysian dependence on Britain which in turn was reciprocated by a sense of patronage and protection rather than one of equality.

In the second period of the first decade, between 1963-1970, Malaysia's foreign relations though *still committed* was in fact seen to be moving towards a more independent position than hitherto. The flexibility which emerged had been due to lessons learned from competitive diplomacy as a result of the launching of Malaysia on 31 August 1963.

The confrontation experience of this period, had softened Malaysia's hard-line anti-communist and pro-west policy. It had driven the country to seek new friends from among Afro-Asian and eastern European countries. In Tunku's pursuit of diplomacy towards the west in the immediate post-independence period, he notably failed to cultivate friends from among the enlarging circles of the Third World countries. *Confrontation had demonstrated [Tunku's] diplo-*

matic weakness and an undue dependence by Malaysia in Britain's good offices (Rajmah Hussein, 1988: 44). As a result of competitive diplomacy during confrontation, initiatives were undertaken to cultivate friends particularly from among the Afro-Asian countries. For the first time, Malaysia's Prime Minister, aided by other Ministers, began a diplomatic offensive, frequently flying to places such as Algiers and Cairo where they pleaded the Malaysian case. They also campaigned for admission to the Conferences of non-aligned states having become increasingly aware of the usefulness of support from such a gathering under circumstances, such as the Indonesian confrontation.

The Second Decade

The early 70s was an important watershed in the history of the country. These years saw a leadership change, - both within UMNO and at the national level. Tunku had announced on the 13th Anniversary of Merdeka on 31 August 1970 that he intended to retire from the premiership. He formally submitted his resignation on 22 September 1970 and Tun Abdul Razak henceforth assumed office of Prime Minister.

The early 70s too, brought about many policy changes, the more dramatic in its foreign affairs. This was so because the early 70s was to be the beginning of the end of an era of *dependence*. Tun Abdul Razak noted the inevitability of British military withdrawal east of Suez and the near certainty of a United States military disengagement from mainland Southeast Asia. Bearing in mind *...conservatism and over-dependence upon alignment with the Western democracies no longer adequately served Malaysia's needs* (Shaw, 1976: 222) Razak moved to identify the country's foreign policy goals with the principles of the non-alignment movement.

Concurrently, Tun Razak was preoccupied with the need to address the more pressing issues of nation-building like restructuring and rebuilding the Malaysian society and economy. Although there was a change in Malaysia's foreign relations posture, essentially speaking, Tun Razak's priority was domestically inclined. It was to re-establish Malay political dominance which had been challenged in the 1969 elections and racial clash as well as to strengthen the economic position of the Malays. The country's foreign relations posture was therefore oriented directly to meet the national imperatives of the country. The wider diplomatic relations pursued under Tun Razak's administration was simultaneously linked to the purposive pursuit of new trading partners and sources of capital. The more extensive diplomatic relations thus provided an indirect support to the new premises of economic development in Malaysia under the National Economic Policy.

While in the second half of the second decade, when Tun Hussein Onn took over the premiership after Tun Razak's death in 1976, he was only contented to put into effect the policy direction already set by Tun Razak.

At this juncture it is worth noting that, on the other hand, at the beginning of the third decade, which also saw the making of Dr. Mahathir Mohamad as Malaysia's fourth Prime Minister, the political and economic setting was just right. Malaysia was both politically and economically stable, Malaysia no longer depended on rubber and tin, there was in existence a competent administrative machinery, while the foundations for a confident and independent foreign policy had already been established. Perhaps another important contributory element was the *personality* factor. When Dr. Mahathir succeeded the premiership, he had emerged as not only a well-prepared leader but also an ambitious one. Dr. Mahathir had aspired to enhance the international image of Malaysia. He committed that *Small though we may be we intend to actively participate in the political and economic life of the community of nations in an independent manner* (New Straits Times, 15 March 1984).

The Third Decade

In the third decade 1981-1991 and under Dr. Mahathir's leadership, Malaysia's profile in the international arena was further enhanced. Malaysia was observed to have played a more eloquent role at every international assembly and grouping at which she was represented - the United Nations, the Commonwealth, ASEAN, the Organization of Islamic Countries (OIC), the Non-alignment Movement (NAM), the G15 - her international role can also be described as being more involved and active like having been elected a non-permanent member of the Security Council, President of the International Conference of Drug Abuse and Illicit Trafficking in 1987, host to the Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) in 1989 and host to the G15 meeting in 1990. Of greater significance, Malaysia was also seen to have played an assertive and vigorous role particularly in South-South relations - many Third World countries recognized Dr. Mahathir as a forthright, outspoken and vocal leader.

In the third decade and under Dr. Mahathir's leadership, although any influence of Islam to be found in Malaysia's foreign policy was an extension of earlier commitments, nevertheless, by comparison to the previous decades, the Islamic dimension was more apparent, committed and extensive.

As a leader of a nation where a large proportion of its population is Islamic, Dr. Mahathir had set out to improve the negative image of Islamic nations worldwide. Within the Muslim world, Malaysia was known to be an activist member. She was often heard calling for greater economic cooperation and Islamic unity

among Islamic countries. At the OIC Islamic Summit in Taif, Saudi Arabia, in 1981 for instance, Mahathir had in his usual forthright manner, forcibly urged all Muslims in their quest for Islamic solidarity, to translate their slogans into action. Dr. Mahathir reminded them that *Rhethoric and pious resolutions are not going to get us anywhere* (M. Pathmanathan & D. Lazarus, 1984: 60). At the same conference too, he had rapped Muslim nations for being dependent on foreign Western powers. He bemoaned the fact that the immense wealth of the Islamic world was making no significant contribution to the progress of the less fortunate member nations. As he had pointed out a fraction of the Islamic resources now channelled to the North could give struggling Muslim communities a chance to make themselves more independent and self-reliant.

Dr. Mahathir too had undertaken the task of getting the international community to understand the problems which confront the Palestinian people. Malaysia's support for the Palestinian Liberation Organization (PLO) were on terms more committed than those in the Razak era when such support had begun to take shape. Malaysia recognized the PLO as the sole legitimate representative of the Palestinian people and that the PLO should participate on equal footing in all efforts, deliberations and conferences on the question of Palestine and the situation in the Middle East within the United Nations framework. A month after Dr. Mahathir became Prime Minister, his government decided to extend full diplomatic status to the office and the representative of the PLO in Kuala Lumpur. In May 1983, Malaysia played host to the Asian Regional Conference on the question of Palestine which was attended by delegates from 40 countries. The regional conference on an extra-regional issue, had resolved to extend its fullest support to the Palestinian struggle and at the same time confirmed Malaysia's leading role in spearheading such support for the Palestinians.

As a Muslim leader committed to the Islamic cause, Dr. Mahathir, in his usual forthright manner, had blatantly and incessantly criticized Israel and its allies for committing unending brutalities towards the Palestinian people. Eversince the Arab-Israeli war of 1973, and in consequence to this, Malaysia had attributed the state of instability in the Middle East to Israel's actions in that region. In August 1982 for instance the Deputy Prime Minister, Musa Hitam, had accused Israel of raping Lebanon, of killing thousands of innocent people, including mothers and children' (The Sunday Times, 8 August 1982). Dr. Mahathir, too, in his 1982 Hari Raya message reminded all Muslims in the country, *of the atrocities being committed toward fellow Muslims in the Middle East by Israel, and to unite and find ways to end the suppression and oppression committed against our brothers and sisters there* (New Straits Times, 28 September 1982). In May 1983, in his speech at the *International conference on Palestine* Dr. Mahathir again criticized Israel: *There has never been a parallel in history where a political entity has been created to supplant an existing rightful state and the new entity supplied with the*

most lethal weapons to perpetuate aggression against the people they had displaced. If the world continues to be blind and deaf to Israeli expansionism and aggression, others will be encouraged to commit similar crimes elsewhere (M. Pathmanathan & D. Lazarus, 1984: 218-219).

In the third decade too, there was an aggressive cementing of bonds with the Arab-Muslim world through Prime Ministerial tours and the establishment of working trade and economic relationships where before there had been passive diplomatic recognition. Although there was increased emphasis to foster relations with all Muslim countries, at this juncture it is interesting to note that this call was given without prior consideration of Malaysia's national interest and religious sensitivities in the domestic arena. It was precisely this fear of domestic political instability that made Malaysia's relations with radical Muslim countries one of cautiousness by comparison with the more moderate Muslim countries such as Saudi Arabia and its Arab allies.

Since the Islamic revolution in Iran, Malaysia had been drawn in to play a mediatory role at resolving the Iran-Iraq conflict. Malaysia's leading role in the Iran-Iraq Peace Committee was a serious indication of her effort at maintaining unity among Muslim countries.

Dr. Mahathir also demonstrated that Malaysia would abide by the principles of justice when he condemned the invasion of Kuwait by Saddam Hussein in 1991. Even though the PLO supported Saddam, nevertheless Dr. Mahathir stressed that Malaysia should abide by international principles of justice and not support the invasion of Kuwait.

Banyak hal yang masih dapat dilakukan dan perlu ditempuh dalam meningkatkan kerjasama kedua negara. Khususnya di bidang ekonomi banyak hal yang perlu dilakukan bersama guna menghasilkan manfaat timbal-balik (mutual benefit). Untuk ini perlu kesadaran dari kedua belah pihak untuk tetap saling menyokong satu sama lain.

Rujukan

ASEAN, Hasil KTT TV ASEAN ; *Singapore's ASEAN ; Declaration 1992, Framework Agreement on Enchancing ASEAN Economic Co-operation, Agreement on the Common Effective Preferential Tariff : Scheme for the ASEAN Free Trade Area*, 1992.

LIPI, *Penelitian Tentang Perkembangan Dan Prospek Kerjasama dalam Lingkup ASEAN*, 1985.

Charles McLeland, *Ilmu Hubungan Internasional : Teori dan Sistem*, Jakarta: CV Rajawali, 1981.

K.J. Holsti, *International Politics : A Framework for Analysis*, New Delhi: Prentice Hall, 1981.

Sekretariat Negara RI. Perundang-undangan tentang hubungan Indonesia dan Malaysia berikut Perjanjian-Perjanjian antara kedua negara, 1985.

a.l. Persetujuan Lintas Batas RI - Malaysia
(ditandatangani di Medan, 12 Mei 1984)

● Pengaturan Keamanan daerah Perbatasan RI-Malaysia
(ditandatangani di Yogyakarta, 3 Desember 1984)

Jeshurun, Chandra, *Malaysian Defense Policy*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 1980.

Joesoef, Daud, *Pertahanan-Keamanan dan Strategi*. Jakarta, CSIS, 1973.

Widjaja, A.W., *Tinjauan Undang-Undang Dasar Indonesia - Malaysia - Singapura : Konstitusi Perbandingan*, Jakarta: Bina Aksara, 1987.

Perhubungan Ekonomi di Antara Negara Jepun Dan Malaysia

*Mahfudzah Mustafa**

Pengenalan

Jepun merupakan sebuah negara Asia dengan jumlah penduduk seramai lebih daripada seratus dua puluh juta orang dan KDNK bernilai lebih daripada 2376 billion ringgit Amerika pada tahun 1987. Manakala KNK per kapitanya bagi tahun yang sama ialah 21,040 juta ringgit Amerika (lihat Jadual 1). Pada tahun 1992, KNK per kapita Jepun telah meningkat ke 27,065 juta ringgit Amerika (Asiaweek, Februari 14, 1992:8). Sehingga tahun 1988, Jepun telah memiliki 15% daripada jumlah KDNK dunia dan merupakan negara pemberi pinjaman wang terbesar dunia, iaitu sebanyak \$300 billion. (Look Japan, November 1988:4). Dengan angka-angka yang demikian menjadikan Jepun sebagai negara ke-7 di dunia yang paling ramai penduduknya dan sebuah ekonomi dunia yang kedua besarnya selepas Amerika Syarikat.¹

Dalam konteks rantau Asia Tenggara, penglibatan ekonomi Jepun dan saling pergantungannya dengan negara-negara Asia Tenggara memang tidak dapat dinafikan. Perhubungan ekonomi di antara Jepun dan rantau Asia Tenggara lebih banyak ditentukan oleh perhubungan ekonomi di antara Jepun dan negara-negara ASEAN.

Ini adalah kerana negara-negara lain di rantau ini seperti Burma adalah sebuah negara sosialis tertutup dan Brunei sebuah negara berekonomi kecil, manakala ketiga-tiga negara Indochina mempunyai sistem perancangan ekonomi terpusat yang terhad hubungan ekonominya dengan dunia luar. Oleh itu, negara-negara anggota ASEAN menjadi rakan perdagangan Jepun yang utama (Chew Soon Beng dan Pushpa Thombipillai, 1981:137).

Hubungan Jepun dengan negara-negara anggota ASEAN menjadi tegang apabila Jepun bercita-cita menjadi pemimpin di Asia Tenggara melalui program

* Saudari Mahfudzah Mustafa kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1. Saiz ekonomi Jepun pada tahun 1990 ialah dua pertiga saiz ekonomi Amerika Syarikat. Lihat Anthony Rowley, "Affluence with Influence", *Far Eastern Economic Review*, Jun 20, 1991, ms. 41-70.

Kemakmuran Rantau Asia Timur Raya tetapi gagal pada bulan Ogos 1945. Pada tahun 1950an, berlaku perubahan dalam dasar luar Jepun terhadap Asia Tenggara. Hubungan Jepun dengan Asia Tenggara telah dipulihkan semula. Pemulihan ini disebabkan oleh tekanan ekonomi dan politik yang dihadapi oleh Jepun. Melalui proses *rapprochement* Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara, penyelesaian ke arah pemulihan ekonomi Jepun bermula kerana Asia Tenggara memiliki bahan-bahan mentah yang diperlukan. Jepun telah menggunakan *Rancangan Pembayaran Gantirugi Peperangan* dan *Rancangan Bantuan Kewangan* sebagai satu cara *rapprochement* dengan negara-negara Asia Tenggara, di samping menjadi peserta aktif dalam penubuhan *Asian Development Bank* (ADB) dan mengambil langkah pertama dalam penubuhan *The Southeast Asia Ministerial Economic Development* atau MEDSEA. Melalui ADB dan MEDSEA, kerajaan Jepun cuba untuk mengarahkan dana pembangunan, di mana ia akan membawa manfaat yang maksimum kepada kedua-dua negara penerima dan ahli-ahli perniagaan Jepun. Pada tahun 1969, lebih dari setengah jumlah bantuan luar Jepun ditumpukan ke negara-negara Asia Tenggara. Perdagangan Jepun dengan Asia Tenggara semakin bertambah dan diikuti pula oleh kemasukan pelabur-pelabur Jepun secara beramai-ramai. Dalam akhir tahun 1971, perdagangan telah berlipatganda dan negara-negara anggota ASEAN semakin menjadi rakan perdagangan Jepun yang penting. Namun dasar *rapprochement* Jepun telah menimbulkan reaksi dan pandangan berlainan seperti demonstrasi dan kempen anti-Jepun pelajar di Thailand dan di Indonesia.

Doktrin Fukuda yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Jepun Takeo Fukuda dalam lawatannya ke negara-negara ASEAN telah membuka peluang untuk menukar imej negatif Jepun di kalangan negara-negara anggota dan memulihkan semula hubungan. Dalam waktu yang sama juga, nada perdebatan yang mengatakan kesemua kegiatan ekonomi Jepun di luar negeri adalah imperialistik turut beransur pudar. Pendek-kata seperti yang telah dikatakan oleh seorang pengkaji Jepun, persepsi ASEAN terhadap negara Jepun dalam bidang ekonomi telah menjadi lebih realistik pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Semenjak tahun 1960-an, ASEAN begitu menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke negara masing-masing demi mempercepatkan kemajuan ekonomi negara. Kekurangan modal, teknologi dan sumber pengurusan merupakan sebab utama bagi negara-negara anggota ASEAN untuk menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing. Sumber-sumber utama pelaburan asing di ASEAN adalah negara-negara industri seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah Barat. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelaburan asing yang ada berasal dari negara-negara sedang membangun terutama sekali dari negara-negara NICs Asian seperti Singapura, Taiwan dan Hong Kong.

Selain daripada perdagangan, pelaburan juga menjadi semakin penting di dalam hubungan ASEAN-Jepun. Peningkatan pelaburan Jepun di negara-negara anggota ASEAN bermula pada awal tahun 1970an (Hellmann, 1979: 1193). Sebagai pelabur terbesar ASEAN, Jepun sekarang membekalkan satu pertiga daripada pelaburan tahunan ASEAN. Pelaburan Jepun di negara-negara ASEAN tertumpu dalam industri- industri perlombongan dan industri-industri yang tidak menghasilkan barangan (non-manufacturing industries).

Dalam konteks Malaysia, kehadiran Jepun adalah disebabkan terutama sekali oleh faedah-faedah yang ditawarkan dari segi kos buruh yang rendah untuk perkilangan/industrialisasi berorientasikan ekspot (export-oriented industrialization) dan bekalan sumber-sumber asli yang banyak di negara ini. Kalau kita perhatikan Jadual 1 yang menunjukkan taburan pelaburan Jepun mengikut kedudukan geografik, Jepun merupakan pelabur asing yang terbesar di Indonesia dengan jumlah sebanyak \$9,804 juta, diikuti oleh Singapura sebanyak \$3,812 juta, Thailand \$1,992 juta, Malaysia \$1,834 juta dan akhir sekali Filipina \$1,120 juta. Daripada sini, dapat disimpulkan Malaysia hanya merupakan penerima pelaburan secara langsung keempat besar. Walau bagaimanapun jumlah pelaburan Jepun di Malaysia ialah \$2,810 juta pada tahun 1991, menjadikannya pelabur asing terbesar tunggal di negara ini (Utusan Malaysia, 11 Dis. 1991:).

**Jadual 1 : Pelaburan Secara Langsung Jepun
Di Asia, 1951-1988**

	Cumulative Total, 1951-1988 (\$ million)	Percentage Distribution
NIEs	15,018	46.8
Hong Kong	6,167	19.2
Korea, Republic of	3,248	10.1
Singapore	3,812	11.9
Taipei, China	1,791	5.6
ASEAN	14,750	46.0
Indonesia	9,804	30.6
Malaysia	1,834	5.7
Philippines	1,120	3.5
Thailand	1,992	6.2
South Asia	270	0.9
Bangladesh	11	-
India	148	0.5
Pakistan	18	0.1
Sri Lanka	93	0.3
China, People's Republic of	2,036	6.3

- = nil

Note: NIEs include Hong Kong; Republic of Korea; Singapore; and Taipei, China. In this table, ASEAN includes Indonesia, Malaysia, Philippines and Thailand.

Source: Ministry of Finance, Government of Japan, 25 February 1990. (ASIAN Development Review, Vol. 9, No. 1, 1991:140).

Pelaburan Jepun Dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia

Penglibatan Jepun di dalam ekonomi Malaysia telah bermula pada awal abad ke-20. Ianya bermula dengan pelaburan Jepun di sektor perlombongan bijih timah dan bijih besi di Kelantan dan Terengganu dan penanaman getah di Johor. Pelaburan-pelaburan ini dilakukan untuk memenuhi permintaan industri Jepun untuk keluli dan kerana peningkatan permintaan getah pada waktu itu yang amat menguntungkan. Pelaburan yang dilakukan oleh Jepun di Malaya dalam kedua-dua industri ini memang banyak menyumbang kepada pembangunan tanah dan ekonomi negeri-negeri berkenaan. Exploitasi kawasan bijih besi di Johor umpamanya banyak memberi sumbangan yang besar kepada perbendaharaan negeri itu di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Sungguhpun begitu, pelaburan Jepun ini tidak membawa kemajuan yang besar kepada ekonomi negara terutamanya dari segi mempelbagaikan ekonomi Malaya yang bergantung kuat kepada hasil eksport bijih timah dan getah. Dalam lain perkataan, ia hanya memainkan peranan yang penting untuk perkembangan dan pertumbuhan sektor perlombongan bijih timah serta perladangan getah.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan Malaysia mula menggerakkan program untuk mempelbagaikan ekonominya dengan membawa masuk modal asing khususnya dalam sektor perkilangan. Pelaburan Jepun yang pertama di Malaysia melibatkan sebuah syarikat usahasama pembuatan tekstil yang ditubuhkan dalam tahun 1957 (Golley, 1989:24). Menjelang tahun 1969, terdapat 46 firma pembuatan telah ditubuhkan, kebanyakan loji Jepun yang telah didirikan di Malaysia dalam tempoh ini terlibat dalam industri impot. Namun pelaburan demikian agak terhad kerana Malaysia kekurangan infrastruktur perindustrian dan saiz pasaran tempatan adalah kecil. Tambahan lagi, syarikat Jepun masih mengharapkan perdagangan sebagai punca keuntungan utamanya dari luar negeri (Golley, 1989:24).

Pada penghujung tahun 1960an, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat mengalakkan. Kadar purata pertumbuhan KNK adalah 6-7% di antara tahun 1960 dan 1976 (Zakaria Hj. Ahmad dan K.C. Cheong, 1983:58). Pertumbuhan ekonomi ini dan dasar perindustrian baru Malaysia terus menarik minat pelabur asing. Kerajaan telah mengalakkan kemasukan lebih banyak modal dengan menyediakan kawasan perdagangan bebas untuk menarik pelabur asing.² Dengan ini, pertukaran asing yang diperolehi dapat digunakan untuk pembinaan industri asas, infrastruktur dan eksploitasi sumber asli. Peluang pekerjaan dari industri baru ini dapat menampung hidup ramai pekerja. Sehingga

2. Dalam kawasan perdagangan bebas, syarikat asing yang mengeluarkan barangan eksport dikesualikan dari membayar cukai tempatan.

tahun 1977, sebanyak 489 anak syarikat Jepun telah ditubuhkan dengan modal terkumpul sebanyak A.S. \$425 juta.³ Kebanyakan syarikat ini terletak di Pulau Pinang dan Selangor mengeluarkan tekstil, mesin elektrik dan komponen elektronik.

Terdapat beberapa faktor yang telah menggalakkan pengusaha-pengusaha Jepun untuk melabur di luar negeri. Hasil dari kajian yang telah dijalankan oleh V. Kanapathy ke atas 555 buah syarikat asing yang beroperasi di ASEAN menunjukkan pelaburan Jepun khususnya di Malaysia pada awal 1970-an adalah berpunca daripada kos buruh di Malaysia yang murah, mengambil faedah untung dari dasar pelaburan asing yang liberal, keinginan untuk melindungi dan mengekalkan pasarannya di Malaysia, kemudahan untuk mendapatkan bahan mentah dan juga satu penyelesaian baik bagi menempatkan industri yang mempunyai kadar pencemaran tinggi (Zaini Othman, 1990:26). Faktor-faktor ini diperkuatkan lagi oleh faktor-faktor sosial dan politik. Insentif-insentif dari segi dasar fiskal yang menarik turut memainkan peranan.

Akta Galakan Pelaburan 1968 dibentuk untuk memberi pelepasan penuh atau sebahagian daripada pembayaran cukai pendapatan, cukai pembangunan dan cukai lebih keuntungan kepada syarikat-syarikat melabur di bidang yang baru atau membesarkan perniagaan yang sedia ada.⁴ Lapan bentuk utama galakan-galakan cukai di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 ialah taraf perintis, kelonggaran cukai penggunaan tenaga buruh, galakan tapak perusahaan, kredit cukai pelaburan, galakan eksport, elaun tambahan modal, galakan hotel dan galakan khas bagi perusahaan-perusahaan pertanian yang dituluskan.⁵ Selain daripada itu terdapat beberapa galakan lain seperti Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA), elaun pelaburan semula dan lain-lain untuk menarik lebih ramai para pelabur asing sebagai langkah kerajaan Malaysia ke arah negara perindustrian. Kestabilan politik semenjak negara ini mencapai kemerdekaan dan suasana pelaburan yang memuaskan juga telah menyebabkan pelaburan asing bertapak dalam aktiviti ekonomi yang lain seperti bidang perindustrian, urusan bank, insuran, perkapalan dan juga urusan perniagaan.

Polisi-polisi Kerajaan Malaysia

Pada dasarnya, pelaburan asing bermula sejak Malaysia belum mencapai kemerdekaan iaitu Britain dan Jepun dalam sektor perladangan dan perlombongan

3. Far Eastern Economic Review, 22 Jun 1979 dipetik dari Linda Golley 1989: 25.
4. Laws of Malaysia, Act 172-200: 1978 dalam tesis Zaini Othman, Pelaburan Asing: Implikasi Ke atas Pembangunan Ekonomi Malaysia: 1976-85, 1990/91, Tesis Jabatan Sains Politik, UKM.
5. Untuk keterangan lanjut mengenai lapan bentuk utama galakan-galakan cukai, sila lihat Zaini Othman, op.cit, m.s. 28-34.

Jadual 2: Kadar Pertumbuhan Pelaburan Asing di Malaysia

	Jumlah Modal Asing (M\$ JUTA)	Kadar Pertumbuhan (%)
1961	180.0	-
1970	287.0	37.3
1980	729.5	60.6
1985	959.2	23.9
1988+	3469.4	72.4

Sumber : MIDA

Nota + : meliputi jumlah modal asing dari Jan-Sept. 1988.
(Zaimi Othman, 1990/91: 19).

dengan tujuan mengeksploitasi bahan-bahan mentah untuk memenuhi keperluan industri perkilangan mereka. Namun begitu, ianya tidak membawa kemajuan yang besar kepada ekonomi negara. Oleh itu, selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan Malaysia cuba menjalankan program dengan cara mempelbagaikan ekonominya dengan membawa masuk modal asing khususnya dalam sektor perkilangan. Kadar pertumbuhan pelaburan asing di Malaysia ini dapat dilihat dari Jadual 2 di atas:

Melihat kepada jadual ini, dapat diperhatikan bahawa kemasukan modal asing telah meningkat daripada \$180 juta pada tahun 1961 ke \$287 juta dalam tahun 1970 dan menjadi \$729.5 juta pada 1980. Peningkatan ini adalah kerana dasar perindustrian bertujuan eksport sejak akhir tahun 1960an telah berjaya menarik industri yang banyak menggunakan pekerja dengan kos gaji yang murah (Jomo, 1989:xii). Walau bagaimanapun kemelesetan ekonomi dunia telah menyebabkan kadar pertumbuhan pelaburan asing jatuh dari 61% ke 24% dari tahun 1980 ke tahun 1985. Pada tahun 1986, jumlah modal asing meningkat semula dengan perlaksanaan PIP (Pelan Induk Perindustrian Kerajaan Malaysia). Serentak dengan ini, berbagai usaha telah dipergiatkan untuk menarik masuk pelaburan asing. Lanjutan daripada itu kadar pertumbuhan pelaburan asing yang jelas dilihat iaitu 72% antara 1985 dan September 1988. Hubungan ekonomi Malaysia dan Jepun bertambah erat apabila Malaysia memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1981. Melalui dasar ini, Malaysia telah mengiktirafkan Jepun sebagai salah satu negara yang menjadi *role model* untuk meningkatkan sektor ekonomi terutamanya di bidang perindustrian.

Era tahun-tahun 1980-an Malaysia memaparkan penekanan positif terhadap kemajuan dalam bidang industri dan pembangunan. Di samping itu, Malaysia telah mengamalkan dan menghuraikan dasar-dasar luar yang secara tidak langsung membawa ciri-ciri kepentingan ekonomi dan usaha-usaha untuk menambahkan eksport, pelaburan dan pemindahan teknologi. Antara usaha-usaha yang

dilaksanakan ialah dengan mengumumkan beberapa insentif untuk menarik pelaburan asing. Antaranya membenarkan pemilikan ekuiti asing sebanyak 100% kepada syarikat-syarikat yang mengekspot 50% atau lebih keluarannya, membenarkan pemilikan asing 100% bagi syarikat-syarikat yang menjual 50% atau lebih keluarannya di kawasan Zon Bebas (Free Trade Zone) serta membenarkan syarikat yang menggaji 350 orang pekerja tempatan sepenuh masa supaya memiliki sejumlah pemilikan ekuiti saham yang dipohon (Shanmugam Thiagarajan, 1988/1989:79).

Akibat daripada pengumuman insentif-insentif ini, jumlah pelaburan asing ke negara ini telah meningkat. Bagi 10 bulan pertama tahun 1987 sahaja jumlah pelaburan asing ke negara ini telah menjangkau angka \$455.83 juta iaitu satu angka yang tinggi. Terdapat juga *diversification* dari segi negara-negara pelabur asing. Antara negara-negara pelabur asing yang utama di negara ini ialah Jepun, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat dan Britain. Negara-negara seperti Sweden, Switzerland, Norway, Korea Selatan dan Yugoslavia turut melabur di negara ini bermula pada tahun 1986. Berikut adalah jadual yang menunjukkan sumber-sumber pelaburan asing di Malaysia pada tahun 1989.

Jadual 3: Sumber-sumber Utama Pelaburan Asing Malaysia, 1989

	MS Juta
Japan	2,682
Taiwan	2,119
Singapore	911
Britain	764
Hong Kong	352

Sumber: MIDA (Far Eastern Economic Review, 28 Mac 1991:50).

Walaupun Jepun menduduki tangga teratas dalam senarai pelabur asing pada 1989, Taiwan telah muncul sebagai pendaratang baru yang penting dan berpotensi tinggi. Jepun menduduki tangga teratas dengan jumlah modal yang dilaburkan sebanyak \$2,682 juta, diikuti oleh Taiwan dengan jumlah modal \$2,119 juta, manakala Singapura dengan jumlah modal \$911 juta, Britain \$764 juta dan Hong Kong \$352 juta.

Selepas 10 tahun Dasar Pandang Ke Timur diumumkan, terdapat kira-kira 250 operasi perkilangan Jepun di negara ini. Manakala 300 lagi merupakan syarikat gabungan Jepun yang terlibat dalam perniagaan yang bukan berbentuk perkilangan. Menurut Doug Isuruoka, pemain-pemain korporat terdiri daripada korporat-korporat gergasi seperti Sharp, Toray dan Matsushita dan syarikat-syarikat kecil pembikinan produk (barangan) industri atau kimia dan syarikat-syarikat perkhidmatan pelancungan dan pengiklanan. Pada keseluruhannya jumlah

pelaburan mereka berjumlah US \$760 juta pada lima tahun yang lepas telah menghasilkan peluang pekerjaan kepada beribu-ribu orang di samping meningkatkan dasar perindustrian Malaysia (Far Eastern Economic Review, Mac 28, 1991:50). Selain menjadi rakan perdagangan negara yang paling penting, Jepun juga merupakan sumber bantuan asing utama. Kedua-dua faktor ini mengakibatkan Jepun memiliki kedudukan yang kuat di beberapa sektor penting dalam ekonomi Malaysia seperti industri elektronik yang menyerap 80% daripada pelaburan Jepun, pusat-pusat pelancungan dan gedung-gedung membeli-belah yang moden di Kuala Lumpur.

Prospek Negara Jepun di Asia Tenggara

Penglibatan Jepun di negara-negara Asia Tenggara khususnya dalam bidang ekonomi telah wujud sejak dari dulu. Peranan Jepun sebagai *trading partner* kian bertambah sejak kebelakangan ini dan semakin pesat pada akhir 1960-an bilamana orde ekonomi antarabangsa mulai merosot. Keadaan *saling bergantung* yang pada suatu ketika dulu dianggap sebagai rahmat dalam sistem perdagangan bebas tiba-tiba telah menunjukkan kecenderungan semulajadinya yang lain - pertumbuhannya atau keadaan *interdependence* telah menghasilkan pertelingkahan ekonomi dan politik di kalangan negara-negara akibat daripada kemerosotan orde ekonomi antarabangsa. Disebabkan oleh keadaan yang sebegini dan juga demi keselamatan negara, Jepun mula menyedari keperluan untuk menormalisasikan hubungannya dengan jiran-jiran di Asia.

Hubungan Jepun dengan negara-negara Asean khususnya terjalin dalam 3 bentuk: perdagangan, pelaburan dan bantuan kewangan. Negara-negara Asean merupakan pembekal utama bahan-bahan mentah Jepun bagi industrinya seperti minyak mentah, kayu dan bijih timah. Pada masa yang sama, pertumbuhan ini adalah satu pasaran eksport penting untuk keluaran Jepun. Pada tahun 1982, peratusan ASEAN dalam jumlah besar import ialah 14.7% dan jumlah besar eksport ialah 10.7%, sementara peratusan Jepun dalam jumlah besar eksport ialah 22.9% dan jumlah besar import ialah 28.3%. Kadar peratus import dan eksport Jepun - ASEAN adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar peratus Amerika Syarikat dan EC di mana masing-masing merupakan pengeksport kedua dan ketiga terbesar kelima-lima negara tersebut tidak termasuk Brunai. Kesimpulannya di sini Jepun merupakan rakan dagang yang terbesar atau kedua besar dengan setiap negara di rantau ini tidak termasuk Hong Kong (Russell, 1983 : 33). Berdasarkan kepada keadaan ini dapatlah juga disimpulkan bahawa Jepun dan ASEAN saling bergantung di dalam bidang perdagangan. Tetapi menurut seorang penganalisa Matsumoto Saburo, keadaan saling bergantung ini agak berat sebelah. Kenyataan ini memang benar kalau diteliti angka-angka bagi setiap negara ASEAN di dalam kedua-dua jadual 4 dan 5. Di sini kita dapat simpulkan kesemua negara ASEAN bergantung sepenuhnya kepada perdagangan

**Jadual 4 : Pergantungan Perdagangan ASEAN
Dengan Jepun (1984)**

INDONESIA		MALAYSIA		FILIPINA		SINGAPURA		THAILAND	
eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport	
47.3	23.8	22.8	26.3	19.4	13.6	9.4	18.4	13.0	26.9

Sumber: Berdasarkan kepada *Direction of Trade Yearbook*, IMF, 1986.

**Jadual 5 : Pergantungan Perdagangan Jepun
Dengan ASEAN (1984)**

INDONESIA		MALAYSIA		FILIPINA		SINGAPURA		THAILAND	
eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport		eksport/inport	
1.2	7.8	1.2	3.3	0.5	1.0	2.2	1.8	37.2	19.9

Sumber: Berdasarkan Tsusho Hakusho (white paper on International Trade and Industry), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, 1986.

dengan Jepun, manakala eksport Jepun ke semua negara ini secara keseluruhan cuma bernilai 6.72 peratus, iaitu satu angka yang kecil jika dibandingkan dengan nilai eksport Singapura ke Jepun yang merupakan terendah di antara ke enam negara. Dari jadual 5 juga kita dapat melihat pergantungan import Jepun dengan Indonesia merupakan yang tinggi di antara ke enam negara.

Pelaburan

Semenjak tahun 1960-an, ASEAN begitu menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke negara masing-masing demi mempercepatkan kemajuan ekonomi negara. Sumber-sumber utama pelaburan asing di ASEAN adalah negara-negara industri seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah Barat. Walau bagaimanapun, kebanyakan pelaburan asing yang ada berasal dari negara-negara sedang membangun terutama sekali dari negara-negara NICS Asia. Mengikut tradisi, pelaburan asing digunakan sebagai sumber kemajuan, tetapi sejak tahun 1960-an kebanyakan pelaburan beralih masuk ke kegiatan-kegiatan pengeluaran bagi membantu program-program perindustrian.

Terdapat juga jumlah pelaburan luar yang agak besar dilakukan oleh negara-negara ASEAN. Kebanyakan daripada pelaburan-pelaburan ini dilakukan di rantau Asia dengan *cross-investments* di antara negara-negara ASEAN sendiri seperti Singapura melabur di Malaysia dan Indonesia di mana jumlah pelaburan agak besar juga. Malaysia juga adalah pelabur yang agak penting juga di Singapura. Kebelakangan ini pelaburan luar negara-negara ASEAN juga turut

mengalir ke Vietnam dengan berkurangnya ketegangan akibat penglibatan Vietnam dalam isu Kemboja.

Selain daripada perdagangan, pelaburan juga menjadi semakin penting di dalam hubungan ASEAN, Jepun sekarang membekalkan satu pertiga daripada pelaburan tahunan ASEAN. Pelaburan Jepun di negara-negara ASEAN tertumpu dalam industri-industri yang tidak menghasilkan pengeluaran dan perlombongan. Terdapat beberapa sebab mengapa Jepun melabur di rantau ini, antaranya menurut Kementerian Perdagangan Internasional Maret 1977, keperluan domestik industri Jepun untuk mendapat dan membuka pasaran tersedianya tenaga kerja yang murah dan Asia Tenggara sebagai satu lokasi untuk memperolehi dan menjamin sumber-sumber alam. Faktor-faktor lain ialah perubahan di dalamimbangan perdagangan dan simpanan Jepun dan tekanan politik Amerika supaya Jepun memainkan peranan yang lebih besar di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, Jepun merupakan pelabur asing yang terbesar di Indonesia, diikuti dengan Singapura, Malaysia, Thailand dan akhir sekali Filipina.

Bantuan Kewangan

Bantuan Kewangan Jepun kepada negara-negara Asia Tenggara terutamanya negara ASEAN bermula selepas perang dunia kedua. Dasar bantuan kewangan ini bertujuan semata-mata untuk mengurangkan sifat pentangan terhadap Jepun akibat daripada pendudukan dan keganasan yang pernah dilakukan oleh tentera Jepun. Di samping itu, dasar ini bertujuan untuk menguatkan lagi persahabatan Jepun - Asia Tenggara. Namun begitu menurut seorang pengkritik ia juga merupakan satu langkah yang selanjutnya untuk memonopoli pasaran dan pengeluaran bahan-bahan mentah Asia Tenggara. Dari segi politik, walaupun pengaruh komunis di rantau ini berkurangan selepas pelupusan Soviet Union, namun bantuan kewangan ini diharap dapat melenyapkan ideologi komunis. Pendek kata, Jepun memberi bantuan kewangan bukan berhasrat membantu negara Asia Tenggara semata-mata tetapi bertujuan untuk kepentingan negaranya sendiri.

Pengenalan Orde Baru Dunia oleh Amerika Syarikat

Perubahan orde dunia dengan berkuburnya Soviet Union telah membuka ruang kepada Jepun dan negara-negara lain untuk mengembangkan peranannya di Asia Tenggara. Orde Baru Dunia sebagaimana diperkenalkan Amerika Syarikat menggalakkan keselamatan, sistem politik terbuka dan pasaran terbuka. Jepun yang mempunyai pelaburan yang tinggi di Asia Tenggara sudah tentu akan mengambil kesempatan ini untuk mengembangkan ekonominya. Peluang Jepun ini terbuka luas di negara-negara baru Asia Tenggara iaitu Vietnam, Laos dan Kampuchea. Negara-negara ini memerlukan bantuan ekonomi yang tinggi untuk

membangunkan semula negara mereka. Oleh itu, Jepun adalah suatu kuasa ekonomi yang paling sesuai untuk membangunkan semula ekonomi negara-negara ini (Utusan Malaysia, 5 November 1991). Rancangan penubuhan EAEC oleh Perdana Menteri Malaysia Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mempelawa Jepun sebagai anggotanya memberikan peluang kepada Jepun untuk mengembangkan ekonominya di negara-negara baru ini. Menyedari peluang ini, Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa telah menyokong penubuhan EAEC dengan mengatakan EAEC adalah perlu untuk kesejahteraan ASEAN dan Asia Pasifik. Namun, Jepun masih lagi mengambil pendirian *wait and see* iaitu menunggu perkembangan yang lebih lanjut daripada perbincangan di antara negara ASEAN mengenai idea, termasuk memerhatikan sebarang perubahan pendirian Amerika Syarikat terhadap EAEC. Ini adalah kerana Jepun mempunyai kepentingan ekonomi dengan AS yang merupakan rakan perdagangannya yang utama.

Prospek Jepun di Asia Tenggara boleh dikatakan banyak bergantung kepada faktor-faktor dibincangkan di atas. Faktor yang agak ketara ialah saling pergantungan di antara Jepun dan ASEAN, terutama sekali dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Walaupun terdapat kritikan-kritikan yang mengatakan Jepun tidak bersikap sebagaimana sepatutnya. Umpamanya, Malaysia bersungut bahawa firma-firma Jepun teragak-agak untuk berkongsi teknologi dengan negara tuan rumah dan keraguan Jepun dalam memajukan orang tempatan ke peringkat pengurusan pertengahan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1987 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun (MITI) mengumumkan *New Aid Plan* (New Industrial Development Plan). Objektif utama rancangan ini ialah untuk memenuhi keperluan ASEAN untuk menggalakkan perindustrian berorientasikan eksport dan pelaburan asing. Pada tahun yang sama, MITI mewakilkan JICA (Japan International Cooperation Agency) untuk mengkaji program-program bagi mencapai matlamat-matlamat ini di Thailand dan Malaysia (Look Japan, May 1991: 43). JICA bertanggungjawab untuk memberikan bantuan teknikal seperti menyediakan pakar-pakar Jepun, menerima pelatih-pelatih dan mendirikan pusat-pusat latihan. Setakat ini, kedua-dua negara tersebut telah memberikan respon yang baik dan menggunakan sebahagian besar daripada polisi-polisi cadangan di dalam perkembangan ekonomi mereka. Perkara ini sedikit sebanyak membantu Jepun mencerahkan kedudukannya di Asia Tenggara.

Persoalannya apakah Jepun akan terus mengeneipkan masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh ASEAN dalam hubungan kerjasama ekonomi kedua-dua negara seperti dalam bidang pelaburan dan kecemasan bahawa Jepun mengeksport pencemarannya yang menyebabkan musnahnya hutan rimba dan mengikis sumber-sumber perikanan dan logam di Asia. Juga apakah Jepun mampu mempertahankan kedudukan sebagai pelabur terbesar Asia dengan kemunculan

negara-negara NIC seperti Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong yang turut meningkat pelaburannya di Asia Tenggara, khususnya di ASEAN.

Perkembangan ekonomi Jepun di Asia Tenggara berkemungkinan besar akan berkurangan kerana mendapat saingan-saingan baru dari Negara Perindustrian Baru (NICs) ini. Negara-negara NIC ini telah berjaya meluaskan pengaruhnya di rantau ini terutamanya dari segi pelaburan dan berpotensi untuk menyaingi Jepun seperti di Malaysia di mana Taiwan menduduki tangga kedua di bawah Jepun sebagai pelabur asing yang terbesar (sila rujuk Jadual 3). Selain daripada itu AS turut menyatakan hasrat untuk melabur dengan lebih banyak di Asia Tenggara untuk merebut peluang ekonomi di Asia Tenggara yang selama ini dikuasai oleh Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura. Oleh itu, amatlah menarik untuk melihat sama ada perubahan ini akan berlaku.

Kesimpulannya, beberapa faktor akan mempengaruhi prospek Jepun di Asia Tenggara sebagai kuasa ekonomi terbesar. Jepun sudah seharusnya melakukan lebih banyak lagi usaha untuk memperbaiki imejnya di rantau ini dan tidak lagi memandang ASEAN sebagai tempat eksploitasi ekonomi, iaitu sebagai sumber bahan-bahan mentah. Jepun juga harus menyedari pembangunan ekonomi sahaja tidak menjamin kebahagiaan manusia. Jepun harus mencari jalan untuk kerjasama yang dapat memupuk keuntungan bagi semua penduduk ASEAN secara keseluruhannya dan bukan untuk segolongan kecil sahaja yang mempunyai *direct contract* dengan Jepun. Perkara ini dapat dilakukan dengan memupuk kefahaman yang lebih mendalam mengenai perasaan dan kebudayaan anggota ASEAN dengan menjalin tali persahabatan yang benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh dan bukan kerana kepentingan ekonomi sahaja.

Rujukan

- Anthony Rowley. Affluence with influence, *Far Eastern Economic View*, 20 June 1991.
- Doug Tsuruoka. Look East and Up, *Far Eastern Economic Review*, 28 March 1991.
- Doug Tsuruoka. In Need of Weaning, *Far Eastern Economic View*, 6 February, 1992.
- James Riedel. Intra- Asian Trade and Foreign Direct Investment, *Asian Development Review*, Vol. 9, No. 1, 1991.
- Johan Saravananmuttu. *The Look East Policy and Japanese Economic Penetration in Malaysia* dalam *Mahathir's Economic Policies* (ed) Jomo, INSAN, Petaling Jaya, 1988.
- Jomo. *The Sun Also Sets*, INSAN, Petaling Jaya, 1983.
- Jomo. *Mahathir's Economic Policies* (ed), INSAN, Petaling Jaya, 1988.
- Jon Halliday and Govan Mc Cormack. *Japanese Imperialism Today : Co-Prosperity in Greater East Asia*, Penguin Books, Great Britain, 1973.
- Kunio Yoshihara. *Japanese Investment in Southeast Asia*, The University Press of Hawaii, Honolulu, 1978.
- Linda Golley. *Syurga Pelaburan Asing: Modal Jepun Di Malaysia* dalam *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*, INSAN, Kuala Lumpur, 1989.
- Maki Murakami, *Aiding Asia*, Look Japan, May 1991.
- Mehmet Sami Demker dan Sharifah Mastura Alsagoff. Kepentingan Ekonomi Jepun di Malaysia dan Hubungan Jepun-Malaya dari Perspektif Sejarah, *Ilmu Masyarakat XIV*, Januari-Jun, 1989.
- N. Balakrishnan. The Next NIC, *Far Eastern Economic Review*, 7 September 1989.
- Narongchai Akrasanee. *ASEAN-Japan Relations, Trade and Development*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1983.
- Russel, George. "A New Good Neighbour Policy", *Times*, v 122, (August 1, 1983) p 33.
- Shinji Fukukawa. *Japan's Choices*, Look Japan, November 1988.
- Zaini Othman. *Pelaburan Asing: Implikasi Ke Atas Pembangunan Ekonomi Malaysia: 1976-1985*, Tesis Jabatan Sains Politik, UKM Sesi 1990/91.
- The Bottom Line. *Asiaweek*, 14 February 1992.
- The Star, 23hb. Januari 1992
- Utusan Malaysia, 11hb. Disember 1991
- Berita Harian, 8hb. Jun 1991
- Berita Harian, 2hb. Januari 1992

Proses Perdamaian Kemboja: Perspektif Indo-China Dan ASEAN

*Johan Saravanamuttu**

Pengenalan

Kertaskerja ini bertujuan meneliti proses perdamaian mengenai konflik Kemboja sejak 1979 dari perspektif negara-negara Indo-China dan ASEAN. Analisis akan merangkumi pendirian kedua-dua kumpulan negara ini agar dapat pemahaman yang menyeluruh mengenai perbezaan dan persetujuan yang wujud di antara dua pihak tersebut terhadap konflik kemboja. Ia juga tertumpu kepada proses dan dinamik resolusi konflik di antara dua pihak ini melalui analisis ke atas dasar-dasar, langkah-langkah dan tindakan tertentu yang pernah dilaksanakan oleh dua pihak ke arah penyelesaian konflik ini. Maka, dengan cara ini, ia dapat mengenalpastikan faktor-faktor yang telah menyumbang kepada penyelesaian konflik Kemboja dari perspektif Indo-China dan ASEAN.

Bahagian pertama merupakan huraian dan kronologi tentang tindakan, pendirian dan dasar Indo-China dan ASEAN terhadap Kemboja sejak 1979. Ia dipecahkan kepada beberapa jangka masa yang tertentu. Huraian bermula dengan perbincangan tentang konflik militer di antara Kemboja (Kampuchea) dan Vietnam pada 1975. Ini berakhir dengan campurtangan militer Vietnam yang mengulingkan Kerajaan Democratic Kampuchea (DK) yang diterajui oleh Khmer Merah (Khmer Rouge). Kemudian dasar dan pendirian negara Indo-China dihuraikan untuk jangka masa 1979 hingga 1987. Seterusnya, tindakbalas serta dasar dan pendirian ASEAN dihuraikan untuk jangka waktu yang sama. Isu-isu yang menonjol dan yang mengariskan perbezaan Indo-China dan ASEAN diketengahkan dalam huraian ini.

Dalam bahagian kedua, kertas ini beralih kepada jangka masa dinamik yang menggerakkan proses perdamaian, iaitu tahap 1988 hingga 1991. Fokus diberikan kepada usaha-usaha yang membawa pihak berkonflik kepada meja perundingan terutama sekali oleh negara-negara ASEAN dan Indo-China. Peranan yang dimainkan oleh negara-negara lain dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga disentuh.

* Dr. Johan Saravanamuttu kini bertugas sebagai Profesor Madya di Kajian Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia serta Penyelaras Unit Penyelidikan Keamanan dan Pendidikan (PREUSM)

Bahagian akhir membincangkan proses perdamaian konflik Kemboja dari sudut dan teori resolusi konflik. Soalan yang cuba dijawab ialah apakah yang memungkinkan dan menggerakkan proses dinamik yang membawa kepada resolusi konflik Kemboja? Apakah faktor-faktor terpenting yang menghalang proses perdamaian dan apakah peranan ASEAN dan Indo-China yang sebenar yang menyumbang kepada proses perdamaian? Kertas diakhiri dengan menyentuh tahap hubungan Indo-China dan ASEAN pasca-konflik Kemboja.

KONFLIK KEMBOJA, 1979-1987: KEBUNTUAN*

Pertempuran Vietnam-Kemboja dan Campurtangan Vietnam, 1979

Vietnam dan Kemboja mulai bertempur secara militer di sempadan masing-masing sebaik sahaja pihak Khmer Merah menjatuhkan kerajaan bukan-komunis Lon Nol dan mengambil alih kuasa pada 17 April, 1975 di Phnom Penh. Pertempuran ini berlarutan sehingga 1978 sungguh pun beberapa usaha dilakukan untuk menyelesaikan pertelingkahan di sempadan masing-masing oleh dua negara komunis itu. Salah satu kesan pertelingkahan ke atas Kemboja sendiri ialah penyingkiran beramai-ramai orang Kemboja dari Zon Timur ke sempadan Vietnam. Jadi pada 2 Disember, 1978, tidak hairan wujudnya organisasi penentangan di *zon pembebasan* di Kemboja yang bergelar *Kampuchean National United Front for National Salvation* (KNUFNS).

Pada 25 Disember 25, 1978, lebih kurang 100,000 askar Vietnam dengan sokongan 20,000 askar KNUFNS menceroahi Kemboja. Dalam masa yang singkat Phnom Penh jatuh ke tangan Vietnam dan KNUFNS, iaitu pada 7 Januari, 1979. Kerajaan sementara di bawah Majlis Revolusioner Rakyat ditubuhkan oleh KNUFNS pada 8 Januari. Kemudian, nama rasmi Kemboja ditukar daripada *Democratic Kampuchea* kepada *People's Republic of Kampuchea* (PRK).

Vietnam cuba menjelaskan tindakannya sebagai tindakbalas terhadap pencerobohan DK ke atas wilayah Vietnam dan perang sempadan yang dilancarkan oleh DK. Vietnam juga menyatakan bahawa kebangkitan dalam negeri oleh rakyat Kemboja menggulingkan kerajaan DK. Malahan, Vietnam telah diminta membantu kerajaan baru PRK melalui Persetiaan Persahabatan yang telah terjalin di antara Vietnam dan Kemboja pada Februari 1979. Anggaran bilangan askar Vietnam yang hadir di Kemboja pada jangka masa ini ialah dalam lingkungan 180,000 hingga 200,000. Sejak 1980an, Vietnam juga merujuk

* Kebanyakan huraian bahagian ini dipetik daripada Saravanamuttu dan Amer, 1992. Lihat kertas itu untuk huraian yang lebih terperinci mengenai dasar Indo-China pada tahap ini.

kepada askar-askarnya di Kemboja sebagai *sukarelawan* (volunteers) yang telah dijemput hadir oleh PRK.

Dasar dan Pendirian Indo-China, 1979-1982

Dasar dan pendirian kerajaan Vietnam, Laos and Kemboja (PRK) yang penting pada tahap ini berkisar kepada tiga isu:

- * Cadangan-cadangan tiga negara ini yang bertujuan memperbaiki hubungan dengan negara-negara ASEAN.
- * Kehadiran askar Vietnam di Kemboja dan syarat-syarat yang perlu untuk pengunduran askar berkenaan.
- * Persepsi negara-negara Indo-China terhadap keputusan PBB mengenai Kemboja.

Tahap ini memperlihatkan beberapa saranan oleh Indo-China untuk memperbaiki hubungan dengan ASEAN berasaskan matlamat menjalin *persahabatan dan kerjasama berpanjangan* melalui perjanjian dua-hala and berbagai-hala antara ASEAN dan Indo-China. Umpamanya pada 1981 di Perhimpunan Am PBB, Laos mencadangkan gagasan berasaskan tujuh prinsip dikenali sebagai *Principles governing the peaceful co-existence between the two groups of countries, Indochinese and ASEAN for peace, friendship and cooperation in Southeast Asia*. (Saravanamuttu and Amer, m.s. 7-10). Negara-negara Indo-China selalu merujuk kepada tujuh prinsip tersebut sebagai asas-asas untuk menubuhkan satu zon perdamaian dan kestabilan di Asia Tenggara di samping mempersalahkan kuasa-kuasa *imperialis* seperti Amerika Syarikat dan China yang sering cuba menghalang pencapaian matlamat tersebut. Berkenaan ini, salah satu syor khusus dikemukakan pada Persidangan Menteri Luar Indo-China yang Ke-enam di Kota Ho Chi Minh pada Julai 1982 untuk menubuhkan zon demilitarisasi di sempadan Thailand dan Kemboja yang boleh dikawal oleh pihak antarabangsa jika dipersetujui oleh Indo-China dan ASEAN.

Berkenaan dengan isu kehadiran askar Vietnam di Kemboja, perkara ini selalu disebut sebagai langkah yang *sementara* di mana askar tersebut boleh ditarik balik sebaik sahaja *ancaman* China tidak wujud. Pada Persidangan yang Ke-enam itu, pengumuman dibuat bahawa langkah-langkah pertama akan dilaksanakan untuk mengundurkan askar Vietnam *sebagai tanda budibai* Indo-China demi mencapai perdamaian.

Isu keputusan PBB terhadap Kemboja berkisar kepada perwakilan Kemboja di PBB, iaitu kepada kerajaan yang patut menduduki kerusi Kemboja di PBB. Negara Indo-China mendesak supaya kerusi ini *dipulangkan* kepada PRK yang mereka anggap sebagai kerajaan yang sah dan berwibawa di Kemboja. Mereka juga mengutuk dasar PBB yang mengekalkan perwakilan *konco Pol Pot*, tidak kira apa sekali pun nama yang digunakan untuk menggambarkan kerajaan DK itu, bahkan tindakan PBB itu tidak sah dan mencabuli Carta PBB sendiri. Kenyataan ini merujuk kepada pembentukan kerajaan campuran Kemboja dengan nama *Coalition Government of Democratic Kampuchea* (CGDK) yang disokong oleh ASEAN dan kuasa-kuasa Barat, yang juga akan mewakili negara itu di PBB sejak 1982.

Dasar Indo-China, 1983-1987

Kebanyakan dasar dan pengumuman pada tahap ini tertumpu kepada kehadiran askar Vietnam di Kemboja dan langkah-langkah yang perlu bagi pengunduran askar tersebut. Dasar dahulu terhadap isu pengunduran askar diulangi sering kali tetapi dengan menggariskan bahawa proses ini telah pun bermula sejak 1982. Malahan, pada 1985, negara-negara Indo-China mengumumkan kesanggupan untuk menarik balik semua askar Vietnam pada 1990.

Satu isu baru yang timbul ialah pilihanraya bebas yang dicadangkan oleh PBB. Jawapan kerajaan PRK ialah bahawa ia sanggup berunding dengan pihak penentang kerajaan (kecuali kumpulan Pol Pot) untuk menentukan cara bagi melaksanakan pilihanraya tersebut. Menyentuh kepada rumusan damai bagi Kemboja, Persidangan Menteri Luar Indo-China yang Keduabelas pada 1986 menyatakan:

[A]n agreement should be reached on the setting up of zone of peace and stability in Southeast Asia wherein states with different social systems would coexist peacefully on the basis of the principles mentioned in the declarations of Bandung in 1955, Kuala Lumpur in 1971; of Bali in 1976 and in the declaration of the three Indochinese countries put forward by the Lao Foreign Minister in 1981, before the General Assembly of the United Nations and an end must be put to foreign aggression, intervention and threat against the countries of the region (Saravanamuttu dan Amer, 1992, m.s. 16).

Dasar ASEAN Terhadap Kemboja, 1979-1981

Sebaik sahaja Vietnam campurtangan di Kemboja pada penghujung 1978 ASEAN menunjukkan reaksi yang cepat dan bersepadu. Satu mesyuarat khas Menteri Luar diadakan di Bangkok pada 12-13 Januari, 1979 yang menggariskan lima perkara:

- * mengutuk sekeras-kerasnya campurtangan Vietnam yang mencabuli kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Kemboja.
- * mengesahkan hak rakyat Kemboja untuk menentukan masa depan mereka sendiri bebas daripada campurtangan atau pengaruh dari kuasa luar berasaskan prinsip penentuan nasib sendiri (self-determination).
- * mengesa penarikan balik askar asing daripada wilayah Kemboja.
- * mengalu-alukan keputusan Majlis Keselamatan PBB untuk menilai keadaan di Kemboja serta merta dan mengesa sekuat-kuatnya Majlis supaya mengambil langkah yang perlu dan berpatutan untuk mengembalikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Kemboja.
(Saravanamuttu dan Amer, 1992, m.s. 17).

Pada tahap ini negara-negara ASEAN sibuk mengadakan kegiatan diplomasi dengan tujuan untuk mencapai *rumusan politik* bagi konflik Kemboja. Pada akhir 1979, ASEAN telah berusaha dan berjaya mendesak komuniti antarabangsa untuk mengadakan satu persidangan antarabangsa mengenai Kemboja berdasarkan ketetapan PBB bertarikh 14 November, 1979.

Persidangan Antarabangsa Kemboja, 1981

Persidangan ini (International Conference on Kampuchea - ICK) diadakan pada 17 Julai, 1981 dan keputusan dan deklarasinya untuk *perdamaian menyeluruh melalui perundingan* mencerminkan pendirian dan dasar ASEAN terhadap konflik Kemboja. Secara ringkas ICK berputusan sedemikian:

- * perjanjian semua pihak konflik di Kemboja untuk menerima satu gencatan senjata dan pengunduran askar asing dalam masa yang sesingkat mungkin bawah pengawalan angkatan PBB.
- * mengadakan pilihanraya bebas bawah penyeliaan PBB berasaskan prinsip penentuan nasib sendiri.

- * lima anggota tetap Majlis Keselamatan dan negara-negara Asia Tenggara harus menghormati dan menjamin kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan status berkecuali Kemboja serta keutuhan sempadan negara itu.
- * menjamin bahawa Kemboja tidak terbabit dalam mana-mana pakatan militer dan pengkalan militer asing atau membenarkan kehadiran askar asing di wilayahnya.
(Weatherbee, 1985, pp. 109-110)

Dasar PBB, ASEAN dan Pembentukan Kerajaan CGDK, 1982:

Di samping mendesak supaya persidangan ICK diadakan, dasar ASEAN di PBB berkisar kepada isu perwakilan Kemboja. Umpamanya, Malaysia, Singapura dan Thailand memainkan peranan penting di Perhimpunan Am Ke-34 dalam mencegah kelulusan cadangan India untuk mengosongkan kerusi Kemboja selagi konflik itu tidak selesai. Ketiga-tiga negara ASEAN berjaya berusaha untuk menjamin bahawa kerusi itu terus dipegang oleh Democratic Kampuchea (Amer, 1989, m.s. 11-14).

Perkara ini mempunyai perkaitan rapat dengan usaha ASEAN dalam menyokong pembentukan CGDK. Pada April 1981 Kerajaan Singapura mengundang Son Sann, pemimpin *Khmer People's National Liberation Front* (KPNLF) dan beberapa wakil lain untuk satu perbincangan mengenai pembentukan kerajaan campuran Kemboja. Pada bulan yang sama, Menteri Luar Thailand selaku pengerusi tetap ASEAN melawat Washington untuk mendapat sokongan bagi idea CGDK. Pada September 1981, Putera Norodom Sihanouk, pemimpin kepada FUNCINPEC (Fron Uni National pour un Cambodge Independant, Neutre, Pacifique et Cooperatif), Son Sann dan pemimpin Khmer Merah Khieu Samphan telah membuat pengumuman bersama di Singapura mengenai pembentukan kerajaan campuran CGDK. Kerajaan buangan negeri itu dirasmikan pada 22 Jun, 1982 di Kuala Lumpur, dengan Sihanouk sebagai Presiden, Khieu Samphan sebagai Naib-Presiden dan Son Sann sebagai Perdana Menteri. Matlamat CGDK ialah:

- * mengemblengkan segala usaha dalam perjuangan bersama untuk membebaskan Kemboja dari penceroboh-penceroboh Vietnam supaya negara dibentuk semula sebagai tanahair yang berdaulat dan bermerdeka.
- * berusaha melaksanakan deklarasi persidangan ICK dan ketetapan PBB lain yang relevan.
(*The Democratic Kampuchea Coalition Government Agreement* seperti yang tercatat dalam Bilveer Singh, 1989, m.s. 150)

Dasar ASEAN, 1983-1987

Deklarasi ICK dan pembentukan CGDK merupakan tulang belakang dasar Kemboja ASEAN sepanjang tahap ini. Namun, terdapat beberapa usaha dan gagasan baru yang telah dikemukakan tanpa apa-apa penyelesaian. Satu cadangan untuk mengadakan persidangan serantau di antara Indo-China dan ASEAN layu begitu sahaja pada 1983. Mungkin sesuatu yang boleh dianggap baru yang timbul pada tahap ini ialah *cadangan lapan-mata* yang dikemukakan oleh CGDK pada 17 March, 1985, yang disokong kuat oleh ASEAN. Cadangan ini menyentuh perkara-perkara yang berikut:

- * pengunduran askar-askar Vietnam
- * gencatan senjata
- * pengawalan perdamaian antarabangsa
- * pembentukan kerajaan campuran sebagai kerajaan sementara
- * pilihanraya bebas di bawah pengawalan PBB
- * pembentukkan semula Kemboja yang bebas, berkecuali dan demokratik
- * bantuan asing untuk pembangunan semula Kemboja
- * ketidaknasan dan hidup bersama secara damai dengan Vietnam (Amer et al., 1988, pp 248-249).

Sehingga akhir tahap ini, negara-negara ASEAN menggariskan cadangan CGDK sebagai pelan yang boleh membawa *penyelesaian nasional* (national reconciliation) kepada Kemboja.

Perbezaan Utama antara Indo-China dan ASEAN, 1979-1987

Berpandukan huraian dasar dan pendirian Indo-China dan ASEAN terhadap konflik Kemboja, sudah jelas bahawa perbezaan-perbezaan yang serius wujud di antara dua pihak. Kita dapat menggariskan lima perkara yang penting:

- i. Campurtangan atau intervensi Vietnam di Kemboja
- ii. Persoalan kewibawaan (legitimacy) kerajaan Kemboja

iii. Kehadiran dan pengunduran askar-askar Vietnam

iv. Isu sempadan Thai-Kemboja

v. Isu keamanan serantau

Sungguh pun terdapat matlamat yang sama di antara dua pihak, umpamanya terhadap isu yang ke-enam di mana kedua-dua pihak inginkan penubuhan zon yang bebas dan berkecuali dan damai di Asia Tenggara berasaskan perjanjian dua-hala dan berbagai-hala, namun, selagi ASEAN tidak mengiktiraf PRK dan Indo-China tidak mengiktiraf CGDK, selagi itulah usaha penyelesaian konflik akan terus menghadapi kebuntuan.

Untuk ASEAN, nampaknya, cuma dua kemungkinan dapat mengatasi kebuntuan ini, iaitu pengiktirafan kepada PRK atau dasar *balas-intervensi* dalam apa cara jua pun supaya PRK digantikan oleh kerajaan yang *sah*. Langkah yang kedua ialah yang dipilih oleh ASEAN. Menurut beberapa pendapat, pilihan ini agak ganjil memandangkan bahawa ia hampir membawa ASEAN kepada dasar yang bersama dengan China dan Amerika Syarikat. Malahan, ia bermakna ASEAN menyokong sebuah kerajaan yang menerima kemasukkan pihak Khmer Merah, yang bukan sahaja pihak komunis, tetapi juga merupakan bekas rejim yang di khalayak dunia telah dikutuk sebagai zalim kerana bertanggungjawab ke atas kematian lebih kurang sejuta rakyat Kemboja.

Dari kacamata negara-negara Indo-China, sekiranya mereka menerima cadangan ASEAN atau/dan permintaan PBB-ICK, ini seolah-olah bermakna pilihan bunuh-diri oleh kerana memerlukan pembubaran PRK dan pengembalian rejim Khmer Merah. Jadi, taktik mereka ialah untuk menawan hati ASEAN melalui beberapa gagasan ke arah penjalinan perjanjian dua-hala dan berbagai-hala dengan harapan bahawa lambat laun kerajaan PRK dapat diiktirafkan oleh ASEAN. Pada amnya, pengumuman pengunduran askar Vietnam juga bertujuan demikian.

Tahap ini memperlihatkan dengan jelas betapa sukarnya bagi kedua-dua pihak bergerak menjejak langkah ke peringkat kesanggupan bersemuka di meja perundingan. Jadi konflik Kemboja itu dihalang dari bergerak ke peringkat yang boleh membawa dinamik-dinamik baru ke arah penyelesaian. Perkara ini dapat berlaku hanya selepas 1988.

Ke Arah Perdamaian, 1988-1990*

Memang sudah nyata bahawa politik antarabangsa amat berubah pada penghujung dasawarsa 1980an. Perkembangan politik yang begitu luar biasa ialah keruntuhan

* Lihat Frost, 1991 untuk huraian yang terperinci dan tepat tentang proses perdamaian di Kemboja pada tahap ini.

sistem politik Eropah Timur yang akhirnya merebak ke Uni Soviet yang sekarang ini telah lenyap. Menyedari ini tidak hairanlah bahawa perubahan politik hebat ini akan mempengaruhi politik serantau di Asia Tenggara. Konflik Kemboja tidak terlepas dari kesan-kesannya. Namun, ia bukan dalam skop kertas ini untuk meneliti faktor ini sebagai pengaruh di sebalik proses penyelesaian konflik Kemboja. Sekalipun ia tidak dapat dinafikan sebagai faktor penting, kita tidak harus lupa bahawa faktor hubungan Indo-China-ASEAN yang semakin baik pada tahap ini membawa perubahan yang kritikal kepada proses perdamaian.

Kebuntuan yang menghantui konflik Kemboja selama hampir sepuluh tahun mula diatasi sedikit sebanyak selepas pengumuman Vietnam bahawa ia akan menarik balik tenteranya dari wilayah Kemboja sejak 1985. Pada 1988 perkembangan politik di Thailand juga menyebabkan perubahan iklim politik di rantau Asia Tenggara. Di bawah kerajaan Chatichai Choonhavan, yang mengamalkan dasar baru yang flexibel dan bercirikan persahabatan dengan Indocina. Cogankata Chatichai ialah *mengubahkan medan perang Indo-China kepada medan pasaran*. Hubungan Thailand dengan Kemboja semakin bertambah baik atas alasan ekonomi dan memang Thailand memainkan peranan penting dalam menggalakkan beberapa dialogue dan akhirnya menganjurkan pertemuan SNC (Majlis Nasional Agung) Kemboja pada Jun 1991 di Pattaya.

Tetapi sebelum itu pun, Indonesia telah memainkan peranan yang besar dalam usahanya menganjurkan *Jakarta Informal Meetings* (JIM). Pada Julai 1987, Vietnam dengan Indonesia, mewakili Indo-China dan ASEAN masing-masing, bersetuju tentang konsep pertemuan bersemuka dan perbincangan antara pihak Kemboja yang berkonflik. Ekoran perjumpaan Perdana Menteri Hun Sen yang mewakili SOC (State of Cambodia, iaitu nama baru PRK sejak 1989) dengan Putera Sihanouk di Paris, Indonesia menganjurkan JIM yang pertama selama empat hari pada Julai 1988. Di samping pihak Kemboja, JIM juga membabitkan penyertaan Vietnam, Laos dan negara-negara ASEAN. Jadi, dari satu segi, ia merupakan persidangan serantau yang pertama di antara Indo-China dan ASEAN sejak teretusnya konflik Kemboja. Sekali pun perbezaan serius masih tidak dapat diatasi di JIM pertama, namun ia telah menggerakkan satu dinamik baru dalam proses perdamaian. Perbincangan-perbincangan seterusnya termasuklah antara Sihanouk, Son Sann dan Hun Sen di Paris pada November 1988, antara Thailand dan Vietnam pada Januari 1989 dan antara Vietnam dan China sejak Januari 1989.

Giliran kedua JIM diadakan pada Februari 1989 tetapi perbezaan terutama sekali terhadap pengunduran askar Vietnam tanpa syarat dan isu pembubaran kerajaan Phnom Penh menghantui kemungkinan tercapai persetujuan. Pada 24 Julai 1989, Sihanouk dan Hun Sen bertemu sekali lagi di Paris berikutan dengan mesyuarat empat pihak berkonflik iaitu Kemboja, ASEAN, Indo-China, lima kuasa besar

Majlis Keselamatan PBB, Australia, Canada, India, Zimbabwe (mewakili negara-negara berkecuali) dan seorang wakil Setia-Usaha Agung PBB. Mesyuarat ini bermula pada 30 Julai dan berjalan selama sebulan. Sungguh pun terdapat persetujuan untuk menerima satu rangka asas bagi perdamaian (blueprint for peace) yang secara prinsip mewajibkan peranan PBB dalam proses ini, menurut

Frost, pelan Ogos masih memperlihatkan ketidaksetujuan terhadap beberapa isu:

The conference, however, failed to bridge differences over key issues, including the international supervision of Vietnam's withdrawal and peace in Cambodia, the future make-up of the government coalition. Hun Sen adamantly opposed Khmer Rouge participation; Sihanouk argued that excluding Khmer Rouge would guarantee continued armed conflict, while including them would go further towards insuring the stability of an interim quadripartite government. At the end of August, the Paris conference suspended its proceedings without a comprehensive settlement, although it did not formally adjourn and left open the possibility of reconvening. (Frost, 1991, m.s. 141).

Isu yang paling pokok ialah penyertaan Khmer Merah sedangkan isu yang lain, pada hemat saya, lebih merupakan isu teknikal atau prosedural yang tidak begitu sukar diatasi. Pada tahun 1990, beberapa pertemuan lain diadakan pada 26 hingga 28 Februari, 9 hingga 10 September dan 9 hingga 10 November di Jakarta; pada 23 hingga 26 November dan 19 hingga 23 Disember di Paris dengan tujuan untuk menghalusi dan membetulkan Pelan Ogos ini. Namun, penyelesaian secara rasmi hanya tercapai pada tahun 1991.

Penyelesaian, 1991

Dengan menyedari bahawa penyelesaian telah tercapai melalui Perjanjian Perdamaian yang ditandatangani di Paris pada 23 Oktober 1991, persidangan yang berakhir pada Ogos 1989 di Paris boleh dianggap sebagai peristiwa yang telah mengkiblatkan konflik ke arah penyelesaian. Proses perdamaian yang sebenar memang tidak tamat lagi dan banyak langkah lain harus dilintasi oleh PBB dan negara asing yang terlibat dalam proses ini serta pihak Kemboja dan rakyat Kemboja sendiri untuk menjadikan Kemboja benar-benar damai pada masa depan (Lihat FEER, November 7, 1991).

Proses perdamaian seterusnya bergerak dengan pesat sepanjang 1991 dan terdapat beberapa perkembangan penting yang berlaku pada tahun ini yang membabitkan peranan penting negara-negara ASEAN. Antaranya ialah Perbincangan di

Jakarta pada 2 hingga 4 Jun 1991 dan Mesyuarat Pattaya pada 24 hingga 26 Jun. Yang paling penting ialah beberapa persetujuan yang tercapai di Pattaya yang diringkaskan oleh Frost seperti yang berikut:

The Pattaya talks produced several decisions. The Cambodian parties agreed on a conditional ceasefire, a cessation of foreign arms supplies (both from 24 June) and on the continued operation of the SNC with Prince Sihanouk as its convenor and Chairman. An SNC delegation, led by Prince Sihanouk would occupy the Cambodian seat in the United Nations. It was also agreed that the SNC would be physically located in Phnom Penh and that each party (including the Khmer Rouge) would be permitted to have its own personnel located in the capital, guarded by its own forces. When the SNC was established in Phnom Penh, foreign governments, including the UN Permanent five members, would be invited to send diplomatic representatives. The Cambodian parties also agreed on a new flag and national anthem for the SNC, which would operate above, but not replace the SOC and the NGC of the resistance (Frost, 1991, m.s. 155).

Kebanyakan keputusan Pattaya ini telah pun tercapai pada masa kini dan negara ASEAN, termasuk Malaysia telah menjalin semula hubungan diplomatik dengan Kemboja. Dengan perjanjian Paris pada Oktober 1991, yang ditandatangani oleh 19 buah negara, hubungan diplomatik kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Barat dengan Kemboja sudah pun dipulih semula. Harapan Kemboja ialah proses normalisasi hubungan antarabangsa yang tergantung selama 13 tahun akan terus menggalakkan perkembangan-perkembangan bermanfaat yang lain. Namun, seperti yang tersentuh di atas, pencapaian keamanan dan kestabilan di negara itu sekarang bersandar kepada isu penyelesaian nasional yang cuma boleh tercapai secara bermakna oleh pihak Kemboja dan rakyatnya sendiri. Pada masa penulisan kertas ini, pihak Khmer Merah sedang menghalang proses perdamaian kerana masih tidak patuh kepada prosedur perlucutan senjata dan usaha pengawalan askar (cantonment). Lebih-lebih lagi pilihanraya yang dijangkakan akan diadakan pada bulan May dan April 1992 masih menghadapi beberapa kesulitan termasuk permintaan Khmer Merah yang mahukan pembubaran kerajaan Phnom Penh sebelum pilihanraya tersebut diadakan. Sekiranya Khmer Merah tidak merestui proses *penyelesaian nasional* yang dipersetujui oleh pihak lain, maka perdamaian yang kukuh tidak akan tercapai di Kemboja.

Resolusi Konflik: Perspektif Indo-China Dan ASEAN

Dari perspektif resolusi konflik di antara negara Indo-China dan ASEAN masalah Kemboja memperlihatkan beberapa pernyataan dan pengajaran yang menarik.

Apa yang terserlah dari huraian kertas ini ialah masalah pertama proses perdamaian sepanjang jangka masa 1979 hingga 1987 ialah bahawa pihak Indo-China dan ASEAN tidak sekali pun bersemuka secara rasmi sebagai dua kumpulan negara yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam konflik Kemboja. Sekali pun perbezaan jauh lebih serius daripada kemungkinan untuk persetujuan terhadap beberapa isu, tanpa perundingan atau pun kesanggupan bersemuka, jurang perbezaan dua kumpulan negara itu akan terus wujud bahkan bertambah besar. Perkara ini memang terbukti pada tahap pertama ini.

Selepas tahap kebuntuan itu, perubahan dasar Thailand dan daya usaha Indonesia terhadap Indo-China menjadi katalis yang menggerakkan dinamik baru dalam proses penyelesaian konflik itu. Malahan pengunduran askar Vietnam yang tercapai satu tahun sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Vietnam sendiri mempercepatkan lagi proses perdamaian pada tahun 1989 sehingga 1991. Perasaan saling curiga-mencurigai antara Indo-China dan ASEAN yang wujud sepanjang tahap pertama berkurangan apabila Thailand dan Indonesia menghulurkan tangan persahabatan kepada Vietnam dan kerajaan Phnom Penh melalui *tindakan-tindakan perdamaian* dua negara ASEAN berkenaan.

Isu yang paling rumit dan substantif dalam konflik Kemboja ialah isu pihak mana yang mempunyai kewibawaan dan patut mewakili Kemboja. Perkara ini diselesaikan peringkat demi peringkat dan menghadapi kebuntuan yang paling serius mengenai kedudukan Khmer Merah. Perkara ini diselesaikan dengan penyertaan Khmer Merah dalam SNC tetapi ia masih menghantui proses perdamaian dalam negeri selagi keupayaan militer Khmer Merah tidak dapat diatasi atau dibendung oleh pihak PBB. Isu Khmer Merah juga menyulitkan konsep penyelesaian nasional (*national reconciliation*) yang merupakan persetujuan substantif dan asas proses perdamaian. Perkara-perkara yang lain seperti isu pilihanraya dan peranan PBB cuma merupakan isu-isu prosedural setelah asas-asas penyelesaian nasional telah diterima serta juga penerimaan prinsip bahawa kesemua pihak Kemboja (termasuk Khmer Merah) berhak terlibat dalam proses itu secara damai.

Implikasi perdamaian di Kemboja untuk hubungan Indo-China-ASEAN amat besar. Politik serantau akan menjadi aman dan tidak lagi dihantui oleh konflik

antarabangsa serantau buat pertama kali sepanjang sejarah pasca-perang. Sekiranya perdamaian kukuh tercapai dan dapat dihormati oleh semua pihak yang berkonflik ia akan membawa makna yang besar memandangkan bahawa ASEAN sanggup pada masa depan menerima penyertaan negara-negara Indo-China dalam badan serantau itu.

Langkah pertama bagi kemungkinan ini ialah penyertaan negara Indo-China dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN (Bali 1976) yang telah disentuh oleh beberapa pemimpin-pemimpin ASEAN, termasuk pemimpin Malaysia. Deklarasi Singapura di Persidangan Kemuncak ASEAN pada 28 Januari, 1992 juga menghulurkan perjanjian tersebut kepada semua negara di rantau Asia Tenggara. Langkah kedua ialah penerimaan negara-negara Indo-China di dalam ASEAN. Perkara ini pun telah digariskan dalam perbincangan dan deklarasi Singapura. Tanpa penyertaan negara-negara Indo-China dalam ASEAN, selagi itulah konsep ZOPFAN yang telah lama diidam-idamkan oleh negara-negara ASEAN tidak akan tercapai secara bererti.

Rujukan

Amer, Ramses, Nyugen Thi Binh, Nyugen Hong Hai, Masako Ikegami. Lars Jerker Lock and Johan Saravanamuttu, "Towards a Southeast Asian Peace Zone" dalam *Towards Conflict Resolution in the Third World*, G. Lindgren and P. Wallensteen, eds., Dept of Peace and Conflict Research, Sweden: Uppsala University, 1988.

Amer, Ramses, *The General Assembly and the Kampuchean Issues: Intervention, regime Recognition and the World Community 1979 to 1987*, Report No. 31, Dept of Peace and Conflict Research, Sweden: Uppsala University, 1989.

Bilveer Singh, *Soviet Relations with ASEAN*, Singapore: Singapore University Press, 1989.

Far Eastern Economic Review (FEER), November 7, 1991, "Cambodia: Peace Agreement" pp. 27-35.

Frost, Frank, "The Cambodian Conflict: The Path towards Peace" *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 13, No. 2. September, 1991.

Saravanamuttu, Johan and Ramses Amer, "The Cambodian Peace Process: Indochinese and ASEAN Perspectives," paper presented at the Asian Peace Research Association Conference on "Peace in the Asia Pacific Region," Christchurch, New Zealand, January 31-February 4, 1992.

Weatherbee, Donald, ed., *Southeast Asia Divided; The ASEAN-Indochina Crisis*, Boulder and London: Westview Press, 1985.

The Evolving Role of The United States In The Asia - Pacific Region

Gene B. Christy*

Introduction

In the last two years, the world has witnessed an unrelenting series of remarkable events. These have included the collapse of communism as an ideology and bankruptcy of Marxism-Leninism an economic model, the break-up of the Soviet empire, and the end of the Cold War and its associated *balance of terror*. The bipolar confrontation which successfully contained communist expansion in the Asia-Pacific region has evaporated to be replaced by a less threatening, but more fluid, security situation. Democracy and free markets have emerged as the winning combination for modern, prosperous, and competitive nations.

With the international situation in flux, the U.S. role in the Asia-Pacific region has commanded considerable attention. President Bush's visit to Asia in January highlighted America's continued interest in and involvement with the region, and prompted renewed discussion of the nature of the future U.S. regional role and presence. Clearly, American engagement will build on the past. It will reflect ongoing U.S. interests based in well-grounded realities: The U.S. is a Pacific nation with strong and indeed growing economic, political, security and people-to-people bonds. The U.S. has very real stakes in the Asia-Pacific region. Moreover, these interests are two-way: in an interdependent world, there is great scope for mutually beneficial partnerships for all of us.

In addition to addressing these realities, there are several myths to confront. On one hand, concern has been expressed that in a so-called unipolar world the U.S., already seen as meddlesome and domineering, will attempt to throw its weight around to the detriment of the interests of others. On the other, there is the contradictory concern that the U.S. is opting out of Asia, ignoring business opportunities and conceding the field to others, withdrawing its military forces back to *fortress America*, and in general fixated on developments elsewhere.

* Mr. Gene B. Christy is currently the Political Counselor at the American Embassy, Kuala Lumpur.

The Geographic And Historical Realities

The U.S. is a Pacific nation. Our west coast states, together with Alaska and Hawaii, provide our windows on the Pacific. Our most populous state, California, runs for over 800 miles along the Pacific rim. If it were an independent country, California's 29 million residents and U.S. \$534 billion annual output in goods and services would make its economy the seventh largest in the world. And the states of Washington and Oregon, with their 700 miles of Pacific shoreline, rich farmlands and centers for cutting-edge technology, are home to another 7 1/2 million Americans.

The island state of Hawaii, home of the East-West Center and headquarters for our Pacific Forces, lies offshore some 2,000 miles out into the Pacific. And Alaska, our largest state and a natural resources cornucopia of minerals and oil, is closer to Tokyo than to Washington, D.C. Its Aleutian Archipelago stretches out 1200 miles to within 50 miles of the Asian mainland.

The entire social history and political development of the U.S. has been imbued with a spirit of growth toward the west and the Pacific. Three of our last major wars have been fought in the Asia-Pacific region — World War II, the Korean War, and the Vietnam conflict. Thoughtful Americans realize that the U.S. ignores Asian developments at its own peril.

The Security Dimension

Bombs raining down on Pearl Harbor fifty years ago established once and for all that the vast oceans bordering America's shores no longer were credible defensive moats. Following that experience, the U.S. has maintained a network of bilateral and multilateral security arrangements that have allowed it, through forward deployed forces, to contribute to global stability.

Security, however, is multi-faceted. In a speech in Tokyo last November highlighting that *America's destiny lies across the Pacific as well as the Atlantic*, Secretary of State James Baker, put it as follows:

To visualize the structure of U.S. engagement in the Pacific, imagine a fan spread wide, with its base in North America and radiating westward. Its central support is the alliance and partnership between the U.S. and Japan. To the north, one spoke represents our alliance with the Republic of Korea. To the south, another line extends to our ASEAN colleagues. Further south, another spoke reaches to Australia — an important political,

economic and security partner. Connecting these spokes is the fabric of shared economic interests now given form by the Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) process.

Within this flexible construct, new political and economic ties offer additional support for cooperative actions by groups of Pacific nations. Over time we should strive to draw China and the Soviet Union or the Russian to draw China and the Soviet Union or the Russian Republic closer to this system.

The flexibility of this structure suits the vast geographic expanse, the diversity, and the multiple security concerns of East Asia and the Pacific. Unlike Europe, no single threat has bound the region together. Yet the network of security, political and economic ties with the United States — especially the U.S. - Japan relationships has fostered stability and economic dynamism in the region. This economic vitality, in turn, is now drawing the Pacific community closer together.

The Economic Dimension

Today, the world is shifting, it appears, from an era of superpower military confrontation to a time of intense economic competition. Trade and commerce are increasingly important components of America's Asia-Pacific role. In 1990, U.S. trade with East Asia and the Pacific exceeded US\$300 billion, nearly \$100 billion more than our trade with Western Europe. U.S. businesses had made more than \$60 billion in direct investments in the region.

The U.S. exports more to Thailand than to the former Soviet Union, more to Indonesia than to central and eastern Europe, and more to Singapore than to Spain or Italy. Our merchandise trade with Malaysia exceeds that with either India or Russia. There are now over \$95 billion in Asian investments in the U.S. Both Asians and Americans alike have benefitted immeasurably from these partnerships. The U.S. on its part has assisted economic development by keeping our markets as open as possible, providing foreign assistance to countries in need, and by actively encouraging free trade and economic cooperation in the region.

The Human Element

Nor can we ignore the human element of our ties with and interest in the Asia-Pacific region. As Secretary Baker noted in an article in the Winter 1991 issue of *Foreign Affairs Quarterly*, entitled *America in Asia: Emerging Architecture for the Pacific*,

Our closest bond to Asia is the growing number of Asian Americans, some several million strong, who are America's fastest growing group of immigrants. There are more Loatians today in the United States than in the Loation capital of Vientiane; more Filipinos in California than in Cebu. These people, along with hundreds of thousands of other Asian Americans — Chinese, Japanese, Vietnamese, Cambodian, Koreans, Thai and Samoans among them — enrich our society, strengthen our engagement with the region, and give us a growing mutuality of interests in an emerging Asia-Pacific community.

Educational linkages, fostered through exchange programs that bring American educators and students to the region and tens of thousands of Asians to higher studies in the U.S. add to personal friendships and bonds of understanding. Tourists, traders and investors also facilitate people-to-people connections, broadening perspectives and transferring technology and know-how in both directions across the Pacific.

Finally, Americans are truly interested in human rights and representative democracy abroad. As President Bush acknowledged in Singapore in January, the U.S. does not insist that its system or any single model of democracy is the only suitable one. All nations develop their own forms of government to suit local circumstances. Americans, however, have come to realize that representative governments which have legitimacy and support reaffirmed regularly by their peoples through free elections are more stable, resilient, and enduring. And, by being accountable to their citizens, such governments are less likely to make war on their neighbors. Thus, we have welcome political reform and increasingly representative government through Asia, although repressive regimes such as those in North Korea and Myanmar (Burma) stand out as exceptions, with China and Vietnam remaining reluctant to loosen their outmoded political controls even as free market practices gain momentum in their economies.

The Challenge of the '90's: Trans-Pacific Partnerships For Peace and Progress

As Secretary Baker has noted, the end of the Cold War has coincided with a number of global trends: a movement toward democracy and market-oriented economics; global economic integration of markets for trade, capital and information; and the emerging recognition that transnational challenges in such areas as narcotics, the environment, and migration are important components of a comprehensive approach to security. Unfortunately, as President Bush cited in his September 1991 speech to the UN General Assembly, dark countertrends are also evident: the re-emergence of ethnic rivalries, atavistic nationalist aspirations and territorial or political disputes which were suppressed during the Cold War years.

Hence, while the so-called balance of terror has ebbed, the world remains a perilous place. Among a brief, but ominous catalogue of threats to peace, are the following, all of which demand urgent international attention:

- * proliferation of weapons of mass destruction;
- * ethno-religious strife and regional conflict;
- * exclusivist, hateful ideologies;
- * terrorism and narcotics, both undermining the fabric of civilized society; and
- * the ages-old ills of hunger, poverty, disease, and illiteracy.

The Gulf Crisis awakened the world to the imperative for collective security, the need for cooperation and coalitions and institutions to deter war, and for peace-making and peace-keeping when conflicts do occur. New hope exists for the UN in the post-Cold War era to help enforce basic norms of international, non-violent behavior among nations, free from the ideological contests of the former era of superpower tension.

This brings us back to the role of the U.S. in Asia, and the question of a new regional security architecture — as well as to the question of myths and realities.

First, although with the the collapse of the Soviet Union the U.S. is seen as the sole remaining super power, to term the new global power equation a *unipolar*

world is a misnomer. Power is relative. Nations have emerged renewed and reinvigorated from the ashes of World War II. The U.S. did not win the Cold War: the concepts of freedom, democracy, human rights, open markets and free trade did. Iraq was not driven out of Kuwait by the U.S., but rather by a global coalition. The U.S. does not aspire to be the world's policeman, nor could it do so. The world community must act, when necessary. But the U.S. as a rich, powerful country must use its power responsibly. And it cannot walk away from involvement, and as often must be the case, leadership.

Second, and drawing from the foregoing, the U.S. is not going to opt out of Asia. Addressing the Foreign Correspondents Club of Japan in Tokyo last November 22, Secretary of Defence Cheney outlined six principles for U.S. security policy in Asia.

- * The first is continued U.S. engagement across the board in Asia.
- * The second is a continued strong system of bilateral security arrangements.
- * The third is the maintenance of modest but capable forward-deployed U.S. military forces.
- * The fourth is a system of flexible access to overseas military facilities to enable the U.S. to overcome the great handicaps of time and distance imposed by the broad Pacific, replacing the extensive system of overseas bases that saw us through the Cold War.
- * The fifth principle is that our Asian friends and allies should assume greater responsibility for their own defense.
- * And finally, our defense cooperation with our Asian friends and allies should be complementary, from interoperable weapons system, sharing experience in training, maintenance, logistics and doctrine, to other innovative ways that will help us maintain a forward presence that promotes regional stability and deters would-be aggressors.

As Secretary Baker cautioned, however, in his own remarks in Tokyo last November: *At this stage in the new post-Cold War era, we should be attentive to the possibilities for such multilateral action (as the Cambodian peace process) without locking ourselves into an overly structured approach. Form should follow function.*

In a major address January 4 during his visit to Singapore, President Bush highlighted the point that *...the closing of bases in the Philippines will not spell*

an end to American engagement. We will maintain a visible, credible presence in the Asia-Pacific region with our forward-deployed forces and through bilateral defense arrangements with nations of the region. Continuing, the President explained that:

The United States does not maintain our security presence as some act of charity. Your security and your prosperity serve our interests, because you can better help build a more stable, more prosperous world. An unstable Asia burdened with repression does not serve our interests, nor does an Asia mired in poverty and despair. We need you as free and productive as you can be, and we understand that our security presence can provide a foundation for our mutual prosperity and shared defense.

The President also stressed the challenge of economic growth and building a world of open and fair trade. He noted that economic isolationism and protectionism can be at least as threatening to world order as political rivalry and military adventurism and he urged Asian nations to join in pressing for successful conclusion of the Uruguay round of negotiations to reduce trade barriers globally.

Finally, he cited as an example of our efforts to keep America engaged economically in the ASEAN region that U.S. Ambassadors to the ASEAN countries, including Ambassador Cleveland, will be returning to the U.S. soon - actually late next month — to tell American businessmen about the opportunities that exist in ASEAN.

Perhubungan dan Cabaran Negara-Negara Utara-Selatan

M. Ghazali Shafie*

Di dalam perasmian seminar ini saya telah mengemukakan soal *kedaulatan* dan meminta semua pihak memikirkan perkara itu dari segi kepentingan bersama iaitu negara utara dan selatan. Saya menaruh kebimbangan sekiranya tidak dikaji bersama maka kuasa utara akan menentukan untung nasib negara selatan termasuk Malaysia yang kelak harus mengekor apa yang ditentukan mengikut kepentingan negara utara yang kuat. Berbagai perkara boleh dilakukan terhadap yang lemah dengan berdalih atau berlindung kononnya mengikut hukum antarabangsa walhal dibuat-buat sahaja. Negara kecil dilanggar, dihujani bom, dicampur tangan dalam pemerintahannya, dikepung dan disekat perniagaannya, dicerobohi dengan cara subversif, semuanya ini dilakukan dengan maksud menakluki yang lemah. Grenada dilanggar kerana USA tidak mahu bertambah bilangan negara Marxist berdekatan dengannya dan ini dilakukan dengan tuntutan bahawa pencerobohan itu halal mengikut hukum maharajalela kononnya berlandaskan ancaman keselamatan. Bagaimana agaknya Grenada yang begitu kecil boleh mengancam keselamatan USA? Fikirlah sendiri.

Yang menjadi tanda tanya ialah perkara *rule of law* atau peraturan hukum. Bolehkah ianya menjadi perisai untuk negara kecil atau lemah? Kita di Malaysia dengan rukunegara banyak menekankan *rule of law* kerana kita sangat memahami sekiranya prinsip itu tidak dihormati tidak ada lain cara mempertahankan diri.

Pada hemat saya lebih berfaedah kita memikirkan kelemahan kita dan mencari jalan apa yang harus kita negara membangun lakukan. Kita harus menafikan cerita bangau, katak adalah memang makanan ular. Katak juga ada jenis yang beracun bila dimakan mabuk. Atau kita menjadi ikan buntal yang bisa dan berupaya mengembong sekiranya kita terencil dan diancam. Yang jelas baik ialah berkelompok, kita menjadi jenis yang tidak boleh didesak oleh sesiapa pun.

Perlembagaan PBB melarang sebuah negara mengancam atau menggunakan kekerasan terhadap *kedaulatan* sebuah negara yang merdeka. Di dalam peristiwa Grenada, USA tidak berhak mencerooboh atau membantu satu puak melawan

* Tan Sri (Dr.) M. Ghazali Shafie pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar Malaysia (1981-1984), Menteri Dalam Negeri (1974-1981), Menteri Penerangan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (1973-74) serta beberapa jawatan kabinet yang lain.

pihak lain dalam negeri itu mengikut hukum antarabangsa semasa. Dalih Amerika Syarikat bahawa tindakan itu ialah untuk membasmi ancaman keselamatannya sendiri adalah seperti menegak benang basah, kerana pendirian itu bukan diizinkan hukum tetapi ianya adalah cuma satu dasar negara Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun Grenada tetap menjadi korban dasar itu tanpa mengira hukum internasional. Begitu juga Israel berlandaskan dasar haram melakukan pencerobohan terhadap undang-undang antarabangsa. Kemasukan Iraq dengan cara kekerasan adalah satu perkara yang melanggar hukum antarabangsa.

Perkara hutang, merosotnya harga komoditi dan bertambahnya *protectionism* dan *blocism* seperti EEC dan NAFTA yang diwujudkan oleh negara-negara besar jelas menunjukkan bahawa perhubungan di antara negara maju dengan yang membangun itu boleh mengakibatkan satu keadaan yang negatif di kalangan negara selatan. Negara-negara selatan terpaksa menerima nasib yang ditentukan seterusnya kekal menjadi pengeluar barangan hasil yang rendah nilainya, yang rendah teknologinya dan yang murah upah buruhnya kerana mereka tidak mempunyai kepandaian.

Saya percaya sekiranya dikehendaki pembangunan di negara selatan itu berkembang maka sistem ekonomi antarabangsa hendaklah disusun semula supaya sistem itu menjadi adil dan menghasilkan suasana dunia yang tenteram. Negara selatan tidak mungkin membangun tanpa suasana baik dalam negeri dan antarabangsa, begitu juga perhubungan antarabangsa mementingkan suasana yang baik. Sistem ekonomi sedunia yang adil dan saksama diperlukan oleh semua pihak, utara dan selatan.

Susunan semula sistem ekonomi harus melingkungi soal perbelanjaan, kewangan dan perniagaan antarabangsa. Di dalam hal ini sumber kewangan hendaklah mencukupi daripada negara yang maju untuk dialirkan ke negara membangun. Hendaklah juga disediakan cara mengatasi peristiwa yang mendadak luar dugaan yang boleh membawa kecelakaan kepada pembangunan di sisi negara selatan. Misalnya *food security* hendaklah diadakan di beberapa pusat di dunia ini untuk membantu negara miskin di dalam keadaan darurat. Sistem ekonomi sedunia itu hendaklah mempunyai peraturan agihan dan cara kerja yang adil berkenaan sains dan teknologi dan untuk mengelolakan alam semulajadi dan ekosistem sedunia.

Begitu juga dari segi kaitan perniagaan dengan pembangunan. Satu sistem ialah cara perniagaan tanpa perbatasan supaya keuntungan dapat di manfaatkan bersama. Inilah satu-satunya cara membantu pembangunan negara selatan yang menaruh penuh keyakinan terhadap sistem *General Agreement on Tariffs and Trade (GATT)*. GATT adalah sebuah sistem perniagaan yang terbuka tanpa pilih kasih, *multilateral* dan jelas ketara sekurang-kurangnya pada mata kasar. Tetapi

dalam pengalaman negara selatan kenyataannya berlawanan sekali dengan sistem GATT kerana negara utara mencabul syarat-syarat GATT dan mereka bercakaran sama mereka - US bersengketa dengan EEC, dengan Jepun tetapi mereka bersatu menghadapi negara selatan. Umpama seladang berlaga rumput yang diinjak. Seladang berasmara rumput juga yang diinjak!

Ada baiknya di ketengahkan semula idea yang sudah malap iaitu penubuhan satu *International Trade Organisation* yang mempunyai hak dan kuasa untuk membuat peraturan yang boleh memuaskan perniagaan antarabangsa dan dengan itu membantu pembangunan.

Juga, kemiskinan yang meningkat adalah satu lantaran yang mendesak dan menjahanamkan suasana alam semulajadi dan ekosistem di sisi negara selatan. Apa jua rancangan untuk memelihara alam sekitar semua hendaklah dibuat dengan memperhitungkan soal kemiskinan di dunia selatan. Sekiranya selatan berterusan daif dan bangsat, dunia juga tidak akan aman damai.

Oleh yang demikian, kita dari Malaysia bersama dengan negara selatan yang lain patut memikirkan rancangan untuk dilaksanakan secepat mungkin supaya kepapaan yang dialami sekarang di sisi negara yang sangat miskin dapat dibataskan kemelesetannya. Rancangan itu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:

- * Perpindahan sumber wang dari selatan ke utara kerana bayaran hutang hendaklah dikawal.
- * Mengadakan satu peraturan antarabangsa untuk menyelamatkan alam sekitar yang tidak menghadkan kesempatan untuk membenters kemiskinan.
- * Pemindahan sumber modal dan wang bantuan melalui badan antarabangsa yang mempunyai peraturan khas untuk negara membangun.
- * Mengadakan badan khas antarabangsa yang bebas untuk menentukan keperluan negara membangun mengikut ukuran dan syarat yang munasabah. Badan atau jentera ini juga boleh membantu negara membangun dalam urusan mencari sumber wang bantuan. Juga badan itu boleh menilai prestasi pembangunan.
- * Hendaklah diadakan jadual waktu untuk memansuhkan *protectionism* di negara pengekspot sumber atau buatan dari negara membangun umpamanya meletakkan perdagangan tekstil di bawah peraturan GATT yang biasa. Memberi kesempatan yang lebih luas kepada negara membangun mengeksport barangan dan hasilnya.

- * Mengadakan peruntukan di dalam peraturan antarabangsa dengan maksud membantu negara miskin daripada kesulitan yang disebabkan oleh turun naik bunga pinjaman, pertukaran wang dan syarat perdagangan.

Semua ini boleh diwujudkan sekiranya ada kerjasama di antara selatan dengan utara. Dunia selatan harus mempunyai wawasan 2020 yang mementingkan pendidikan sumber manusia. Inilah bahan pembangunan yang utama. Masing-masing negara selatan hendaklah dalam tempoh yang tertentu itu mencapai tahap kesihatan, pendidikan dan persekolahan di semua peringkat membawa kepada universiti dan sekolah teknikal.

Waktu menghambat wawasan tersebut segala rancangan diambil kira seperti peranan wanita dan kedudukan anak kecil. Dengan lain perkataan apa jua yang difikirkan hendaklah ianya itu luas dan merangkumi semua aspek bukan sahaja untuk meningkatkan GNP atau GDP atau nilai *consumerism* tetapi yang lebih penting ialah kepercayaan pada diri sendiri untuk berdikari, tahap maruah dan kualiti hidup manusia dipertingkatkan yang bermakna mengikut agama, kebudayaan dan cara yang sesuai untuk masing-masing.

Pada hemat saya, ekonomi dunia akan lebih saling bergantung dengan bertambah pengetahuan di sekitar sains dan teknologi serta komunikasi dan pengangkutan yang lebih lancar dan cepat. Ini akan memberi kepada negara selatan satu cabaran, satu kesempatan yang besar untuk membasmi kemiskinan. Sekiranya pengetahuan dan ilmiah tidak dapat dimanfaatkan maka negara membangun akan menjadi melukut di tepi gantang (*marginalised*). Bahkan ini sudah mulai menjadi kenyataan.

Negara selatan hendaklah dikerah tenaganya untuk menyusun semula keadaan ekonomi, politik dan sosial serta nilai-nilai yang boleh membuat masyarakat masing-masing lebih kreatif, dan inovatif dengan semangat baru yang benar-benar bertanggungjawab untuk membina masyarakat adil dan saksama. Setiap 100 sen yang diperuntukkan buat pembangunan hendaklah diawasi dengan ketat supaya tidak sebahagian pun masuk kantung mereka yang berniaga atas angin atau saku alat pemerintah.

Manusia hendaklah dijadikan tumpuan pusat pembangunan sambil pembangunan itu adalah untuk manusia. Ilmu pengetahuan hendaklah dicari bersama supaya jurang di dalam perkara itu antara utara dan selatan dapat dirapatkan. Begitu juga di dalam soal ekosistem dan alam semulajadi manusia membangun hendaklah lebih bertanggungjawab. Kesilapan yang dibuat oleh negara yang sudah maju terhadap alam sekitar seperti membinasakan hutan pembocoran lapisan ozon dijauhkan sama sekali.

Negara membangun sebaik-baiknya saling membantu terutama di dalam hal ehwal merencana pembangunan masyarakat. Yang sudah lebih maju hendaklah membantu dengan apa cara pun yang boleh terhadap mereka yang masih ketinggalan.

Bekerjasama di antara selatan dengan selatan akan mengurangkan belanjawan, waktu dan tenaga. Begitu juga sikap bekerjasama bukan berkonfrontasi di antara selatan dengan utara akan lebih lagi membawa manfaat bersama dan menjamin keselamatan serta kestabilan antarabangsa.

Oleh yang demikian tidak ada gunanya kita daripada selatan mencari salah pihak utara kerana memang salahnya banyak seperti yang saya sebut tadi iaitu ular itu memang mencari mangsanya iaitu katak yang lemah. Tak usahlah ditanya-tanya lagi kerana itu akan membuang tempoh dan masa yang hanya mengapikan emosi.

Tiga suku daripada bilangan manusia di bumi Allah ini adalah warga dari selatan. Sungguhpun Tuhan menjadikan sifat rupa berlainan tetapi semuanya sama dibelunggu kemiskinan, lemah dan tidak dapat memainkan peranan yang bermakna di gelanggang dunia.

Sehingga tahun 70-an sejak lepas perang dunia kedua banyak negara selatan menikmati kemajuan. Ada yang mendapat gelaran naga atau harimau. Ini berlaku kerana ada perlumbaan di antara Barat dengan Timur dan ini dapat dimanfaatkan oleh negara membangun. Oleh kerana banyak negara berkecuali maka sengketa Timur-Barat itu tidak dapat dimanfaatkan lantaran termasuk jebak persengketaan Timur-Barat. Tetapi satu perkara menjadi kenyataan iaitu sekiranya ada kehendak kuasa kaya membantu negara membangun kemajuan boleh tercapai. Maka itulah sebabnya negara selatan mengharapkan bantuan apatah lagi sekarang kerana sengketa Barat-Timur itu sudah tidak ada lagi. Keuntungan dari keadaan damai dan aman itu yang tidak lagi memakan belanja membuat dan membeli senjata maka sumber wang yang tersimpan itu bolehlah digunakan untuk pembangunan negara selatan.

Tetapi keadaan rupanya bukan begitu. Negara-negara maju juga mengalami kemelesetan. Sambil itu mereka sangat mementingkan perkara negara yang baru bebas dari bekas USSR itu tidak kecewa dengan keadaan baru. Begitu juga selepas USSR hilang negara-negara yang dahulu wilayahnya juga berkehendakkan sumber wang sebagai bantuan melepaskan kebuluran. Lantaran tanpa bantuan itu maka rakyat bekas jajahan USSR mungkin berpaling tadah. Baru-baru ini kita baca di akhbar bahawa orang Russia berdemonstrasi dan mahu kembali kepada komunisme yang mereka kenal lama. Maka wang bantuan diarahkan ke sana sebagai prioritas. Kepada negara selatan yang sekarang terkuntang-kanting, kerana sudah hilang USSR hilang pula pilihan, soal ini menjadi rumit sekali.

Tumpuan harapannya adalah pada satu sumber sahaja dan ini mendedahkan negara lemah kepada syarat-syarat bantuan yang kadangkala mencerooboh kedaulatan.

Kerana itulah maka Malaysia sangat mementingkan kerjasama serantau dan juga kerjasama selatan-selatan. Dengan tujuan itu kita sentiasa menyokong ASEAN dan GATT, menganjurkan perjumpaan Kemuncak 15 negara di Kuala Lumpur dan EAFC.

Di dalam dekad 90-an ini kita harus sedar bahawa pasaran getah, bijih timah adalah sangat merosot dan kita tidak boleh bergantung semata-mata kepadanya. Kerana bahan-bahan ini adalah penting pada waktu *European Industrial Revolution* yang mementingkan kolonialisme, maka sekarang revolusi itu sudah selesai dan tidak mementingkan seperti dahulu bahan seperti getah dan timah.

Barangan eksport dari negara membangun termasuk barangan industri Malaysia menghadapi batas *protectionism*. Hutang negara selatan adalah satu beban yang besar dan ini juga ternyata banyak sekali permindahan wang dari negara selatan ke utara. Ditimpa pula oleh bunga pinjaman yang tinggi. IMF dan Bank Dunia sekarang menjadi penerima banyak wang yang datangnya dari selatan. Sistem wang yang direka di Bretton Woods sudah gagal dan sistem niaga serba hala yang dimasukkan ke dalam peraturan GATT itu tidak lagi dihormati.

Negara selatan tidak harus putus asa kerana kita banyak pengalaman dan sudah ada dari kita yang juga boleh mula membantu. Tetapi semua ini berkehendakkan pengertian dan kerjasama yang erat. Malaysia tetap sanggup, dalam rangka kerjasama selatan-selatan, mengadakan pusat atau tabung penerangan. Dengan semangat itu juga Malaysia membuat beberapa sumbangan umpamanya bantuan teknik di Mali, di Vietnam, sedikit sebanyak perumahan kepada mangsa apartheid di Afrika Selatan dan wang kepada Kemboja. Dunia sudah nyata saling bertopang tetapi kerana kurang muafakat belum lagi dunia mempunyai sistem yang benar-benar boleh memuaskan keseluruhannya.

Oleh yang demikian hendaklah selatan dan utara itu mengadakan satu wawasan yang boleh diterima bersama. Masa salah-menyalah sudah berlalu. Sekarang ialah waktu semua pihak insaf bahawa untung nasib manusia ini tidak lagi boleh di belah-bagi - cubit peha kanan peha kiri sakit juga.

PBB akan mengadakan satu sidang kemuncak di mana soal utara-selatan dapat dibincang dan diselesaikan. Malangnya persidangan itu dijadualkan pada tengah tahun 1995. Untungnya ada juga iaitu negara selatan mendapat waktu untuk mengatur setiakawan dan berkelompok. *Non Aligned Movement* (NAM) akan bersidang di Indonesia pada tahun ini. Dengan hilangnya sengketa Timur-Barat

NAM juga hilang *relevance*. NAM harus dijadikan *Movement of the South* di mana negara China boleh memainkan peranan yang penting. Pada hemat saya *Movement of the South* boleh menjadiimbangan terhadap kuasa utara. Tanpaimbangan mungkin utara bermaharajalela.

Samada negara utara atau selatan, semua makhluk adalah di dalam sebuah bahtera dan mereka tidak boleh tidak berkongsi untung nasibnya. Timbul sama timbul, tenggelam sama tenggelam. Tiada pihak boleh membuta tuli terhadap kesulitan pihak lain kerana akibatnya akan dialami bersama.

Keamanan Timur Tengah

*Nawawi Haji Ahmad**

Pendahuluan

Keamanan bermaksud keseragaman polisi, tindakan dan matlamat dua atau lebih pihak yang terlibat yang dapat menjamin keselamatan jiwa, harta-benda, kehormatan keluarga, wilayah, ekonomi dan kuasa pihak-pihak yang berkenaan. Konflik pula dimaksudkan dalam kertas ini, pertembungan dan percanggahan polisi, tindakan dan matlamat pihak-pihak yang terbabit terhadap sesuatu yang dipertikaikan seperti jiwa manusia, harta-benda, keluarga, kehormatan keluarga, wilayah, ekonomi dan kuasa oleh pihak-pihak yang terlibat bermula dengan dakwaan mana-mana pihak yang ianya berhak ke atasnya dan dibalas oleh pihak yang lain dengan menafikan dakwaan ini. Ia mungkin disusul dengan sesuatu tindakan yang berkemuncak dengan meletusnya peperangan di antara dua atau lebih pihak yang terlibat. Keamanan dalam konteks ini, tertakluk kepada sistem politik dalaman bagi tiap-tiap unit politik dan perhubungannya di antara satu sama lain. Perhubungan ini pula ditetapkan oleh kekuatan yang ada pada tiap-tiap unit politik yang memainkan peranan melindungi dan mempertahankan kepentingan yang ada padanya atau memperluaskannya mengikut keperluan sama ada dari segi strategi, ketenteraan, ekonomi, keselamatan, lalulintas perdagangan antarabangsa atau perluasan pengaruh politik, agama dan sebagainya. Kedudukan geo-politik Timur Tengah menjadikannya kawasan kepentingan dalam berbagai aspek yang menjadi rebutan negara-negara besar sejak dahulu kala sehingga kini. Di antara kepentingan yang wujud di Timur Tengah yang merupakan kekuatan kepada negara-negara kawasan ini dari suatu segi dan dari segi yang lain mendedahkan keamanannya kepada bahaya luaran ialah di antaranya:-

- * Kawasan strategik penting darat, laut dan udara yang memperhubungkan Benua Eropah dengan Asia Selatan, Tenggara dan Timur.
- * Wujudnya Tanah Suci Mekah dan Madinah.
- * Sumber tenaga yang diperlukan oleh negara-negara industri.

* Haji Nawawi Haji Ahmad kini bertugas sebagai pensyarah Politik Timur Tengah di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- * Kepemimpinan agama Islam yang berpotensi mencabar kuasa besar.
- * Semangat nasionalisme Arab dan sebagainya.

Keamanan yang dimaksudkan dalam kertas ini, mengikut sorotan sejarah politik Timur Tengah atau Dunia Arab berkisar sekitar keamanan kabilah, unit politik atau negara, keamanan ekonomi, kawasan strategi dan kawasan lalulintas perdagangan antarabangsa, keamanan agama, penganut-penganutnya dan kebebasan berdakwah, keamanan kuasa politik Islam, Arab dan Ajam, perjuangan kemerdekaan dan kebangkitan nasionalisme Arab dan keamanan di bawah panji-panji Liga Arab. Timur Tengah dalam kertas ini, dimaksudkan kawasan yang terdapat padanya negara-negara Arab yang akan disebut sebagai Dunia Arab termasuk negara Palestin.

Keamanan Dunia Arab Tahap Pertama: Jahiliyah

M.F.A. Hadeed (1961:42) menjelaskan bahawa sistem masyarakat Arab di tahap pertama ini bertunjangkan ikatan kabilah di mana kesetiaan tiap-tiap anggota masyarakat tertumpu kepada kabilahnya sendiri. Ini bermakna bahawa *bangsa Arab* sebagai satu bangsa tidak mempunyai sebuah kerajaan yang mewakili penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Arab. Kehidupan politik mereka bergantung kepada sistem kabilah yang mewakili satu unit politik. Perhubungan di antara kabilah-kabilah inilah yang menentukan keamanan Dunia Arab di tahap ini. Keamanan atau peperangan ditentukan oleh faktor-faktor berikut:-

- i. **Faktor Ekonomi.** Ekonomi Arab di zaman Jahiliyah berasaskan ternakan dan pertanian yang ditentukan dengan keujudan sumber air. Justeru itu, manamana kabilah yang menguasai sumber air akan menguasai ekonomi dan menjadi kabilah yang kuat dan berpengaruh.

Di samping masyarakat pertanian yang menikmati kehidupan berkampung dan menetap kekal di kawasan pertanian sekitar sumber air, terdapat pula masyarakat badawi yang berpindah randah mengendalikan ternakan mereka dari setempat ke setempat yang lain. Budaya pindah randah ini memberikan satu keistimewaan kepada anggota masyarakat iaitu kemahiran menggunakan tunggangan mereka dengan cepat dan laju berbanding dengan anggota masyarakat pertanian. Keunggulan ini menghasilkan kerjasama di antara saudagar tani Arab dengan pengembara padang pasir yang memberikan khidmat menjamin keselamatan perjalanan perdagangan Arab menuju ke pusat-pusat perniagaan di kawasan utara dan selatan Semenanjung Tanah Arab. (R. Garaudi 1983:26) sebagai ganjaran kepada khidmat keselamatan ini, (itawah) cukai keselamatan jalan adalah wajib dibayar, jika tidak dibayar

rompakan akan berlaku. Air adalah satu sumber kehidupan yang amat penting. Pergeseran dan peperangan boleh berlaku di antara kabilah-kabilah Arab sekitar sumber air dan juga kawasan ternakan dengan sebab adanya keinginan sesuatu kabilah memperluaskan kawasan takluk, menambahkan kekayaan atau pengaruhnya ke atas kabilah lain.

Kewujudan Tanah Suci di kota Mekah memainkan peranan penting kepada ekonomi, budaya dan sastra Arab. Di musim haji, di zaman jahiliyah, di mana perkataan *haj* bermaksud Perhimpunan/Pesta, kepentingan ekonomi (perdagangan) budaya dan sastra Arab diberi keutamaan. Kabilah-kabilah Arab bersetuju musim *pesta* ini diisytiharkan musim *aman damai* dan diharamkan perang dalam tempoh tiga bulan. Melalui pesta ini, kabilah-kabilah Arab terdedah kepada suatu gejala perpecahan dalam penganutan berbagai agama yang dibawa oleh saudagar-saudagar asing ke dalam masyarakat kabilah Arab. Sesebuah kabilah boleh berpecah kepada dua atau lebih pecahan jika dilihat dari sudut agama yang dianuti oleh anggota-anggotanya. Kesan negatif ini menular ke dalam masyarakat Arab yang lebih besar dan membawa kepada kelemahan (R. Garaudi 1983:26).

Sejarah Arab silam mencatatkan bahawa kedudukan Mekah yang istimewa ini sama ada dalam peranannya sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada masa itu mahupun sebagai pusat agama telah menimbulkan kehairahan Maharaja Parsi untuk bersaing dengannya. Beliau mendirikan sebuah gereja besar di Yaman untuk menjadi alternatif kepada kota Mekah. Apabila beliau gagal menarik perhatian ramai untuk berpesta di Yaman beliau mengutus para-tentera gajah ke Mekah untuk meruntuhkan K'abah.

- ii. Nilai-nilai masyarakat yang mempertahankan kewujudan dan personaliti tiap-tiap kabilah dan marwahnya seperti kesetiaan, amanah, menepati janji dan tuntutan bela (darah dibalas darah) memainkan peranan yang menentukan sama ada perhubungan di antara kabilah-kabilah Arab berada dalam keadaan positif atau negatif. Sejarah silam Arab telah membuktikan bahawa peperangan boleh tercetus atas permusuhan peribadi di antara anggota satu kabilah dengan anggota kabilah yang lain. Semangat *asabiah* (*Esprit de Corps*) kepada kabilah sendiri tanpa mempertimbangkan siapakah yang benar dan yang salah mengakibatkan tercetusnya pertumpahan darah yang berlanjutan bertahun-tahun lamanya (M.F.A. Hadeed (1961:44). Di antara nilai-nilai masyarakat yang mencetuskan peperangan sebagaimana yang dicatatkan oleh M.F.A. Hadeed (1961:46) ialah *watak* iaitu sifat-sifat kejam, keras kepala dan layanan buruk yang tidak mengikut ukuran akhlak yang diberikan kepada musuh.

iii. Geo-politik. Kedudukan geo-politik Semenanjung Tanah Arab di tengah-tengah dua Empayar Bizantine di barat dan Parsi di timur yang senantiasanya berada dalam keadaan perang menjejaskan dan mempengaruhi keamanan di Tanah Arab. Geo-politik ini membahagikan keamanan Tanah Arab kepada empat situasi berikut:-

- a. Kawasan Timur Semenanjung dipengaruhi oleh Empayar Parsi seperti wilayah *Oman* disebabkan oleh kedudukannya yang strategik dan penting bagi pengangkutan laut dan ketenteraan. Di samping itu, wilayah-wilayah Arab yang berhampiran dengan sempadan Empayar Parsi selalu terdedah kepada penaklukan Empayar ini seperti yang berlaku ke atas kerajaan *Hirah* pada penghujung abad kedua masihi.
- b. Wilayah Arab di barat yang bersempadankan Empayar Bizantine terletak di bawah pengaruh Empayar ini seperti kerajaan *Ghasasinah* dan beberapa wilayah lain.
- c. Wilayah Arab merdeka yang berada di tengah-tengah Semenanjung Tanah Arab disebabkan wujudnya padang pasir yang luas. Ia telah memainkan peranan sebagai kawasan penampakan yang kukuh dan cukup untuk mempertahankan kemerdekaan wilayah Arab di bahagian ini daripada pengaruh asing.
- d. Wilayah Selatan (Yaman). Ia mempunyai beberapa keistimewaan penting yang menjadi asas mendirikan tamadunnya sendiri sejak zaman silam iaitu:-
 - * Kedudukan geo-politik yang terletak di pintu masuk ke laut merah dan hubungannya yang rapat dengan Habsyah (Afrika).
 - * Kesuburan tanah dan kawasan hujan yang menjadikannya wilayah pertanian yang terpenting di Semenanjung Tanah Arab.

Kedua-dua faktor kekuatan ini telah menjadi sumber pokok kepada kebangkitan Tamadun Arab Yaman di zaman silam. Dalam pada itu, ia juga menjadi rebutan di antara Empayar Bizantine di Barat dan Empayar Parsi di Timur. Yaman terdedah kepada pengaruh kedua-dua Empayar ini silih berganti. Di zaman pemerintahan Parsi, Yaman telah dijadikan pengkalan tenteranya untuk menyerang kota Mekah di bawah pimpinan Abrahah yang dikenali dalam sejarah Arab sebagai tahun gajah ('Aamal Feel).

Pakatan (Helf)

Dunia Arab terbahagi kepada lima kawasan penting. Tiga daripadanya terletak di bawah pengaruh Parsi dan satu di bawah pengaruh Bizantine. Kawasan tengah Semenanjung Tanah Arab terbebas daripada pengaruh luar di mana padang pasir yang luas dan udaranya yang panas dan kering berperanan sebagai penampang keselamatan semulajadi dan titik kekuatan kepada penduduknya berhadapan dengan musuh asing. Dalam pada itu, kabilah-kabilah Arab di empat kawasan dalam melancarkan perang ke atas satu sama lain, tetapi juga ke atas kabilah-kabilah Arab yang tinggal di kawasan tengah. Dengan itu, keamanan kabilah-kabilah Arab di kawasan tengah terdedah kepada dua ancaman iaitu dalaman (perang saudara) dan luaran.

Musuh Dalaman Dari Kabilah Arab

Sebagai usaha mempertahankan diri dan melindungi keamanan kabilah dan keselamatan jiwa, kabilah-kabilah ini mengadakan pakatan sesama sendiri bertujuan mencegah dan menghadapi kemungkinan berlakunya serangan oleh kabilah-kabilah lain ke atas mereka. Pakatan ini tidak melarang berlakunya peperangan kerana wujudnya satu pakatan dihadapi dengan pakatan lain yang bermusuhan. Apabila meletusnya sesuatu peperangan di antara dua kabilah, ia akan melibatkan beberapa banyak kabilah lain yang bersekutu dengannya membantu pihak-pihak yang berperang yang mengakibatkan huruhara dan pertumpahan darah yang lebih besar dan ngeri. Ini bermakna bahawa penyatuan sebahagian berhadapan dengan penyatuan sebahagian yang lain demi untuk mempertahankan diri dan menjamin keselamatan kabilah adalah baik, tetapi malapetaka dan kemusnahan yang menanti adalah lebih besar jika tercetus peperangan di bawah naungan penyatuan seperti ini kerana ia tidak lagi merupakan pertarungan di antara dua kabilah tetapi dua kumpulan yang lebih besar.

Musuh Luaran Bukan Arab

Kewujudan musuh luaran yang berjaya menguasai empat kawasan Arab yang disebutkan sebelum ini telah mendorong kabilah-kabilah Arab di kawasan tengah Semenanjung Tanah Arab agar mengadakan satu bentuk pakatan bersama untuk melindungi kehidupan mereka dan mempertahankan maruah bangsa terhadap serangan dan ancaman musuh luaran. Tindakan Empayar Parsi melanggar kabilah Taghlib secara besar-besaran telah menipukan kesedaran kebangsaan kabilah-kabilah Arab. Mereka bertindak beramai-ramai dalam satu pasukan membantu kabilah Taghlib menentang pelanggaran tentera Parsi. Berkat perpaduan, kerjasama dan kesedaran kebangsaan ini, tentera Parsi dapat dipatahkan dalam pertempuran yang dikenali dalam sejarah Arab dengan nama *Ziqar*. (M.F.A. Hadeed 1961:52).

Musuh luaran yang ingin memperluas kawasan takluknya boleh menyemarakkan kesedaran kebangsaan Arab yang lebih besar dan menyeragamkan tindakan mereka dalam bidang ketenteraan mempertahankan keamanan jiwa dan keselamatan bangsa dalam konteks yang lebih luas daripada batasan kabilah. Musuh luaran Arab yang jelas di tahap ini dan bersifat kekal ialah Empayar Bizantine dan Parsi. Kedua-duanya senantiasa menjalankan usaha-usaha ketenteraan mereka untuk menduduki *Biladul Arab/Dunia Arab*. Biladul Arab tersepit di tengah-tengah di antara dua kuasa besar. Dari segi ekonomi kabilah-kabilah Arab bergantung kepada mereka dalam bentuk perhubungan dagangan dua hala. Dalam pada itu, Empayar Parsi dan juga Bizantine berada dalam keadaan bermusuhan. Untuk menjaga kepentingan ekonomi, kabilah-kabilah Arab mengambil sikap menyokong mana-mana pihak yang boleh menjamin kepentingan mereka. Padang pasir yang terbentang luas dengan udaranya yang panas menjamin keselamatan Semenanjung Tanah Arab. Ia dari satu segi dianggap suatu nikmat dan kekuatan kepada Arab. Dari segi yang lain, di tahap ini, padang pasir merupakan faktor kelemahan ekonomi kepada mereka.

Kepentingan negara-negara besar dalam aspek ekonomi, strategi ketenteraan dan kawasan pengaruh mendedahkan Dunia Arab kepada ancaman luar. Sementara itu, kepentingan perdagangan dan survival ekonomi memaksa Arab bergantung kepada pasaran luar yang terletak di bawah naungan kuasa besar. Unit-unit politik yang tertakluk kepada sistem kabilah dan fahaman asabiah tidak mampu menjamin keselamatan Dunia Arab secara keseluruhan. Keamanan kabilah adalah lebih utama daripada keamanan Dunia Arab berdasarkan kepada nilai-nilai masyarakat yang menyusun perhubungan individu dengan individu Arab dan kabilah dengan kabilah yang lain. Kesedaran kebangsaan Arab hanya berfungsi apabila berhadapan dengan ugutan besar-besaran oleh kuasa luar. Kerjasama di masa kecemasan ini tidak bersifat kekal dan tidak meninggalkan kesan penyatuan ke atas unit-unit politik Arab ke arah kesatuan yang lebih besar dan kuat. Faktor-faktor kekuatan yang wujud di Dunia Arab tidak dapat dihidmatkan keseluruhannya untuk mempertahankan keamanan dan kepentingan Arab. Kedudukan geo-politik dan kawasan-kawasan strategik yang tidak dilindungi dengan kekuatan telah mendedahkan keamanan dunia Arab kepada bahaya. Sebaliknya faktor-faktor kekuatan ini berubah menjadi sumber kejatuhan dan ugutan kepada keamanan Dunia Arab.

Tahap Kedua: Arab Islam

Kedatangan Islam adalah merupakan tahap kedua dalam peredaran sejarah Dunia Arab. Dalam tempoh 23 tahun Islam telah berjaya menubuhkan sebuah negara di kota Madinah dan menyatupadukan kabilah-kabilah Arab yang dahulunya bersengketa tetapi kini bersaudara, mempunyai sebuah pentadbiran, sistem

pertahanan negara, kewangan, satu pendekatan hidup dan matlamat yang jelas dan dipimpin oleh seorang kepala negara yang unggul. Ringkasnya, Islam mencetuskan satu revolusi agama, akhlak, budaya, ekonomi, masyarakat, pemikiran dan pertahanan serta memimpin ummah ke arah kehidupan yang lebih baik.

Negara yang ditubuhkan oleh Islam adalah sebuah negara yang mempunyai ketahanan diri yang mampu untuk bertindak ke atas musuh dalaman dan luaran dengan berkesan. Ketahanan ini berpunca dari ajaran al-Quran yang diwahyukan kepada Rasul (saw) yang melahirkan kualiti-kualiti positif seperti berikut:-

- * Beriman dan beramal dengannya.
- * Bantu membantu demi kebaikan, kebajikan dan membenteras mungkar.
- * Memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat ke atas diri sendiri.
- * Sanggup mengorbankan harta dan nyawa untuk kepentingan agama dan negara.
- * Sabar dalam menghadapi cabaran dan rintangan dan tidak berputus asa.
- * Taat kepada perintah dengan jujur dan ikhlas mengikut undang-undang.
- * Berdisiplin terhadap diri sendiri, masyarakat, persekitaran (muamalat) dan terhadap Allah (ibadat).
- * Hidup untuk berdakwah menyebarkan agama Islam dengan cara yang baik dan bijaksana.
- * Mengutamakan keamanan dan menjamin keselamatan dalam segala perhubungan, individu, masyarakat dan negara.
- * Senantiasa bersedia mempertahankan keunggulan agama dan negara.

Revolusi Islam yang dicetuskan di tengah-tengah masyarakat musyrikin di kota Mekah dan bergerak pantas dalam masa 23 tahun telah berjaya merombak dan mengubah kehidupan jahiliyah kepada Islam. Di antara perubahan yang dicapai adalah seperti berikut:-

- * Penyatuan agama dan meletakkannya di tempat yang terunggul mengatasi segala agama dan kepercayaan-kepercayaan lain.

- * Penyatuan bangsa Arab di bawah panji-panji ummah dengan menghapuskan Asabiah.
- * Kedaulatan undang-undang berdasarkan al-Quran dan Sunnah.
- * Penyatuan bahasa dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa agama dan negara.
- * Kesatuan ummah berasaskan persaudaraan seagama.
- * Pemerintahan kerajaan pusat menggantikan pemerintahan kabilah.
- * Berpegang teguh dengan semangat jihad.
- * Adil dan saksama dari segi hak dan kewajipan dan di hadapan undang-undang.
- * Penyatuan Dunia Arab (Biladul Arab) di bawah satu pemerintahan yang kuat.
- * Bermulanya proses pengaraban melalui bahasa Arab serentak dengan proses pengislaman (Dakwah Islamiah) ke kawasan luar sempadan Dunia Arab.

Kesemuanya ini berlaku dalam satu proses transformasi radikal masyarakat jahiliyah kepada Islam yang disalurkan melalui akidah atau perubahan dalam diri manusia itu sendiri. Peranan sistem lama yang menjamin keamanan jiwa, harta dan kabilah telah terhapus dan digantikan dengan peranan sistem masyarakat baru, sistem persaudaraan Islam yang memberi jaminan keamanan yang lebih baik kepada semua.

Bagaimanakah Transformasi Ini Boleh Berlaku?

Terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang membolehkan transformasi ini berlaku sehingga tertubuhnya sebuah Empayar Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad (saw) di kota Madinah dan usaha-usahanya disambung oleh para sahabat selepasnya. Di antara faktor-faktor ini ialah:-

- i. Kekuatan dalaman di dalam diri manusia muslim sendiri yang membentuk sebuah ummah yang besar. (R.Garaudi 1983:23-24) merujuk kekuatan ini kepada iman dan kepada ummah yang terbentuk berasaskan ajaran yang dibawa oleh Islam. Beliau menafikan kejayaan Islam menubuhkan sebuah Empayar bersandarkan kepada kekuatan tentera yang unggul. Beliau percaya bahawa Empayar ini tidak mempunyai kekuatan tentera yang setanding dengan kekuatan yang dimiliki oleh Empayar Bizantine dan Parsi dari segi persenjataan dan teknikal.

- ii. Runtuhnya perasaan takut yang melanda masyarakat Arab di Semenanjung Tanah Arab khasnya kabilah-kabilah kecil kepada kuasa dan pengaruh Arab Quraisy di kota Mekah. Keruntuhan ini disebabkan oleh Perjanjian Hudaibiyah yang ditandatangani oleh Nabi Muhammad (saw) dengan Quraisy Mekah. Dengan adanya perjanjian ini adalah difahamkan bahawa Quraisy Mekah yang dahulunya menentang keras Dakwah Islamiah telah mula berlembut dan berkompromi dengan Islam dengan membenarkan Rasul (saw) dan muslimin Madinah berkunjung ke Mekah selepas setahun perjanjian itu ditandatangani. Atas kesedaran ini, kabilah-kabilah Arab yang dahulunya terhalang daripada menganut agama Islam, kini pintu harapan mereka telah terbuka luas dengan terhapusnya halangan yang ditakuti. Adalah diriwayatkan bahawa bilangan mereka yang mengisytiharkan diri menganut Islam selepas perjanjian ini adalah lebih ramai daripada jumlah mereka yang menganut Islam dalam tempoh dua puluh tahun sebelumnya. (A. Syalabi 1968:36).
- iii. Masyarakat Arab di Semenanjung Tanah Arab di masa itu menghadapi keadaan kucar-kacir. Kabilah-kabilah Arab telah berpecah disebabkan oleh berlain agama di samping semangat asabiah yang sedia ada. Keadaan ini mendorong mereka mencari perubahan. (R. Garaudi 1983:26). Oleh itu, kedatangan Islam adalah ditunggu-tunggu untuk perubahan, kesatuan dan kebaikan.
- iv. Perpecahan yang berlaku di kalangan penganut-penganut agama Kristian yang membawa kepada penyelewengan dan pencemaran akidah. Mereka terbahagi kepada beberapa mazhab yang mengkafirkan di antara satu sama lain. (R. Garaudi 1983:29). Kedatangan Islam membawa penyelesaian kepada mereka dan memenuhi hasrat mereka untuk kembali kepada akidah tauhid tulin, akidah nabi Ibrahim (A.S) yang terkandung dalam ajaran Islam. Al-Quran menunjukan seruan khas kepada ahlul kitab agar berpegang dengan kalimat tauhid dan tidak menduakan Allah dengan sesuatu dan tidak menjadikan manusia sekutu Tuhan.
- v. Polisi kejam dan penindasan kaum yang diamalkan oleh kedua-dua Empayar Parsi dan Bizantine di timur dan utara Afrika menimbulkan penentangan rakyat di kawasan-kawasan ini terhadap mereka. Kedatangan Islam di kawasan-kawasan ini menjadi satu pilihan dan penyelesaian yang mereka cari-cari untuk membebaskan diri daripada belenggu dan cengkaman luar. (R. Garaudi 1983:41-42).
- vi. Keadaan yang serupa melanda Sepanyol pada abad yang sama. Perang Saudara dan pergeseran mazhab membawa kepada kelemahan dalaman yang membolehkan segulungan kecil para mujahidin Islam dari Semenanjung Tanah Arab berjaya menyebarkan agama Islam di kalangan lima belas juta penduduk Sepanyol. (R. Garaudi 1983:43).

- vii. Dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah, pendekatan yang digunakan oleh pendakwah di kawasan-kawasan tersebut di atas juga memainkan peranan penting membuka hati golongan sasaran sama ada menganut agama Islam atau berdamai dengannya. Iman tidak tersebar dengan mata pedang. Ia terpancar dihati dengan keyakinan. Jihad dalam konteks ini, adalah untuk mempertahankan diri terhadappencerobohan. Transformasi ini berjaya dicapai kerana Islam menawarkan keamanan jiwa raga, harta benda, fikiran, kepercayaan, ekonomi dan kemanusiaan kepada manusia. Tersebarunya Islam dijiwa penduduk-penduduk kumpulan sasaran dengan sendirinya memperluaskan sempadan wilayah Dunia Islam. Di tahap ini, proses pengislaman dan pengaraban berjalan serentak dan seiring.

Keamanan Kuasa Politik Arab

Keamanan dalam konteks kuasa politik Arab, bermaksud mengenalpasti sejauhmana kuasa politik Arab di zaman Empayar Umaiah dan Abbasiyah mendapat sokongan padu komponen-komponen ummah Islamiah atau sebaliknya. Adakah dakwaan pihak-pihak terlibat ke atas hak mewarisi kuasa politik Dunia Islam menjejaskan keamanan kuasa. Dunia Islam, di tahapkedua ini, melalui dakwah Islamiah dan jihad telah berjaya menguasai sebidang tanah yang luas yang disifatkan oleh M. Khadduri, 1950(30) sebagai *the Universal Stage* iaitu satu tahap kemuncak yang tertinggi setelah melepasi sempadan-sempadan dua tahap yang mendahuluinya iaitu *City state and the imperial*. Masyarakat Dunia Islam terdiri daripada dua komponen besar; Arab dan (Ajam) bukan Arab. Keduanya berganding bahu dan sepakat dalam mempertahankan Dunia Islam, sekalipun kuasa politik berada di tangan Arab. Keutamaan diberikan kepada kesatuan ummah lebih daripada memikirkan siapakah yang berkuasa.

Keamanan kuasa politik mula terugat apabila hak mewarisi kuasa politik Islam mula dipersoalkan. Komponen Arab sendiri tidak sepakat. Sejarah telah mencatatkan beberapa percubaan rampasan kuasa berdarah yang berlaku di antara anggota-anggota keluarga komponen ini. Penubuhan Empayar Umaiah tidak sunyi daripada percubaan-percubaan rampasan kuasa yang dilakukan oleh pihak yang mendakwa lebih berhak mewarisi kuasa politik Islam. Dari segi yang lain, keamanan kuasa politik berhubung kait dengan sejauhmanakah ia dapat menegakkan keadilan, melindungi kesucian agama dan mentadbirkan kehidupan dunia ummah. Matlamat wujudnya pemerintahan dalam Islam, adalah untuk menjamin kesejahteraan, keselamatan nyawa, tubuh-badan, maruah, harta, akal dan keturunan sekalian warganegara. Pemerintah yang zalim dan lemah boleh digulingkan melalui rampasan kuasa (*imaratul Istila'*). Rampasan ini dibolehkan, bukan hanya untuk mendapatkan kuasa tetapi untuk menjayakan matlamat kuasa itu diberi dan digunakan iaitu menegakkan keadilan mengikut undang-undang, melindungi kesucian agama dan mentadbirkan kehidupan dunia ummah Islamiah.

Keinginan untuk berkuasa di kalangan komponen Arab menyuburkan kembali semangat *asabiah* kepada keluarga di kalangan mereka. Dakwaan siapakah yang berhak mewarisi kuasa politik yang telah dicapai di bawah panji-panji Islam dan penafian ke atasnya telah mengugat keselamatan kuasa politik itu sendiri dan mencetuskan penumpahan darah.

Kemunculan *asabiah* telah membawa perubahan ke atas corak pemerintahan Islam daripada sistem republik kepada di raja warisan di zaman pemerintahan Bani Umaiah. Dari pihak yang kedua, komponen Ajam juga ingin berkuasa dan mengemukakan tuntutan mereka berasaskan dasar saksama Islam yang menyamaratakan Arab dengan Ajam. Jika Arab boleh berkuasa atas landasan ini, maka Ajam juga boleh berkuasa. Tuntutan Ajam ini mencetuskan fahaman Syuubiyah yang dikatakan lebih demokratik berbanding dengan *Asabiah*. Tuntutan Bani Abbas sebagai pewaris kuasa politik Islam terus menjelma dengan sokongan komponen Ajam. Gabungan di antara semangat *asabiah* Bani Abbas dan syuubiyah Ajam mencetuskan *revolusi* Bani Abbas ke atas pemerintahan Bani Umaiah yang meletakkan sekaligus Dunia Islam di tahap ketiga. Kelemahan-kelemahan yang terdapat di bawah pemerintahan Empayar Umaiah menyumbangkan kejayaan kepada Revolusi Bani Abbas.

Di antara faktor yang membawa kepada kejatuhan pemerintahan Empayar Umaiah ialah:-

- * Perpecahan dalaman yang berlaku di antara keluarga Bani Umaiah sendiri berhubung dengan kuasa politik.
- * Penentangan gulungan Syiah dan Khawarij.
- * Pengaruh kebendaan ke atas kehidupan pemimpin-pemimpin.
- * Runtuhnya kepercayaan ummah dan ketaatan mereka yang membawa kepada penderhakaan dan menyediakan jalan dan alasan kepada Bani Abbas untuk bertindak merebut kuasa dari tangan Bani Umaiah.

Tahap Ketiga: Pemerintahan Campuran Arab dan Ajam

Revolusi Bani Abbas ke atas pemerintahan Bani Umaiah disertai dengan beberapa perubahan penting yang membezakan kedudukan politik Dunia Islam di tahap ini berbanding dengan tahap sebelumnya. Di antaranya ialah:-

1. Bentuk pemerintahan Bani Abbas lebih mewakili ummah Islamiah mengabungkan komponen Arab dan Ajam di mana komponen Arab

memainkan peranan penting menguasai tampuk kepemimpinan tertinggi dalam sistem pemerintahan Empayar Abbasiyah. (A.A. Syahhatah, 1970(2).

- ii. Hasrat Ajam untuk berkuasa tidak tamat setakat memperolehi *perkongsian kuasa*, tetapi lebih daripada itu, sekurang-kurangnya berkuasa di negara sendiri. Ini mencetuskan rebutan kuasa di antara dua komponen ini dengan mengakibatkan meletusnya beberapa pemberontakan Ajam terhadap Bani Abbas. (A.A. Syahhatah 86-96).
- iii. Dunia Islam berpecah kepada tiga wilayah besar;
 - a. Bani Abbas di Baghdad.
 - b. Bani Umawiah di Sepanyol.
 - c. Fatimiah di Utara Afrika.
- iv. Sempadan wilayah Dunia Islam bukan sahaja tidak bertambah luas berbanding dengan zaman Bani Umaiah tetapi digugat oleh kuasa luar.
- v. Polisi luar Empayar Abbasiyah tertumpu kepada usaha-usaha mempertahankan sempadan-sempadan negara daripada serangan-serangan musuh.

Keamanan Dunia Islam

Berdasarkan dengan pembahagian Dunia Islam kepada tiga buah wilayah merdeka tersebut di atas, Keamanan Dunia Islam, boleh dikatakan telah dilanda oleh satu fenomena baru iaitu persaingan dan permusuhan di antara wilayah-wilayah berkenaan khususnya di antara Empayar Abbasiyah dengan negara Bani Umaiah di Sepanyol. Permusuhan ini dilahirkan dalam beberapa bentuk berikut:-

- i. Tindakan tentera oleh al Mahdi untuk menjatuhkan pemerintahan Abdul Rahman ad Dakhel di Sepanyol.
- ii. Perang Saraf/dingin melalui surat menyurat, yang mengandungi ungkapan-ungkapan kurang sopan, kata mengata, ungkit mengungkit di antara dua belah pihak. (A.A. Syahhatah 1970:224-225).
- iii. Berbaik-baik dengan negara-negara yang bermusuhan dengan negara Bani Umaiah. Adalah jelas di tahap ini, bahawa keamanan sebahagian dari wilayah Islamiah, bukan sahaja digugat oleh negara bukan Islam, tetapi juga oleh negara Islam yang lain yang sanggup bekerjasama dengan negara bukan Islam untuk menjatuhkan negara Islam yang bersaing dengannya. Ini juga bermakna bahawa sebuah negara bukan Islam boleh menjadi Darul Ahd kepada sebuah negara Islam yang tertentu di samping menjadi Darul Harb kepada negara Islam yang lain. Ukuran yang digunakan oleh negara Islam

yang pertama ialah *kepentingannya sendiri* berpisah daripada kepentingan ummah Islamiah dan keselamatan Dunia Islam sejagat. Akibat daripada permusuhan ini dan hasil daripada kelemahan dalaman, negara Bani Umaiah di Sepanyol jatuh terbenam ke dalam lipatan sejarah silam yang mengakibatkan Sepanyol terkeluar daripada lingkungan sempadan Dunia Islam. J. Hamdan menyifatkannya sebagai kawasan Tamadun Islam yang telah mati.

- iv. Darul Harb. Empayar Bizantine adalah sebuah Empayar yang mengekalkan permusuhannya dengan Dunia Islam. Di tahap kedua, Empayar Parsi di timur telah tunduk kepada kuasa Islam dan menjadi sebahagian daripada komponen ummah Islamiah. Di Barat, Empayar Bizantine terus mencabar Islam sehingga ke tahap ketiga.

Perhubungan di antara Empayar Abbasiyah dengan Bizantine berada di tahap *perang*. Serang menyerang di sempadan-sempadan kerap berlaku. Di zaman al-Mahdi, angkatan tentera Abbasi di bawah pimpinan Harun telah berjaya mengalahkan tentera Bizantine. Kemenangan ini mendesak Raja-Raja lain yang bersempadan dengan Empayar Abbasiyah agar berdamai dengannya (Darul Ahd). A.A. Syahhatah, 1970 (228). Kekuatan tentera adalah penjamin ke atas keamanan negara dan memainkan peranan sebagai kuasa *pencegah* kepada negara-negara yang mempunyai niat bermusuhan di zaman kegemilangan pemerintahan Abbasiyah. Kawasan *Dunia Arab* di tahap ini telah terbahagi kepada dua wilayah besar, diperintah oleh dua buah kerajaan yang berlainan mazhab iaitu kerajaan Abbasiyah (Sunni) beribu kotakan Baghdad, (Arab Masyrek) dan Fatimiah (Syiah) di Kaherah (Utara Afrika). M. Khadduri 1950 (30) menamakan tahap ini tahap *decentralization* yang menandakan detik permulaan perpecahan dan kejatuhan pemerintahan Arab.

Pada penghujung zaman pemerintahan Abbasiyah, Keamanan Dunia Arab telah terdedah kepada bahaya sehingga mengugat survival negara itu sendiri oleh krisis politik dalaman dan musuh-musuh luaran. Di antara faktor-faktor kelemahan dalaman yang dicatatkan oleh A.H. al Kharbutdli, 1969 (21-28) dapat dirumuskan seperti berikut:-

- * Kelemahan yang terdapat dalam personaliti pemimpin (Khalifah) yang tidak mampu menguasai dan mengawal tindak tanduk penyokong-penyokongnya.
- * Rebutan kuasa di antara penyokong-penyokong yang berusaha menjatuhkan satu sama lain.
- * Pentadbiran yang tidak seimbang yang mengugat kestabilan masyarakat, mencetuskan semangat asabiah di antara Arab utara dengan selatan, Arab dengan Ajam, Ajam Parsi dengan Ajam Turki dan sebagainya.

- * Perbezaan mazhab yang bercorak politik dan menuntut pemisahan wilayah.
- * Perbalahan *fitnah* yang sering berlaku di antara ahlu Sunnah, Syiah, Nasrani dan Yahudi berkaitan dengan agama.
- * Kadar cukai yang tinggi ke atas hasil pertanian dan perkilangan untuk kepentingan lapisan atasan.
- * Usaha dan minat komponen Ajam (Saljuk) menubuhkan negara merdeka dan menguasai Baghdad.

Dengan kemunculan negara Monggol di timur, negara tentera yang mewajibkan perkhidmatan tentera ke atas setiap warganegaranya, Empayar Abbasiyah tergugat dan akhirnya jatuh ke tangan musuh bersendirian dan Baghdad ditawan.

Di sebelah barat, pemerintahan al Aiyubi tidak mampu membantu kerana ia sendiri terdedah kepada serangan-serangan tentera Salibi yang datang dari Eropah untuk menawan Baitul Maqdes. Serangan-serangan ini berpanjangan sehingga ke zaman pemerintahan Mamluk di Mesir.

I.A. Al-Adawi, 1963(9) meletakkan kawasan Utara Afrika dan Arab Masyrek sebagai kawasan (Sadr) dada atau tengah Dunia Arab. Perpecahan yang melanda kawasan tengah ini menggalakkan musuh luaran dari timur dan barat melancarkan serangan ke atas kedua-duanya secara berasingan.

Sempadan luas wilayah Empayar Islam yang berjaya digariskan di tahap kedua melalui dakwah dan jihad, kini wilayah Islamiah telah menjadi rebutan. Kuasa yang diperolehi tidak lagi digunakan untuk dakwah tetapi sebaliknya menjatuhkan sesama sendiri dan permusuhan.

Persaudaraan Islam yang mengambil tempat asabiah di tahap kedua, kini telah digantikan semula oleh syuubiyah Arab dan Ajam di tahap ketiga. Rebutan kuasa dan permusuhan dalaman adalah musuh utama yang mengugat keamanan bukan sahaja bagi Dunia Islam tetapi juga Dunia Arab sendiri. Gabungan di antara kelemahan-kelemahan dalaman dan kebangkitan negara musuh di timur dan barat mengakibatkan perpecahan Dunia Islam dan Arab kepada beberapa wilayah ataupun yang dinamakan oleh M. Khadduri 1950(30) *The Fragmentation Stage*.

Komponen Ajam yang dahulunya bergabung dengan Arab mendirikan sebuah Empayar Islam. Tetapi, melalui semangat syuubiyah, mereka pada mulanya, berjaya memperolehi *perkongsian kuasa* dengan komponen Arab memerintah Dunia Islam. Kini mereka berpisah dan beroleh kuasa penuh, mempunyai pemerintahan sendiri dengan tertubuhnya Dynasti Othamani (Turki) dan Safawi (Parsi). (M. Khadduri 1950:32).

Tahap Keempat: Pemerintahan Islam Bukan Arab

Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini bahawa kehadiran komponen bukan Arab dalam kuasa politik Empayar Islam bermula dengan gerakan syuubiyah. Gerakan ini berjaya, pada awalnya mencapai *perkongsian kuasa* politik dalam pemerintahan Empayar Abbasiyah. Secara beransur-ansur, komponen ini berjaya mengambilalih kuasa pada penghujung era pemerintahan Abbasiyah dan pada akhirnya menubuhkan kerajaan sendiri mewakili komponen Ajam Parsi dan Ajam Turki. Dunia Arab Masyreq dan Utara Afrika yang merupakan kawasan tengah Dunia Islam terdedah kepada ancaman Monggol dari timur dan kristian salibi dari barat. Komponen Arab tidak lagi memegang teraju pemerintahan di dunia mereka sendiri. Utara Afrika diperintah oleh Ajam *mamluk*. Ini bermakna bahawa keamanan kuasa dan wilayah Arab tidak dapat dipertahankan oleh komponen Arab.

Kebangkitan negara Othmaniah dengan mudahnya meluaskan sempadan kawasan takluknya hampir ke seluruh kawasan Dunia Arab kecuali (Marakesy) Maghribi dan kawasan pantai timur Semenanjung Tanah Arab. J. Hamdan, 1965(14). Atas nama agama Islam, pemerintahan Othmaniah bukan sahaja dengan mudah dapat menawan Dunia Arab malahan beroleh sokongan dari komponen Arab dan berjaya meneruskan era pemerintahannya selama empat abad lamanya. J. Hamdan berpendapat bahawa kehadiran pemerintahan Othmaniah di Dunia Arab tidak lain daripada satu bentuk penjajahan politik bertopengkan agama Islam. Sekalipun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa hampir keseluruhan Dunia Arab dapat disatukan di bawah satu pentadbiran Ajam dan keselamatannya disepadukan dengan keselamatan Dunia Islam. Kritikan J. Hamdan terhadap pemerintahan Othmaniah yang disifatkannya sebagai *penjajah Turki* ke atas Dunia Arab boleh dianggap sebagai manifestasi asabiah Arab berhadapan dengan Syuubiyah yang berjaya merampas kuasa politik dari tangan Arab. Keselamatan Dunia Arab berhadapan dengan ancaman luar sama ada dari timur ataupun barat adalah satu tanggungjawab yang dipikul oleh Empayar Othmaniah di bawah kibaran panji-panji Islam. Sekalipun demikian, pentadbiran Empayar Othmaniah, meninggalkan beberapa kesan negatif ke atas kesatuan wilayah Dunia Arab. Kesan-kesan negatif ini berpunca daripada faktor-faktor berikut:-

1. Sistem masyarakat yang memberikan keistimewaan kepada komponen Turki ke atas komponen Arab. Sistem ini mengakibatkan munculnya dua kelas masyarakat yang berbeza iaitu kelas atasan yang memerintah (Turki) dan masyarakat kelas dua yang diperintah (Arab). Apabila semangat kebangsaan turanisme diketengahkan pada penghujung era pemerintahan Othmaniah menggantikan Islamisme, maka keretakan yang wujud di antara dua komponen ini menunggu belah. Tindakan Arab terhadap pan-turanisme ini adalah diduga iaitu menonjolkan semangat kebangsaan yang sama pan-

Arabisme. Pertembungan ini telah mendedahkan keselamatan kedua-dua komponen ini kepada pengaruh barat.

- ii. Perlaksanaan sistem *millah* ke atas komponen minoriti agama di seluruh Empayar Othmaniah. Sistem ini menunjukkan identiti tiap-tiap komponen yang mana pada akhirnya mengambil corak politik dan beroleh pemerintahan otonomi. Komponen inilah yang membolehkan penjajah barat bertapak di setengah-setengah kawasan penting Dunia Arab melalui perjanjian perlindungan politik dan konsasi perdagangan dan sebagainya. (J. Hamdan, 1965:15).
- iii. Cukai perdagangan yang tinggi ke atas barangan yang menggunakan jalan darat melintas kawasan Arab dari timur ke barat. Polisi ini mendorong dan menyedarkan saudagar-saudagar barat supaya meneroka jalan baru di Afrika Selatan yang mengakibatkan kemerosotan pendapatan ekonomi Empayar Othmaniah.

Dalam pada itu, terdapat beberapa faktor luaran yang menyumbang kepada kejatuhan Empayar Othmaniah dan kehadiran penjajah barat ke Dunia Arab iaitu:-

- i. Kemunculan Portugis dan Sepanyol sebagai kuasa perdagangan antarabangsa. Atas kepentingan perdagangan negara-negara berkenaan, beberapa kawasan strategik penting Arab dijajah. Maghribi menjadi rebutan di antara Portugis dan Sepanyol, Oman dan Bahrain ditawan oleh Portugis dengan menjadikannya pengkalan tentera. Ini bererti Dunia Arab telah dikepong dari timur dan barat.
- ii. Revolusi Perancis menyemarakkan semangat nasionalisme Arab menentang Turki. Kehadiran Napoleon di Mesir berjaya meniupkan semangat benci kepada pemerintahan Turki.
- iii. Kemunculan revolusi industri di barat mengugat secara keseluruhannya keamanan Empayar Turki termasuk Dunia Arab. Gabungan di antara faktor-faktor ini, disusuli dengan keinginan Arab mencapai kemerdekaan maka pertembungan di antara Arabisme dengan Turanisme tidak dapat dielakkan. Usaha-usaha menubuhkan pan-Islamisme yang dianjurkan oleh Syeikh Jamaluddin al Afghani untuk menyelamatkan perpaduan Dunia Islam tidak membuahkan hasilnya yang diharap-harapkan. Berhadapan dengan revolusi industri yang berlaku di Eropah dan kemunculan negara penjajah dari benua ini, keselamatan wilayah-wilayah Arab Maghrib dan Utara Afrika tidak dapat dipertahankan oleh Empayar Othmaniah. Dengan tercetusnya Perang Dunia Pertama keseluruhan Dunia Arab terlepas kepada penjajah-penjajah barat kecuali Yaman dan sebahagian daripada Semenanjung Tanah Arab.

Tahap Kelima: Kedatangan Penjajah Barat

Atas kelemahan-kelemahan dalaman yang melanda pemerintahan Othmaniah dan kebangkitan Eropah yang disebutkan tadi maka proses pecah dan perintah mula dilaksanakan oleh penjajah barat ke atas Dunia Arab peringkat demi peringkat bermula dengan pendudukan Perancis ke atas Maghribi dan Algeria pada tahun 1830. Proses pecah dan perintah dan pengagihan wilayah-wilayah Arab kepada beberapa jenis tanah jajahan tamat dengan berakhirnya Perang Dunia Pertama. Dunia Arab, di tahap ini menghadapi beberapa perubahan seperti berikut:-

- * Sempadan- sempadan daerah pentadbiran yang wujud di zaman pemerintahan Othmaniah diubah menjadi sempadan- sempadan politik.
- * Mula melaksanakan konsep negara bangsa di wilayah- wilayah yang dijajah sebaik sahaja mencapai kemerdekaan.
- * Wujudnya kawasan- kawasan berkecuali di antara beberapa wilayah Arab dan pulau- pulau kecil yang boleh dianggap sebagai bom jangka yang boleh mengugat keamanan Dunia Arab.
- * Proses menubuhkan negara- bangsa Yahudi ditengah- tengah kawasan pusat Dunia Arab dimulakan.
- * Kebangkitan semangat nasionalisme Arab dengan tertubuhnya parti- parti politik dan reformisme Islam di Wilayah Arab Masyrek di mana penubuhan Liga Arab pada tahun 1945 merupakan kemuncak manifestasi semangat nasionalisme ini.
- * Hasil daripada perubahan- perubahan di atas, keamanan Dunia Arab adalah ditentukan oleh keseragaman, persefahaman dan permuafakatan di antara negara- negara anggota Liga Arab sesama mereka dan perhubungan mereka dengan Israel dan negara- negara luar khususnya dengan negara- negara besar.

Kebangkitan Arab Dalam Perjuangan Kemerdekaan

Selepas Perang Dunia Pertama, Dunia Arab boleh ditakrifkan dengan lebih jelas melalui bahasa, budaya, bangsa, agama dan sebuah wilayah yang mempunyai sempadan yang tertentu. Kewujudan Dunia Arab ini adalah hasil daripada proses pengislaman dan pengaraban yang berlaku di tahap kedua dalam sorotan sejarah Arab. Dunia Arab kini, adalah lebih besar dan luas berbangsa dengan Biladul Arab di tahap pertama. Dakwah Islamiah telah memperluaskan sempadan Biladul Arab daripada setakat Semenanjung Tanah Arab kepada sebuah wilayah

yang bersempadankan Teluk Parsi di timur dan Lautan Atlantik di barat. Pada tahun 1945, terdapat hanya 5 buah negara Arab yang merdeka di samping Arab Saudi dan Yaman. Atas daya usaha keluarga Hasyimi di Baghdad, negara-negara ini bersetuju menubuhkan sebuah pertubuhan serantau iaitu Liga Arab. Proses penubuhan Liga ini tidak tersunyi daripada gejala persaingan dan curiga mencurigai di antara Baghdad dan Kaherah dan keluarga Hasyimi dan Saudi. Sekalipun demikian, Liga Arab memberikan harapan besar kepada Dunia Arab dan *pan-Arabisme*. Sehingga tahun 1977, bilangan negara-negara yang menganggotainya bertambah kepada 22 buah negara. Pada tahun 1990 bilangannya menjadi 21 buah negara atas penyatuan Yaman Utara dengan Selatan. Dalam proses menuntut kemerdekaan ini, Liga Arab berhadapan dengan penjajah Inggeris dan Perancis dalam bentuk perjuangan seperti berikut:-

- * Perang Terbuka untuk membebaskan kawasan strategik penting seperti Turusan Suez dan Syattal Arab (Iraq-Iran) atau merampas kembali wilayah yang telah ditakluki dan diduduki secara kekal seperti Palestin.
- * Perang Gerila menentang penjajah Perancis di Algeria dan Maghribi.
- * Perundingan damai dengan penjajah Inggeris untuk memerdekakan wilayah-wilayah kecil Arab yang masih tertakluk di bawah jajahannya seperti Kuwait, Bahrain, Amiriyah Arab Bersatu dan sebagainya. Kemerdekaan wilayah-wilayah ini adalah sejajar dengan polisi luar kerajaan Inggeris pada masa itu (*the wind of change*) di antaranya mengundurkan kesemua tenteranya yang berpangkalan di timur Suez.
- * Perang dingin di masa itu sedang rancak. Perjuangan kemerdekaan Arab telah menjadi salah satu isu yang mendapat sokongan blok timur di arena antarabangsa dan juga di medan pertempuran. Dengan ini, perjuangan Arab diheret bersama masuk ke dalam kancah pergelutan timur-barat.

Hak menentukan nasib sendiri dan hak penubuhan negara bangsa yang dikemukakan oleh barat ke Dunia Arab telah menjadi senjata ditangan Arab untuk menentang penjajah barat. Dari segi yang lain, hak ini diterapkan mengikut sempadan-sempadan politik yang digariskan oleh penjajah. Dengan itu, polisi *pecah dan perintah* telah menjadi realiti politik Dunia Arab kini yang menentukan sempadan-sempadan kedaulatan tiap-tiap negara. Pecah dan perintah meninggalkan kesan negatif ke atas kekuatan pertahanan Dunia Arab secara keseluruhan. Dengan itu, kehadiran pengaruh kuasa besar terus diperlukan. Apabila "pecah" telah menjadi realiti politik dan perintah secara langsung telah terhapus tetapi *pecah* menghasilkan *realiti lemah*. Dengan itu, kuasa besar dapat meneruskan pengaruhnya dengan mempertahankan kewujudan negara-bangsa (*realiti lemah*) dan perintah secara tidak langsung

di Dunia Arab. Kesimpulannya, keselamatan Dunia Arab dalam analisis terakhir berkait rapat dengan keselamatan kepentingan negara-negara barat khususnya Amerika Syarikat.

Keamanan Dunia Arab Kini

Keamanan Dunia Arab boleh dilihat dalam beberapa perspektif penting seperti berikut:-

- * Perspektif Liga Arab yang telah menentukan nilai-nilai yang perlu dihormati oleh negara-negara anggota disusun oleh piagam yang telah diterima oleh semua anggotanya.
- * Isme yang menolak realiti lemah negara-bangsa dan berusaha menyatupadukan Dunia Arab dan membina sebuah negara yang disegani oleh timur dan barat. Di antara isme yang dipilih ialah Nasserisme, Ba'athisme dan Jamahiriyyah.
- * Sempadan dalam sejarah dan realiti kini, kawasan-kawasan berkecuali dan pulau-pulau kecil yang dipertikaikan.
- * Ekonomi minyak yang menjadi rebutan dan keperluan bukan sahaja negara-negara industri tetapi juga negara-negara membangun.
- * Perspektif Israel iaitu sebuah negara bangsa Yahudi yang ditubuhkan di tengah-tengah kawasan pusat (Sadr) Dunia Arab dengan kekerasan.

Perspektif Liga Arab

Piagam Liga Arab yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh 7 buah negara pengasasnya pada tahun 1945 telah menetapkan beberapa nilai yang perlu dihormati oleh setiap negara anggota untuk menjamin keamanan Dunia Arab. Setiap negara Arab yang mencapai kemerdekaannya dan bersetuju menjadi anggota Liga ini, adalah dengan rasminya menerima dan menghormati nilai-nilai ini. Di antara nilai-nilai penting yang berhubung kait dengan keamanan negara-negara anggota telah dicatatkan dalam akta-akta berikut:-

Akta 1 - Mengiktiraf kemerdekaan negara-negara anggota. Kemerdekaan ini menjadi syarat penting melayakkan sesebuah negara itu diterima menjadi anggota Liga Arab.

Akta ini mempunyai beberapa implikasi politik penting. Di antara lain, mengiktiraf kewujudan negara-bangsa dan sempadan-sempadan politik yang berasaskan sempadan-sempadan yang ditetapkan oleh pemerintahan Othmaniah dan penjajah-

penjajah barat. Justeru itu, mana-mana negara yang berusaha mengubah sempadan-sempadannya ke dalam wilayah mana-mana negara anggota adalah dianggap sebagai penceroboh.

Akta 2 - Menentukan tujuan Liga iaitu mengadakan kerjasama menyelaraskan program-program politik serta mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara-negara anggota.

Akta ini memperkukuhkan lagi kedudukan negara-bangsa sebagai satu realiti politik dan memberikannya perlindungan undang-undang kepadanya.

Akta 5 - Melarang negara-negara anggota menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang sengketa yang berbangkit di antara mereka. Liga Arab adalah dituntut memalinkan peranan orang tengah/pendamai terhadap sebarang sengketa yang dirujukkan kepadanya.

Akta 8 - Mewajibkan ke atas tiap-tiap negara anggota menghormati sistem pemerintahan yang diamalkan oleh negara-negara anggota lain dan berikrar tidak akan melakukan sebarang tindakan bertujuan mengubah sistem-sistem berkenaan.

Nilai-nilai ini jika dipatuhi kesemuanya akan menjamin keamanan Dunia Arab di samping mengekalkan status-quo realiti politik negara-bangsa dan sistem-sistemnya yang telah sedia ada. Penyatuan semula di antara dua atau lebih negara-negara Arab hendaklah berasaskan persefahaman dan persetujuan bersama sebagaimana yang dilakukan oleh Yaman Utara dan Selatan. Selepas Liga Arab ditubuhkan pada tahun 1945 dan piagamnya diterima oleh semua anggota pengasas dan baru, terdapat beberapa perubahan penting yang berlaku ke atas setengah-setengah sistem politik negara-negara anggota yang mengugat status-quo di atas. Dalam kertas ini, hanya tiga perubahan sahaja yang akan diutarakan iaitu:-

- a. Nasserisme
- b. Ba'athisme
- c. Jamahiriyah

a. Perspektif Nasserisme

Nasserisme merujuk kepada perjuangan pembebasan dan penyatuan Dunia Arab pan-Arabisme yang dipelopori oleh al Marhum Presiden Gamal Abdul Nasser dari negara Mesir. Beliau melihat negara Mesir menduduki kawasan pusat bagi Dunia Arab. Justeru itu, kepimpinan Dunia Arab adalah wajar dikendalikan oleh Mesir. Matlamat utama Presiden Nasser ialah membebaskan Dunia Arab dari segala bentuk belunggu penjajahan terutama sekali pembebasan negara Palestin.

Untuk mencapai matlamat ini, segala kekuatan yang dimiliki oleh Arab perlu dihidmatkan kepada perjuangan pan-Arabisme. Beliau menolak realiti lemah negara-bangsa yang dibelenggu dengan berbagai sistem politik yang menghalang tercapainya aspirasi besar ini. Status-quo yang dipertahankan oleh Liga Arab perlu diubah. Cara melakukan perubahan yang diteroka oleh beliau telah dirumuskan oleh B.B. Ghali, 1973(235) *mencetuskan huruhara (fitnah), menggalakkan rampasan kuasa dan pembunuhan politik* terhadap negara-negara dan pemimpin-pemimpin sasaran dengan harapan agar sistem pemerintahan baru akan muncul di negara-negara berkenaan dan menyokong perjuangan *pan-Arabisme*. Pendekatan ini telah mencetuskan perang dingin Arab dan membahagikan negara-negara Arab kepada beberapa blok dalaman seperti konservatif reaksynari, progresif sosialis, negara berkecuali dan tidak berkecuali dan blok luaran sama ada menyebelah blok timur atau barat. Perang dingin Arab ini boleh dikatakan berakhir dengan kekalahan tentera Arab ditangan Israel dalam perang Jun 1967.

b. Perspektif Ba'athisme

Ba'athisme merujuk kepada aspirasi kebangkitan Arab menolak realiti lemah negara-bangsa yang dipertahankan oleh Piagam Liga Arab. Piagam parti Ba'ath tidak mengiktiraf sempadan-sempadan politik yang memisahkan dan memecahkan Dunia Arab kepada negara-negara kecil. Dunia Arab dianggap sebagai sebuah negara terdiri daripada beberapa daerah-daerah (negara) pentadbiran. Pendekatan yang dianjurkan oleh perlembagaan parti ini ialah:-

- i. Menubuhkan parti yang serupa di tiap-tiap daerah.
- ii. Memproseskan transformasi pemikiran rakyat.
- iii. Berkuasa melalui pilihanraya.
- iv. Menyatukan Dunia Arab di bawah satu pemerintahan (pan-Arabisme).

Hingga kini, parti Ba'ath telah berjaya menguasai dua buah negara Arab iaitu Syria dan Iraq. Tetapi kedua-dua negara ini bermusuhan sesama sendiri di mana Syria membantu Iran dalam perang lapan tahun Iran-Iraq dan membantu Amerika menentang pendudukan Iraq ke atas Kuwait. Aspirasi Ba'athisme mengugat status-quo yang dijamin oleh Piagam Liga Arab.

c. Perspektif Jamahiriyah

Jamahiriyah merujuk kepada pemerintahan rakyat melalui rakyat secara langsung tanpa perwakilan yang dipelupuri oleh Muammar Qaddafi. Teori dan program

perlaksanaan sistem Jamahiriyah ini telah didokumentasikan dalam buku hijau (al Kitab al Akhdzar). Di antara program perubahan yang dianjurkan oleh Jamahiriyah ialah di antara lain seperti berikut:-

- i. Menolak realiti lemah negara-bangsa Arab yang wujud kini.
- ii. Memperjuangkan *pan-Arabisme*, satu bangsa satu negara besar dan kuat.
- iii. Membasmi sistem-sistem pemerintahan yang ada dan menyerahkan kuasa keseluruhannya kepada rakyat.
- iv. Menolak segala jenis sistem parti politik, sistem perwakilan dan kerajaan.

Keempat-empat tuntutan ini bercanggah secara langsung dengan nilai-nilai yang termaktub dalam Piagam Liga Arab. Ini bermakna bahawa Jamahiriyah menolak kesahihan sistem-sistem politik, kuasa politik, kedaulatan dan sempadan-sempadan negara-negara Arab yang wujud kini. Justeru itu, ia menimbulkan krisis kepercayaan negara-negara Arab yang lain terhadap Jamahiriyah yang mengugat status-quo kini. Kewujudan pelbagai sistem, ideologi, kemampuan ekonomi yang berlainan dan kepentingan politik telah meninggalkan kesan negatif ke atas fungsi Liga Arab. Keadaan ini mendorong setengah-setengah negara anggota merujuk krisis politik yang dihadapi sama ada kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau meminta bantuan negara-negara besar khususnya Inggeris dan Amerika Syarikat dengan mengeneipkan Liga Arab. Terdapat juga negara-negara Arab yang mencari alternatif lain yang boleh memperkukuh dan memperluaskan keselamatan dan pengaruhnya di dalam dan luar batasan Liga Arab. Sebagai contoh, apabila Presiden Nasser menguasai Liga Arab pada tahun 50-an dan 60-an, Arab Saudi menubuhkan *Rabitah Alam Islam* dan mempelupuri penubuhan OIC. Apabila Presiden Saddam Hussein muncul selaku pemimpin yang kuat di kawasan Teluk, Arab Saudi dan negara-negara teluk yang sealign dengannya menubuhkan GCC., sekalipun organisasi-organisasi ini boleh berfungsi hanya dalam jurusan diplomatik sahaja.

Perspektif Sempadan

Mempunyai sempadan jelas adalah penting dalam menentukan perhubungan baik di antara negara-negara merdeka dan berdaulat. Sempadan yang kabur, tidak menentu dan tidak diputuskan oleh negara-negara terlibat boleh menyebabkan krisis di antara negara berjiran. Ia boleh disifatkan sebagai bom jangka yang boleh meledak sebaik sahaja timbulnya dakwaan mana-mana negara berhak ke atas mana-mana wilayah sempadan, perkampungan, kawasan berkecuali atau pulau dan dakwaan ini dinafikan pula oleh negara kedua yang berjiran dengannya. Di antara krisis sempadan yang menjejaskan perhubungan baik di antara dua

negara Arab berjiran ialah krisis sempadan Mesir-Sudan tahun 1958, Kuwait-Iraq tahun 1961 dan Algeria-Maghribi 1963. B.B. Ghali (1973:157-229).

Sempadan-sempadan politik negara-negara terlibat telah digariskan oleh penjajah Inggeris dan Perancis tetapi ia dipertikaikan semula selepas kemerdekaan dicapai. Pertikaian ini boleh berulang kembali sebagaimana yang berlaku di antara Iraq dengan Kuwait pada 1990 yang menceuskan perang besar-besaran. Krisis sempadan boleh berlaku dengan cepat apabila kawasan yang dipertikaikan itu mempunyai bahan galian atau minyak. Umumnya, semua negara Arab mempunyai masalah sempadan dengan negara jirannya Arab atau bukan Arab. Masalah sempadan ini sama ada warisan penjajah ataupun pemerintahan Othmaniah yang membelenggu keamanan Dunia Arab kini.

Ekonomi Minyak

Dunia Arab menguasai lebih daripada separuh simpanan dan pengeluaran minyak dunia. Penguasaan ke atas minyak merupakan penguasaan ke atas kuasa tenaga dunia. Sekalipun demikian, Dunia Arab tidak mampu menggunakan kekuatan ini untuk menjamin keselamatan mereka atas sebab-sebab politik, perbezaan isme, sistem pemerintahan, pengaruh luar dan sebagainya. Berasaskan minyak, negara Arab terbahagi kepada kaya dan miskin. Disebabkan oleh perbezaan ideologi dan sistem pemerintahan, kekayaan minyak tidak dapat menyelesaikan kemiskinan negara-negara Arab yang miskin. Rebutan di antara dua buah negara terhadap telaga minyak atau perselisihan pendapat terhadap harga jualan atau kuota pengeluarannya boleh mengugat keamanan negara-negara pengeluar dan mengakibatkan kemusnahan dan kerugian yang besar.

Penggunaan minyak sebagai senjata politik dalam Perang Arab Israel pada tahun 1973 dan selepasnya berjaya mendesak Amerika Syarikat menglibatkan diri secara aktif selaku orang tengah menyeleraikan krisis Arab-Israel. Tetapi senjata ini turut menjejaskan negara Arab yang miskin apabila harga minyak melambung tinggi di pasaran antarabangsa. (B.B. Ghali, 1975:15-16). Di samping itu, kenaikan harga minyak yang menambahkan kekayaan negara-negara pengeluar minyak Arab, kekayaan yang disebut sebagai hasil daripada titisan darah tentera Mesir melawan Israel dan kegagalan mereka membantu Mesir secukupnya untuk memulihkan ekonomi dan memperkuat angkatan tenteranya telah mendorong Presiden Sadat mengubah haluan politiknya daripada menjuarai perjuangan nasionalisme Arab kepada nasionalisme Mesir (Mesir untuk orang Mesir/Mesir terutama, Mesir untuk selama-lamanya). Hasilnya, Mesir yang disifatkan oleh Presiden Nasser sebagai kawasan pusat Dunia Arab yang menjuarai perjuangan membasmi Israel, kini berdamai dengan Israel dan dipecat keluar dari keanggotaan Liga Arab.

Telah menjadi matlamat kuasa penjajah baru memperhebat dan memperdalamkan lagi sengketa yang tercetus di antara negara-negara Arab untuk membolehkannya menyedut sebanyak yang boleh kuasa dan tenaga ekonomi yang ada dan mengekalkan monopoli barat ke atasnya. Perbezaan sistem politik, pelbagai ideologi dan berlainan strategi pengeluaran, kuota dan harga minyak yang disebut di atas telah menjadi senjata ditangan penjajah baru barat melaga-laga dan melemahkan Dunia Arab. (S. Muqallid 1975:40-41). Atas hakikat ini, Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya tidak segan-segan memburu mana-mana negara Arab radikal atau pergerakan yang berpotensi membangkitkan kesatuan Arab atau mengugat kepentingan mereka. Berbagai usaha, alasan dan cara telah digunakan untuk melemahkan negara-negara radikal berkenaan bermula dengan sekatan ekonomi, sekatan udara, sekatan sains dan teknologi, penjualan senjata, memusnahkan senjata yang ada sehingga melancarkan perang terbuka ke atasnya. Segala faktor kekuatan yang ada di Dunia Arab, iaitu lokasi geografi, geo-politik, kawasan lalulintas darat, laut dan udara, ekonomi penduduk, agama telah diselaras dan ditundukkan secara langsung dan tidak langsung untuk berkhidmat kepada kepentingan, keamanan dan keselamatan barat.

Perspektif Israel

Melihat kepada matlamat terbesar perjuangan zionisme iaitu penubuhan negara Yahudi yang bersempadankan Sungai Furat (Euphrates) di timur dan Sungai Nil di barat, maka dengan sendirinya soal keamanan Dunia Arab terdedah kepada ancaman yang amat besar. Penubuhan negara Israel di Palestin merupakan pertembungan yang berlipat lapis di antaranya:

- i. Arabisme dan Zionisme.
- ii. Hak rakyat Arab Palestin yang lemah berhadapan dengan Yahudi yang dipaksakan ke atas Dunia Arab dengan kekerasan.
- iii. Sejarah silam Arab yang berkesinambungan dengan sejarah silam Yahudi yang telah terputus-putus.
- iv. Hak tanpa kekuatan berhadapan dengan penggunaan kekuatan dalam menentukan hak.
- v. Undang-undang antarabangsa berfungsi menentukan matlamat keamanan negara atau matlamat keamanan sesebuah negara menentukan fungsi undang-undang antarabangsa.

Ini kesemuanya menjelaskan bahawa kewujudan Israel di Palestin sama artinya dengan wujudnya ugutan yang berpanjangan dahulu, kini dan masa depan di

Dunia Arab. Negara ini dicipta daripada tiada melalui penubuhan sebuah komuniti. Berada dalam keadaan kecil berubah menjadi besar. Daripada golongan minoriti kepada majoriti, terus berada dalam keadaan perang dengan negara-negara Arab sehingga kini. Perang menjadi rukun negara yang terpenting untuk kekal hidup kerana keunggulan sahalalah yang menentukan hak. Keadaan perang yang ada membolehkan Israel menawan wilayah-wilayah sempadan Arab dengan alasan mempertahankan diri. Dengan kekuatan yang ada padanya, ia dapat mengekalkan pendudukannya di wilayah-wilayah berkenaan yang bakal menjadi sebahagian daripada wilayah Israel atau mendapatkan pengiktirafan Arab ke atas kewujudannya dengan menukarkan wilayah Arab yang ditawan dengan keamanan. Untuk mengekalkan kewujudannya, Israel perlu unggul berbanding dengan Dunia Arab keseluruhannya dalam bidang ketenteraan, sains dan teknologi.

Selepas perang Jun, 1967, B. Boutros Ghali (Setiausaha Agung PBB kini) pernah berkata bahawa Israel lebih maju 50 tahun ke hadapan berbanding dengan negara-negara Arab. Cara yang tepat untuk mengalahkan Israel ialah dengan persaingan tamadun. Kini Israel sedang berusaha mempertahankan pencapaiannya setakat ini dan menyediakan persiapan untuk mencapai matlamat besarnya yang disebutkan tadi. Bagi Dunia Arab, kewujudan Israel telah mencetuskan empat peperangan berturut-turut, tahun 1948, 1956, 1967 dan 1973. Dalam perang 1967, pelupur pan-Arabisme iaitu Mesir dapat ditewaskan. Dengan meninggalnya Allahyarham Presiden G.A. Nasser perjuangan *pan-Arabisme* pun pudar. Dalam perang 1973, Allahyarham Presiden M.A. Sadat hanya mampu memecah keadaan *no war no peace* dengan Israel. Beliau beroleh kembali Semenanjung Sinai dengan menandatangani perjanjian damai dengan Israel. Justeru itu, Israel beroleh pengiktirafan Mesir sebagai sebuah negara berdaulat. Mesir dipecat dari Liga Arab dan terkeluar daripada perjuangan *pan-Arabisme*. Dengan ini, satu halangan besar yang mengugat Israel telah diatasi.

Perang saudara di Lubnan yang bermula pada 1975 membolehkan Israel mengusir PLO keluar dari Lubnan ke Tunisia. Pertarungan PLO-Israel mengugat keamanan negara kecil seperti Lubnan dari segi wilayah, kedaulatan dan politik. Perang Iraq-Iran menguntungkan Israel dari segi perjualan senjata dan melancarkan perang secara *proxy* untuk melemahkan Arab dan Islam, disusuli dengan perang Iraq-Kuwait yang mengakibatkan hancurnya satu lagi markas perjuangan *pan-Arabisme* (Ba'athisme) Iraq. Kini terdapat beberapa senario penting sedang dimainkan dalam arena politik Dunia Arab iaitu:-

- i. Sikap Iraq terhadap ketetapan PBB berhubung dengan pengharaman senjata kimia dan nuklear.
- ii. Perundingan damai Arab/Israel.

- iii. Pengeboman kapal terbang PAN AM di Lockerbie di mana negara Libya dilibatkan dan dituduh bersalah seterusnya dikenakan sekatan udara ke atasnya oleh PBB.
- iv. Kebangkitan Islam (FIS) di Algeria yang menentang kemunduran dan kemiskinan. Akhirnya FIS dibubar, Presiden Algeria dibunuh dan undang-undang tentera diisytiharkan.

Kejayaan Amerika melalui PBB menghancurkan Iraq dan Libya dan kuasa tertentu menghapuskan FIS adalah suatu keuntungan besar kepada Israel. Sementara itu, melalui perundingan damai yang sedang berjalan kini, Israel telah beroleh pengiktirafan terhadap kedaulatan negaranya dari pihak-pihak yang terlibat dalam perundingan ini. Memandangkan bahawa Syria juga diperintah oleh Parti Ba'ath yang memperjuangkan *pan-Arabisme*, ada kemungkinan Syria pula akan menjadi sasaran yang berikutan selepas urusan di Iraq tamat dan selagi Syria berpegang teguh dengan perjuangan *pan-Arabisme* ala Ba'ath. Pertambahan bilangan penduduk Yahudi di Palestin melalui penghijrahan baru membayangkan bahawa wilayah-wilayah Arab yang diduduki dalam perang 1967 tidak akan diserahkan kembali kepada Arab melainkan atas jaminan bahawa Arab mengiktiraf negara Israel dan berdamai dengannya. Ringkasnya, keamanan Dunia Arab tetap terganggu dengan kehadiran Israel di Palestin dan dengan adanya pertembungan hak dan matlamat di antara Arab dan Israel kini dan masa depan.

Kesimpulan

Perbincangan berkenaan dengan keamanan Dunia Arab kini tidak dapat dipisahkan daripada pilihan keutamaan yang diberikan kepada kepentingan negara bangsa yang mengatasi segala kepentingan lain sama ada kepentingan itu di peringkat kumpulan negara-negara yang sealiran atau peringkat Liga Arab. Oleh yang demikian maka keamanan di peringkat Dunia Arab tidak dapat dijamin jika ia tidak selaras dengan kepentingan negara bangsa atau kumpulan yang sealiran dengannya. Mekanisme yang diwujudkan oleh Liga Arab untuk menjaga keamanan tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Isu-isu yang mengugat keamanan Dunia Arab begitu banyak, dan kusut. Kuasa-kuasa besar dan Israel menambahkan lagi kekusutan ini demi untuk menjaga kepentingan mereka di Dunia Arab. Selagi realiti politik kini tidak diiktiraf kesahihannya mengikut nilai-nilai politik semasa oleh semua, selagi itu pergolakan politik akan berlaku dan krisis akan melanda Dunia Arab dari semasa ke semasa.

Persoalan yang selalu diketengahkan oleh pemerhati politik Dunia Arab ialah:-

- i. Bolehkah pemimpin-pemimpin Dunia Arab menyelaraskan kepentingan-kepentingan negara mereka bersama dengan penuh yakin dan ikhlas dan penuh kejujuran.

- ii. Mampukah mereka mengutamakan kepentingan kolektif ke atas kepentingan individu pemimpin, negara dan isme-isme Arab demi untuk mencapai ketahanan dan keunggulan Arab sejagat.

Sejarah silam Arab telah memberikan jawapan yang tepat dan menyakinkan ke atas persoalan-persoalan ini iaitu, kesemuanya ini boleh dilakukan apabila keutamaan diberikan oleh semua kepada Islam dengan kehendak sendiri, pilihan sendiri dan tanpa paksaan. Tetapi bolehkah sejarah berulang lagi, jika ia tidak berulang, maka apakah pilihan lain yang sesuai dengan perubahan-perubahan politik semasa setanding sekurang-kurangnya dengan semangat penyatuan Jerman atau EEC.

Rujukan

- A.A. Syahhatah, 1970. *Dirasaat Fi Tarikh al Abbasiyeen*, (Kajian Sejarah Bani Abbas), Matba'ah Zahran, Kaherah.
- A. Syalabi, 1968, *Al-Jihad Fit Tafsir al-Islami*, (Jihad dalam Pemikiran Islam), Maktabun Nahdzah al Masriyah, Kaherah.
- A.H. al-Kharbutdli, 1969, *Bainal Maghoul Wal Yahud*, (Di antara Monggol dan Yahudi) Matabic al Ahram at-Tijariyah, Kaherah.
- A.Q. Husaini, 1968. *Constitution of the Arab Empire*, Sh. Muhammad Ashraf, Kashmir Bazar, Lahore.
- B.B. Ghali, 1973, *Dirasaat Fid Diblomasiyah al-Arabiyah*, (Kajian dalam Perhubungan Diplomatik Arab) Maktabah al-Englo Masriyah, Kaherah.
- H.M. Makhluf, *Kalimat al-Quran, Tafsir wa Bayan* (Perkataan-perkataan Quran, Tafsir dan Penjelasan), Darul Ma'aru, Kaherah.
- I.A. al-'Adawi, 1963. *Al-Arab Wat Tatar* (Arab dan Tatar) Matabic Darul Qalam, Kaherah.
- I.S. Muqallid, *Tasaro al Quwa Ad Dawliyah Hawlal Bitrol* (Pertarungan Kuasa Dunia Mengenai Minyak) dalam *As Siyasa Ad. Dawliyah/Politik Antarabangsa*. Vol. 41 Julai, 1975. Matabic al Ahram at-Tijariyah, Kaherah.
- J. Hamdan, 1965. *Al-Istikmar Wat Taharrur Fil 'Alamil Arabi*, (Penjajahan dan Pembebasan di Dunia Arab) Darul Qalam, Kaherah.
- M.F.A. Hadeed, 1961. *Ummatuna al-Arabiyah*, (Kita Ummat Arab) Darul Ma'arif, Kaherah.
- M.A. as Samman, 1960. *Al-Islam Wal Annud Dawli* (Islam dan Keamanan Dunia) Darul Kulub al-Hadithah, Kaherah.
- M.H. Rabie, 1981. *Al-Islam Wal Quwa Ad-Dawliyah*, (Islam dan Kuasa Dunia) Darul Mauqifil Arabi, Kaherah.
- M. Qandil, 1981. *Nazariyatul Harb Fil Quran* (Teori Perang Dalam Quran) Muassasah Ruzlyusuf, Kaherah.
- M.F. 'Asar, 1970. *Intisyarul Islam Bit Tariqis Silmi*, (Penyibaran Islam Secara Damai), Matabic al Ahram at-Tijariyah, Kaherah
- M.A. al Mahalli & A.A.B. as-Sayutdi, *Tafsir al Jalalain*, Darul M'arifah, Beirut.
- M. Khadduri, 1965. (The Islamic Theory of International Relation and Its Contemporary Relevance) dalam Buku, *Islam and International Relations*, edited by J.H. Proctor. Frederick A. Praeger, New York.
- R. Garaudi, 1983. *Al-Islam Dinul Mustaqbal*, (Islam Agama Masa Depan) Terjemahan A. Barudi, Darul Iman, Beirut.
- R. Syalabi, 1974. *AdD'awah al Islamiyah Fi 'Ahdihal Makki: Manahijuha Waghayatuha*, (Dakwah Islam di Peringkat Mekah: Pendekatan dan Matlamatnya). al-Matabilul Amiriyah, Kaherah.

Sanctions on Iraq

*Fan Yew Teng**

A few days after Iraq had invaded Kuwait on 2nd August 1990, the United Nations Security Council imposed an economic blockade against Iraq. Resolution 661 of 6 August 1990 imposed mandatory economic sanctions against Iraq in an effort to end Iraq's invasion and occupation of Kuwait.

While sanctions are legitimate strategies in the armoury of the United Nations, they must be specific and short-term. And they should never be continued to be used against a country and its people already devastated by war.

By late November 1990, the CIA reported that sanctions were having a more than 90-percent effect on the economy of Iraq. In spite of that, George Bush went ahead with his war against Iraq on 17 January 1991.

The Lie

George Bush went to war on a stage of lies. A corrupt US Congressman, Tom Lantos of California, in collaboration with the big American public relations firm of Hill and Knowlton, arranged to have a 15-year-old Kuwaiti girl tell the Congressional Human Rights Caucus, of which Lantos is the co-chairman, that she had seen Iraqi soldiers removed scores of babies in Kuwait from their incubators and left them to die.

The 15-year-old girl was at the time identified only as *Nayirah*, supposedly to protect family members still in Kuwait.

Her testimony, as *The New York Times* put it, helped build support for the Gulf War. George Bush used the story to justify going to war. Members of Congress were convinced. So they went to war, and wrecked havoc, death and destruction.

Even Amnesty International, the respected London-based human rights organisation, at first thought it was true. However, Amnesty International and other human rights monitors later refuted the story.

* Mr. Fan Yew Teng is currently a freelance writer. He served as a teacher, trade unionist, opposition MP and United Nations consultant.

A year after the murderous Gulf War, John MacArthur, publisher of Harper's magazine, revealed the identity of *Nayirah* as none other than the daughter of the Kuwaiti ambassador to the United States. Hill and Knowlton was the public relations firm engaged by the Kuwaiti-sponsored Citizens for a Free Kuwait, which was then pressing Congress to go to war.

Until recently, Lantos headed the Congressional Human Rights Foundation. This Foundation rents space in Hill and Knowlton's Washington headquarters at a reduced rate. The Citizens for a Free Kuwait gave US\$50,000 to the foundation sometime after Iraq's invasion of Kuwait. And this foundation has financed caucus travel, including trips for Congressman Lantos and his wife!

So we see the web of lies and corruption in American democracy. These were the lies and corruption that George Bush used to deceive Congress to support his dirty war against Iraq.

Which of course makes George Bush a dirty, big liar.

The Bribes

George Bush was not only lying to the American people; he was also lying to the world. He claimed that the United Nations Security Council supported his dirty scheme to go to war, based on the lies that sanctions were not yet working and that babies were being killed by Iraqi soldiers in Kuwait.

But, as the *US News and World Report* tells us, his Secretary of State James Baker had *cajoled, bullied and horse-traded his way* to get Resolution 678 through the Security Council.

As John Pilger has put it in the *New Statesman and Society* of 17 January 1992, *the greatest bribes in history* were given to countries which supported the war. Here are some examples:

- * Turkey received at least US\$8 billion worth of military gifts from the US, including tanks, planes, helicopters and ships. The US also pledged to deliver Phantom bombers; the US Export-Import Bank agreed to underwrite the construction of a Sikorsky helicopter factory in Turkey, worth about a billion dollars; and Turkey's quota of US textile imports was increased by 50 percent. The World Bank and IMF *freed up* some US \$1.5 billion in low-cost loans to Turkey.
- * Egypt was offered a bribe by James Baker that US\$14 billion of its loans would be *forgiven*.

- * Syria was given a billion dollars' worth of arms aid through a variety of back doors, mostly Gulf states.
- * Israel wanted another US\$13 billion from the US, apart from the regular US\$5 billion a year. It was given a downpayment of US\$650 million in cash.
- * Iran got its first loan from the World Bank since the 1979 Islamic revolution; the Bank approved US\$250 million the day before the ground attack was launched against Iraq.
- * The Soviet Union was offered a billion dollar bribe. Once Gorbachev agreed to Resolution 678, another US\$3 billion came from other Gulf states. The day after the UN vote, George Bush announced that the US would review its policy on food aid and agricultural credits to the Soviet Union.
- * China, although it abstained in the vote on Resolution 678, also got US\$114 million from the World Bank, and a return to diplomatic legitimacy since the Tiananmen Square massacre.
- * Ethiopia, within a fortnight of the UN vote, signed with the US their first investment deal for years.
- * Zaire was offered US military aid and debt forgiveness.
- * Yemen, which voted against Resolution 678, was told, *That was the most expensive 'no' vote you ever cast.* Within three days, a US aid programme of US\$70 million was stopped. Suddenly there were problems with the World Bank and the IMF. 800,000 Yemeni workers were expelled from Saudi Arabia.

The Massacre

The war against Iraq started on 17 January 1991. The 42-day aerial bombardment of Iraq was horrifically devastating. According to a report just published by the Medical Educational Trust in London, up to a quarter of a million people, most of them civilians, were killed or died during and immediately after the attack.

According to former US Attorney-General Ramsey Clark, who visited Iraq during the war for a week covering over 2,000 miles, *The inescapable and tragic fact is thousands of civilians have been killed in the bombings.*

Ramsey Clark added: *The effect of damage to municipal water systems on health and safety is tremendous. In the hospitals, there is no heat, no clean water except*

limited quantities for drinking supplied in bottles, no electric light in wards and hospital rooms and inadequate medicine, even for pain alleviation, in the face of a great increase in critically and severely injured persons.

Many homes, schools, hospitals, roads, bridges, markets, transportation systems and other essential amenities were destroyed by the aerial bombings.

According to Eric Hoskins, a Canadian doctor specialising in famine and disaster relief, in his article in the *New Statesman and Society* of London of 17 January, 1992, of the more than 100,000 tons of bombs dropped during the 42-day air bombardment, only 7 per cent were *smart* bombs, in the sense of being electronically guided. An estimated 75 per cent of all bombs dropped on Iraq missed their targets, raining shrapnel and explosives on civilian populations, challenging assertions of a *clean* war.

Dr Eric Hoskins, who is also the medical coordinator of the Gulf Peace Team and a coordinator of the Harvard-based international study team, also says: *Water became scarce and what was available was contaminated, with the result that epidemics of cholera and typhoid killed thousands of vulnerable children.*

Richard Reid, the Middle East director of UNICEF, declared that Baghdad was like a human who had all his bones and internal organs removed, with only the intact skin remaining - outwardly viable, but with all life-sustaining infrastructure, the bones of the society, broken or paralysed.

The Genocide

Tragically, although the aerial bombardment has stopped, the economic sanctions against Iraq continue. How can anybody calling himself a Christian, Muslim, Buddhist or Hindu continue economic sanctions against a nation and a people who are already so devastated and traumatised by such an inhumane war?

Two Norwegian child psychologists, world experts on the impact of conflict on children, recently interviewed 250 school-aged Iraqi children. They concluded that the children of Iraq are the *most traumatised children of war ever studied*. Two-thirds of those interviewed believed they would not survive to become adults.

And, as UN Under-Secretary-General Martii Ahtisaari, experts from UNICEF, WHO, FAO, WFP, UNHCR AND THE UNDP have testified, millions of innocent civilians in Iraq, especially mothers, babies and children, the elderly and the sick have become the direct victims of the economic sanctions. The Harvard study team which visited Iraq about a year ago has warned that at least 170,000 children below the age of five could die in the following months.

As a matter of fact, latest independent surveys from inside Iraq by foreign teams state that the death rate for children there has risen by 380 percent since the war; at least 500 children die everyday due to the lack of proper nutrition and medicare.

On 15 January 1992, the Catholic Relief Services of America reported that the food situation in Iraq continues to deteriorate. Douglas Broderick, the relief agency's representative in Baghdad, in a report issued from its Baltimore, Maryland Office, said: *Hunger and malnutrition are now desperate. He added: Since August 1990, the cost of basic food has increased nearly 2,000 percent. For average Iraqis, food is now beyond their means.*

Dr. Eric Hoskins, cited earlier, says: *Thirty per cent of Iraqi children under five (nearly one million children) are currently malnourished. A shortage of infant formula (baby milk) has caused an upsurge of infant deaths through malnutrition and disease.*

Dr. Hoskins adds: *Iraq's harvest this year (1991) was only a third of the normal yield. Sanctions prohibited the import of seeds, pesticides and spare parts for agricultural machinery.*

Of more than five million tons of food ordered from foreign producers by the Iraqi government since the ceasefire, and in full compliance with UN sanctions, less than 220,000 tons have been received. Iraq lacks the currency to pay for the orders and, to date, only Switzerland and Greece have released Iraqi frozen assets for the purchase of urgently needed humanitarian food supplies - this despite agreement from the Security Council, months ago, that all such assets could be immediately unfrozen and used for humanitarian relief.

According to Dr. Hoskins, many deaths have occurred because medicines such as insulin, vaccines, antibiotics, heart drugs and asthma inhalers are either no longer available or are in short supply. Children with treatable leukaemia have died because they have been unable to receive the necessary anti-cancer drugs. Hospitals, many damaged during the war or subsequent internal conflict, are ineffective, empty shells.

The Security Council has been lying to the world about food and medicine being exempt from the economic sanctions against Iraq. According to Dr. Hoskins, *From 6 August 1990 to mid-March 1991, it was illegal to import even a single scrap of food into Iraq - from any source. And less than 10 per cent of the required amounts of medicines have entered Iraq since August 1990.*

He says that western governments have been discouraging pharmaceutical companies to ship drugs to Iraq.

More than 50 paid consignments of medicines, purchased before the embargo, were kept from entering Iraq until long after the ceasefire. A dozen have still not been delivered as on 17 January, 1992. A 1,800-ton order of baby milk, paid for before August 1990, remains in Turkey because the Turkish government, a member of NATO, refuses to allow the baby milk to be shipped to Iraq.

The world should know that the governments of the United States, Britain, some other western countries and Turkey are all baby killers. They are not only guilty of war crimes committed during the Gulf War, but are also guilty of genocide against a people. We must never forget this; we may never be able to forgive.

Human Rights and Hypocrisy

The leaders of the West, who often talk a lot about democracy and human rights, are today baby killers. We should ask them every day how many babies they kill in Iraq by way of these barbaric sanctions against a people already devastated by war.

We should remember how reluctant, and in fact how adamantly against they were on economic sanctions against the racist white supremacist regimes in Rhodesia and South Africa, despite the fact that the great majority of the world's governments had voted in favour of sanctions at the United Nations, despite the fact that the black nationalists in these countries including Robert Mugabe then and Nelson Mandela now have called for sanctions, and despite the fact that these countries were not already devastated by war as in the case of Iraq.

We remember, for instance, Margaret Thatcher's stubborn and vulgar arguments against sanctions on South Africa to get rid of apartheid at the 1989 CHOGM conference in Malaysia.

Why the double-standards and the hypocrisy? The reason is clearly racist pure and simple. They did not want sanctions to hurt white power in Southern Africa, but here and now they are determined to have sanctions kill off a whole generation of non-white Iraqi children.

Just as the United States sent back thousands of black Haitians to the tender mercies of a military junta in Haiti recently. It would have been unthinkable to do the same if these refugees, running away from oppression, had come from Eastern Europe, be they Poles, Russians, Hungarians or Jews.

After this systematic genocide against the people of Iraq, after this deliberate, daily killing of babies in Iraq, many of whom were not even born yet during the Gulf War, the West has absolutely no moral right to talk about, let alone preach

to others, about human rights. For we must remember, the right to life is the most fundamental of all human rights. And if they can so cruelly deny that, they can deny anything.

These are the same Western governments which talk so much and so loudly about the rule of law but are today violating international law to bully Libya. In 1986, the United States disregarded the verdict of the World Court in a case brought against it by Nicaragua.

This is the background and context in which we should see the immoral sanctions against the people of Iraq. Getting rid of Saddam Hussein, search for nuclear-weapons development in Iraq, and search for Scud missiles in Iraq are mere excuses to perpetuate the genocide.

For instance, have there ever been inspections and searches in Israel for nuclear weapons? Far from searching and inspecting, the US and France have actually helped Israel to develop nuclear weapons. Today, Israel is estimated to have an arsenal of at least 100 nuclear bombs.

The sanctions against Iraq, and the campaign of harassment and intimidation against Libya, are actually part and parcel of a system plan to recolonize not only the Arab people and countries, but also the whole Third World. Let us make no mistake about that.

Batasan-batasan Penganalisaan Krisis Antarabangsa

Hairany Naffis*

Pengenalan

Krisis dan peperangan merupakan masalah moral dan intelektual yang amat besar yang terpaksa dihadapi oleh manusia. Sehingga kini masih tidak wujud suatu resipi yang mujarab yang dapat digunakan untuk mengawal sekaligus menyelesaikan segala konflik dan krisis manusia. Ahli-ahli falsafah, negarawan-negarawan serta para sarjana telah berusaha untuk memahami asal-usul serta sebab-sebab berlakunya konflik antara manusia dan antara kelompok-kelompok manusia. Setengah-setengahnya telah mencipta dan mengemukakan cadangan dan skima-skima untuk mengawasi, mengawal ataupun menghapuskan segala bentuk tingkahlaku kekasaran, paksaan, konflik dan seumpamanya.¹

Sebagai satu bentuk pengetahuan tentang sistem tingkahlaku manusia, hubungan antarabangsa telah cuba membentuk penyelidikan-penyelidikan baru dan mencadangkan cara-cara baru untuk menyelesaikan dan menguruskan perkara-perkara yang menimbulkan konflik. Ini dimulakan di University of Wales dan London School of Economics, England. Sarjana-sarjana ini cuba membangkitkan cara-cara untuk mencari keamanan. Pada umumnya sehingga kini terdapat tiga kaedah akademik tentang analisis konflik. Pertama, membincangkan punca-punca konflik, maksud konflik dan mengkaji serta menganalisa cara-cara untuk mencari penyelesaiannya dengan mengambil kaedah empirikal. Penerangan sejarah digunakan untuk mengkaji peristiwa bagi memudahkan pembentukan teori. Kedua, menggunakan kaedah sains sosial dengan mengkaji teori-teori dan model-model tentang konflik berdasarkan pendekatan teoritikal-saintifik. Ketiga, mengkaji secara normatif dan preskriptif iaitu menganalisa bukan sahaja sebab-sebab serta *substance* satu-satu isu tetapi juga mengesyorkan cadangan-cadangan serta penyelesaian-penyelesaian kepada fenomena tersebut. Kumpulan ketiga

-
- * Hairany Naffis kini bertugas sebagai Pensyarah Politik Antarabangsa di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
 - 1. Antara penulis-penulis awal yang membincangkan aspek-aspek di atas termasuklah Thomas Moore dalam *Utopia*, Dante dalam *Divine Comedy*, Immanuel Kant dalam *Perpetual Peace*, J.J. Rousseau dalam *Social Contract*, dan sebagainya, lihat James E. Dougherty and Robert L. Pfaltzgraff, Jr., *Contending Theories of International Relations*, New York: Harper & Row, Publishers, 1981, m.s. 1-4.

ini menjadi popular dengan kajian mereka dan kemudiannya dikenali sebagai *Gerakan Penyelidikan Keamanan* atau *Peace Research Movement-PRM*.

Antara persoalan-persoalan utama yang dikaji oleh gerakan ini dan telah diterima luas oleh para penyelidik pada masa kini ialah:

- a) Bagaimana dan mengapa tingkahlaku konflik dan peperangan bermula?
- b) Bagaimanakah satu-satu tingkahlaku konflik dan perang tertentu berhenti?
- c) Apakah bentuk-bentuk perjalanannya, yakni proses-proses yang terlibat.

Biasanya, ahli-ahli sejarah mengkaji peristiwa-peristiwa lepas dan menulis kajian mereka mengikut peristiwa-peristiwa tersebut. Misalnya, bagaimana perang berlaku dan bagaimana ia tamat. Ahli sains sosial pula menggunakan cara yang sama dengan menitikberatkan aspek *regularities* dan *consistencies* untuk menentukan unsur-unsur tingkahlaku manusia yang berulang-ulang dengan harapan mereka dapat membentuk satu-satu teori. Mereka percaya bahawa peristiwa-peristiwa dalam masyarakat berlaku dalam corak-corak tertentu. Pengkajian hubungan antarabangsa mengambil kedua-dua cara tersebut. Sesungguhnya, corak pengajian sejarah masih berkesan dan berpengaruh. Ini adalah kerana struktur asas masyarakat antarabangsa masih belum berubah dengan drastiknya. Misalnya masyarakat antarabangsa masih dipengaruhi pada kadar yang tinggi dengan struktur negara-bangsa. Ia masih kekal dan tidak dapat diubah. Oleh itu pengetahuan penyelidik tentang asas-asas yang membentuk masyarakat antarabangsa harus *mencukupi*. Persoalan yang timbul ialah pengetahuan di tahap manakah yang boleh dikatakan *mencukupi* itu? Menurut P.A. Reynolds,

Total understanding of any aspect of existence is impossible without total understanding of all other aspects. So man cannot achieve more than partial understanding of anything, though this partial understanding may often be sufficient for all practical purposes of behavior, decision and action.
(P.A. Reynolds: 1971, 3).

Sesungguhnya, elemen utama kajian hubungan antarabangsa ialah manusia. Oleh kerana manusia mewakili dan dipengaruhi oleh berbagai aspek semulajadi dan bukan semulajadi, maka penyelidik dikehendaki untuk memahami keseluruhan aspek pengetahuan dan pengaruhnya terhadap manusia. Bila kita melihat hubungan antarabangsa dalam skop yang begitu luas ini, ia menjadi satu bidang yang amat sulit, sukar dan kompleks untuk dikuasai. Sehingga kini, akibat kesukaran dan kekompleksitian yang tersebut, menyebabkan bidang ini masih

dikatakan bergiat mencari dan mengumpul data-data asas bagi membentuk teori-teori yang boleh dipertanggungjawabkan. Adalah jelas bahawa keluasan skop bidang ini tidak akan berupaya dipenuhi sepenuhnya dengan memuaskan. Inilah yang merupakan masalah utama kajian yang telah banyak merencatkan usaha mencari *kebenaran* dan membentuk teori-teori yang boleh dipertanggungjawabkan itu.

Batasan-batasan Kajian

Sesungguhnya adalah menjadi tanggungjawab setiap penyelidik untuk membentangkan *kebenaran* atau apa yang boleh dibuktikan sebagai *kebenaran* dalam setiap kajian mereka. Namun begitu *kebenaran* selalunya amat sukar didapati di dalam penganalisaan hubungan antarabangsa. Buktinya ialah : tidak pernah wujud satu persetujuan mutlak tentang sebab-sebab kejadian dan situasi-situasi dan juga deskripsi tentang kejadian-kejadian dan situasi tersebut. Inilah sebenarnya yang melahirkan berbagai-bagai perspektif dalam penyelidikan terutamanya penyelidikan hubungan antarabangsa berkaitan dengan krisis. Umpamanya, ada yang melihat tingkahlaku krisis sebagai disebabkan oleh sifat serta naluri asas manusia misalnya Lewis Coser dan H.L. Nieburg, ataupun yang menekankan peranan institusi dan sistem antarabangsa seperti Tocqueville dan Marx (J.E. Dougherty, R.L. Pfaltzgraff: 1981:82-189).

Ini adalah kerana fokus utama kajian hubungan antarabangsa ialah tingkahlaku manusia yang bersabit dengan keputusan politik negara terutamanya keputusan-keputusan berkenaan dengan pembentukan dan pelaksanaan dasar luar negara mereka. Oleh itu ia memerlukan pencarian dokumen-dokumen sulit yang membawa kepada pembuatan sesuatu keputusan oleh pembentuk-pembentuk dasar. Adalah amat sukar untuk mendapatkan dokumen-dokumen tersebut lebih-lebih lagi jika ia menyangkut soal kepentingan keselamatan nasional dan isu-isu *high politic*. Mungkin juga dokumen yang dicari itu tidak wujud langsung ataupun dokumen yang didapati tidak memadai untuk membentuk sebarang teori ataupun idea asas yang objektif.

Kedadaan mungkin diburukkan lagi sekiranya keputusan yang dibuat sebelum itu, diubah pula untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. Pokoknya tingkahlaku yang melibatkan kepentingan politik kerajaan dan negara, walaupun dijelaskan dengan terang dan jujur, masih tidak boleh digunakan secara bebas ataupun dijadikan sebagai satu petunjuk yang boleh dipertanggungjawabkan dalam pembentukan sebarang teori asas untuk memahami kenapa satu-satu tindakan itu diambil oleh satu-satu kerajaan. Ini adalah kerana tingkahlaku sebenar kerajaan adalah bergantung kepada pelbagai faktor luaran seperti keputusan serta tingkahlaku yang dibuat oleh negara lain dan pengaruh elemen-elemen luar yang tidak boleh dielak atau dikawal.

Sesungguhnya, penyelidikan-penyelidikan mengenai hubungan antarabangsa sering tidak berupaya untuk meramalkan satu-satu kejadian kerana bidang ini amat luas, amat kompleks dan setiap elemen-elemennya saling bergantung dan berubah-ubah. Menurut Karl Deutsch;

International relations is the study of that area of human action - where inescapable interdependence meets with inadequate control (Karl Deutsch: 1968: IV).

Kepelbagaian pengalaman dan latarbelakang negara-negara yang menjadi aktor utama hubungan antarabangsa membentuk tingkahlaku negara-negara yang kompleks dan sukar dimengertikan. Kekompleksitan bidang ini menjadi masalah utama penyelidik dalam usahanya untuk menginterpretasikan kejadian-kejadian di arena antarabangsa. Akibatnya mungkin melahirkan teori-teori yang lemah, interpretasi yang kurang tepat serta hujah-hujah yang tidak kongkrit. Misalnya, kita tidak boleh menggunakan suatu teori yang umum untuk menerangkan fenomena Perang-perang Arab-Israel, Perang Iran-Iraq dan Perang Iraq-Kuwait, bukannya kerana ia tidak mempunyai persamaan-persamaan dari segi kontekstual dan aktor-aktor yang terlibat, tetapi kerana teori yang ada dalam khazanah hubungan antarabangsa telah tidak memberikan ruang yang cukup untuk diterapkan secara memuaskan. Kalau berdasarkan kepada pandangan Bell,² umpamanya, Perang Arab-Israel boleh dilihat sebagai contoh *adversary*, Perang Iran-Iraq sebagai contoh *intramural* dan begitu juga perang Iraq-Kuwait berdasarkan aktor-aktor yang terlibat secara kasarnya. Tetapi, umum mengetahui bahawa dalam ketiga-tiga peperangan itu, terdapat aktor-aktor lain yang terlibat secara aktif seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Soviet Union, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, OIC dan lain-lain. Teori Bell tidak memberi ruang untuk kita meletakkan dalam kategori mana, peranan kuasa-kuasa luar ini hendak diambil kira. Justeru, kajian kita akan sentiasa bersifat longgar dan tidak mencukupi.

Sememangnya, kajian-kajian terhadap peristiwa-peristiwa politik amat sukar dijamin kesahihan dan ketepatannya kerana tiada siapa yang benar-benar mengetahui tentang apa yang berlaku, perkara yang dibincangkan di bilik-bilik persidangan serta di kamar-kamar pembuat keputusan kecuali mereka yang terlibat secara langsung dalam proses tersebut. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mereka yang terlibat ini untuk menyampaikan butir-butir sebenar

2. Untuk tujuan menganalisa tingkahlaku krisis, Coral Bell telah membahagikan tingkahlaku-tingkahlaku tersebut kepada cuma dua kategori iaitu kategori *adversary* iaitu tingkahlaku krisis yang melibatkan dua atau lebih negara yang sedia bermusuhan samada di peringkat pengimbang kuasa tempatan atau pusat, dan kategori *intramural* iaitu krisis yang melibatkan ahli-ahli dalam satu pakatan melibatkan sistem kuasa dominan dan sistem kuasa serantau. Rujuk Coral Bell *The Convention of Crisis: A Study In Diplomatic Management* bab.1.

tentang apa yang berlaku. Tetapi, apakah pada realitinya, ini sebenar-benarnya berlaku? Apakah sidang-sidang akhbar yang diadakan oleh pembuat-pembuat keputusan itu sentiasa berkisar kepada pemberitahuan maklumat sah atau cuma merupakan sidang akhbar yang mahu digunakan sebagai alat propaganda pihak-pihak tertentu? Seringnya, sidang-sidang akhbar yang diadakan cuba memaparkan kenyataan-kenyataan pemimpin yang telah disunting-atur dengan baik serta dirancangan begitu agar melahirkan kesan yang mereka kehendaki. Seorang bekas President Amerika Syarikat iaitu F.D. Roosevelt pernah mengatakan bahawa:

In politics, nothing happens by accident. If it happens, you can bet it was planned that way (Gary Allen: 1971: 8).

Walaupun mungkin pendapat beliau agak keterlaluan, namun sedikit sebanyak ia memperlihatkan unsur strategi dalam setiap tingkahlaku kerajaan termasuklah strategi untuk menutup kesilapan-kesilapan serta fakta-fakta sebenar dengan tujuan terus mendapat sokongan ramai. Ini sudah cukup untuk menambahkan rasa sangsi penyelidik terhadap sebarang maklumat resmi, justeru kajian-kajian yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik akan menjadi tempang.

Maklumat yang didapati dari data pemberitaan media-massa merupakan salah satu sumber primer dalam kajian para sarjana. Jika data pemberitaan itu tidak tepat akibat penyuntingan yang berat sebelah dan kawalan yang keterlaluan, maka maklumat yang dijadikan asas penganalisan sarjana tersebut sudah tentunya tidak akan dapat menggambarkan hal sebenarnya. Justeru, generasi sarjana masa depan malah masakini juga terutama sarjana yang tidak mengalami sendiri peristiwa itu melalui penyelidikan turut-serta misalnya, tidak akan berjaya melahirkan kajian yang objektif dan benar. Maka masalah yang sering melanda para penyelidik untuk mencari, mendapatkan serta memaparkan kebenaran akan terus berlanjutan.

Penyelidik-penyelidik mungkin akan merasa lega apabila pendemokrasian media-massa benar-benar wujud di dunia ini. Pendemokrasian media-massa harus bermakna bahawa butir-butir yang dipaparkan dalam akhbar-akhbar itu sudah boleh dipertanggungjawabkan. Ia juga harus bermakna bahawa keinginan universal untuk mendapatkan maklumat tepat, cepat dan yang pentingnya *benar*, tercapai dengan sesungguhnya. Salah satu unsur penting demokrasi ialah kebebasan awam dalam mendapatkan berita kerana pengaruh berita yang begitu signifikan dalam pembentukan idea dan kefahaman tentang sesuatu kejadian itu. Pemberita sememangnya mempunyai peranan yang penting dalam membentuk pendirian politik sekaligus sokongan orang ramai terhadap tingkahlaku satu-satu kerajaan. Justeru, kepentingan ini sering dimanipulasikan untuk kepentingan setengah-setengah pihak.

Umumnya, wujud sekurang-kurangnya dua aspek dalam pemberitaan yang boleh melahirkan kesangsian ini. Pertama ialah pemberita mungkin tidak diberi gambaran yang sebenar atau berita yang disampaikan oleh pihak-pihak tertentu walaupun disunting dan diputarbelitkan oleh pihak-pihak yang memberikan maklumat tersebut dan keduanya, pemberita mungkin takut memberitahu hal sebenar kerana sekatan-sekatan yang mungkin dikenakan ke atasnya. Berikut ini merupakan petikan temubual Professor Noam Chomsky dengan Rick Szykowny dalam *The Humanist* mengenai Perang Teluk 1991, dan mengenai bagaimana media barat telah tidak memaparkan hal sebenar yang berlaku sebelum Perang Teluk antara Iraq dan Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat;

... on August 12, Iraq apparently offered to withdraw from Kuwait as part of a general withdrawal from occupied Arab lands. That would mean, with the withdrawal of Syrian troops from Lebanon, the withdrawal of Israeli troops from Lebanon, and the withdrawal of Israeli forces from the occupied territories, they would give up Kuwait. Well, that's not an entirely unreasonable proposal; you can imagine a basis for discussion. **It was dismissed. It was dismissed in the New York Times in one sentence - in the course of a news article on another topic. TV news just laughed at it**(*The Humanist* : 1990 : 8 dipetik dari Berita PSSM, bil. 2, Januari 1991).

Pemberitaan dalam krisis Teluk seperti di atas memperlihatkan bagaimana begitu sukarnya untuk mengetahui kebenaran terutamanya kerana pada waktu perang dan krisis, segala alat dan pengaruh kuasa digunakan dengan sepenuhnya untuk menentang pihak lawan. Propaganda sebagai salah satu alat dasar luar satu-satu negara sering digunakan seluas-luasnya samada menerusi media-elektronik, buku-buku, makalah-makalah serta penyebaran berita-berita yang tidak boleh dibuktikan kesahihannya. Menurut P.A. Reynolds propaganda semasa perang sering merupakan percampur-adukkan berita-berita palsu dan benar... kesemuanya dengan tujuan untuk mencapai kemenangan. (Rujuk P.A. Reynolds: 1971:136).

Apakah kesan semua ini kepada seorang penyelidik? Pertamanya, ia mungkin melahirkan rasa bosan dengan berita-berita yang berat sebelah justeru menolak mentah-mentah segala maklumat yang datang dari elemen-elemen barat. Keduanya, butir-butir yang boleh digunakan untuk penyelidikannya akan disangsikan kesahihannya justeru mencatatkan penganalisaannya.

Mungkin salah satu sebab kenapa krisis-krisis politik antarabangsa tidak boleh ataupun amat sukar dicari penyelesaiannya adalah kerana perkara sebenarnya tidak diketahui. Teori-teori pengurusan krisis dibina atas asas-asas yang tidak sah serta atas premis yang telah dieksploitasi dan dimanipulasikan. Sudah tentu

ini melahirkan teori-teori pengurusan yang tidak berupaya mengurus krisis sebenar. Coral Bell dalam bukunya *The Convention of Crisis* mengatakan bahawa krisis merupakan satu tempoh yang amat sengit dan singkat masanya. Ia memerlukan penyelesaian segera, pembuatan keputusan yang tepat dan cepat sekaligus memerlukan data yang lengkap (Coral Bell: 1971:11).

Untuk mengenalpasti krisis serta perkara-perkara yang membentuk krisis tersebut memerlukan bank data yang amat lengkap dan tepat. Tetapi apakah ini mungkin dapat dilaksanakan dalam keadaan maklumat yang tidak boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya? Akibatnya kajian-kajian mengenai krisis cuma dapat memberikan cara-cara pendekatan longgar samada berdasarkan pertimbangan politik kuasa (power politics) ataupun pertimbangan normatif seperti pandangan golongan idealist, dan bukannya jawapan yang bersifat *cut-and-dried*.

Selain dari itu, satu lagi masalah utama dalam kajian hubungan antarabangsa ialah faktor-faktor serta elemen-elemen yang berinteraksi membentuk insiden-insiden krisis kebanyakannya adalah merupakan faktor-faktor serta elemen-elemen yang sukar dikenalpasti dan ditentukan. Karl Deutsch menganggap bahawa bidang ini merupakan *an area full of uncertainty* (Karl Deutsch: 1968:V). Untuk menentukan faktor apakah yang benar-benar menyebabkan sesebuah kerajaan bertindak mengikut corak-corak tertentu adalah amat sukar.

Apa yang boleh dilakukan hanyalah pemaparan faktor-faktor umum yang mungkin telah mempengaruhi pembuat dasar melahirkan keputusan-keputusan tertentu. Misalnya dalam krisis Teluk, para sarjana tidak dapat mengenalpasti sebab sebenar Perang Teluk dilancarkan. Apakah kerana telaga minyak di Rumailah yang menjadi punca rebutan ataupun kerana beban hutang yang ditanggung oleh Iraq akibat Perang Iran-Iraq, yang dituntut oleh Kuwait? Faktor manakah yang telah mempengaruhi Presiden Saddam Hussein secara mutlak dalam mengarahkan serangan terhadap Kuwait? Jawapan yang dapat dikemuka oleh para pengkaji ialah Iraq menyerang Kuwait atas sebab-sebab ekonomi, yang merupakan suatu jawapan umum.

Untuk membandingkan sifat-sifat dan sebab-sebab sesuatu tindakan diambil oleh sesuatu negara itu dan bukan negara lain adalah amat sukar kerana setiap negara adalah berbeza-beza dengan kadar yang tinggi dari segi ciri-ciri asasnya dan kepentingan-kepentingannya dari satu negara ke satu negara lain. Menurut William Wallace;

... it is an attempt to compare what some would regard as incomparable. (William Wallace, 1971:7).

Apa yang jelas, untuk menggunakan satu-satu teori bagi membandingkan gerak tingkahlaku satu negara dengan negara lain akan hanya melahirkan generalisasi

yang sukar dipertahankan. Misalnya adalah sukar untuk membandingkan sifat-sifat tindakan negara Singapura dengan negara Malaysia walaupun kedua-dua negara berada dalam rantau yang sama dan pengalaman sejarah yang tidak jauh berbeza. Jadi, untuk menyelidik peristiwa-peristiwa dengan berpegangkan teori-teori yang ada pada hari ini akan hanya meletakkan hasil penyelidikan itu di tahap yang sama iaitu penyelidikan umum yang rapuh.

Rumusan

Dalam usaha penyelidikan mahu menghasilkan kajian yang objektif berdasarkan fakta-fakta yang *benar*, penyelidik sering dihadapkan dengan pelbagai masalah yang sukar diselesaikan. Masalah untuk mendapatkan dokumen-dokumen penting, butir-butir kejadian yang sahih berdasarkan teori-teori yang boleh diaplikasikan ke atas kebanyakan kalau tidak pun semua peristiwa dan keadaan, merupakan antara masalah serius yang dihadapi oleh penyelidik. Inilah merupakan batasan-batasan kajian yang terpaksa dihadapi. Sesungguhnya, para pengkaji memang sedar akan kepentingan masalah-masalah ini diselesaikan dengan segera. Tetapi, usaha penyelesaiannya memerlukan kerjasama semua pihak yang komited untuk mencari kebenaran dalam keadaan di mana *kebenaran* dan *objektiviti* itu sendiri bersifat relatif. Jadi, bagaimanakah penyelidik boleh membantu pembuat polisi mengurus dan menyelesaikan konflik, jika masalah-masalah asas ini tidak dapat diselesaikan? Prof. Steve Chan dalam *International Relations in Perspective*, mengatakan bahawa;

.. All too often, students feel frustrated about having to deal with imperfect theories and inconclusive evidence. They simply want to be told the "truth". Unfortunately, "truth" is usually in short supply in the analysis of international relationswe must learn to live with uncertainty. We must also be able to distinguish strong arguments from weak arguments, and to adjust our confidence in them accordingly. (Steve Chan : 1984:V).

Dalam kata lain, kita terpaksa menerima hakikat ini sehinggalah satu penyelesaian dapat dicapai mungkin dalam bentuk pengumpulan fakta-fakta dan maklumat secara mekanikal pada skala yang besar dan menyeluruh. Sudah tentu ini akan membolehkan penyelidik hanya menekankan aspek prinsipal dan hipotesis-hipotesis dan kaitan-kaitan antaranya. Justeru, mereka boleh melupakan politik pencarian dan pemilihan maklumat, sebaliknya terus dengan tugas mereka mengkaji politik antara manusia secara lebih objektif.

Rujukan

- Allen, G. *None Dare Call It Conspiracy*, Rossmoor, California: Concord Press, 1971.
- Bell, C. *The Conventions of Crisis: A Study In Diplomatic Management*, Oxford: The Royal Institute of International Affairs, 1971.
- Chan, S. *International Relations in Perspective*, New York: Macmillan, 1984.
- Chomsky, N., Steele, J., & Gittings, J. *Super Powers In Collision*, Harmondsworth, Middlesex : Penguin, 1984.
- Deutsch, K.W. *The Analysis of International Relations*, Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, 1968.
- Dougherty, J.E. & Pfaltzgraff, R.L. *Contending Theories of International Relations*, New York: Harper & Row Publishers, 1981.
- Kaplan, M. *On Historical and Political Knowing*, Chicago & London: The University of Chicago Press, 1971.
- Northedge, F.S. *The International Political System*, London: Faber and Faber, 1976.
- Reynolds, P.A. *An Introduction to International Relations*, London: Longman, 1971.
- Rosen, J.J. & Jones, W.S. *The Logic of International Relations*, Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers, 1980.
- Wallace, W. *Foreign Policy and the Political Process*, London & Basingstoke: Macmillan, 1971.